APPGM-SDG

PERSATUAN PROMOSI MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI
PPM-023-14-07012020

ZON SELATAN

NEGERI SEMBILAN | MELAKA | JOHOR



KOMPILASI LAPORAN BENGKEL PEMBANGUNAN KAPASITI KAWASAN PARLIMEN

2025

Jilid 4 (Zon Selatan)

Kompilasi Laporan Bengkel Pembangunan Kapasiti Kawasan Parlimen 2025 (Jilid 4: Zon Selatan)

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia
Berkenaan Matlamat Pembangunan Mampan (APPGM-SDG)

Diterbitkan oleh:

Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari
A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1, Seksyen 8, 46050 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

© 2026 Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari


Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, diedarkan, atau dihantar dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara, termasuk fotokopi, rakaman, atau kaedah elektronik atau mekanikal yang lain, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada penerbit, kecuali bagi petikan ringkas yang terkandung dalam ulasan kritikal dan kegunaan bukan komersial tertentu yang lain yang dibenarkan oleh undang-undang hak cipta.

Penafian: Pandangan dan pendapat yang dinyatakan dalam penerbitan ini adalah milik pengarang dan tidak semestinya mencerminkan dasar atau pendirian rasmi pihak penerbit.


ISBN: 978-629-7752-48-8


ISI KANDUNGAN















5



P.161 Pulai

Halaman

164

KATA ALUAN



YB PUAN YOUNG SYEFURA OTHMAN
Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG;
Ahli Parlimen Bentong (P.089)

Bismillahirrahmanirahaim.
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Salam sejahtera.

Saya berbesar hati atas penerbitan *Kompilasi Laporan Bengkel Pembangunan Kapasiti Kawasan Parlimen 2025*. Selaku Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG saya menyambut baik penerbitan *Kompilasi* ini, dan mengucapkan tahniah kepada pasukan Unit Pembangunan Kapasiti, Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen, APPGM-SDG.

Pembangunan negara pada akhirnya harus diterjemahkan kepada perubahan yang dapat dirasai oleh rakyat. Setiap kawasan Parlimen mempunyai realiti dan keperluan yang tersendiri. Apa yang menjadi keutamaan di sebuah kawasan mungkin berbeza daripada kawasan yang lain, bergantung kepada struktur ekonomi, keadaan sosial, alam sekitar, demografi, kemudahan serta sumber dan potensi yang terdapat di kawasan tersebut. Oleh itu, suara dan pengalaman masyarakat di peringkat tempatan perlu menjadi sebahagian daripada proses pembangunan. Dasar yang baik memerlukan pemahaman yang baik tentang realiti di lapangan, manakala penyelesaian yang berkesan memerlukan kerjasama antara mereka yang memahami dasar dengan mereka yang berhadapan secara langsung dengan isu tersebut.

Dalam hal ini, institusi Parlimen Malaysia mempunyai kedudukan yang unik. Ahli Parlimen bukan sahaja membawa suara rakyat ke institusi Parlimen, tetapi turut memainkan peranan penting dalam menghubungkan keperluan kawasan dengan agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan pemegang taruh pembangunan yang lain. *Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan* anjuran Unit

Pembangunan Kapasiti, Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen, APPGM-SDG menyediakan satu pentas yang penting bagi mengukuhkan hubungan tersebut. Melalui penglibatan pelbagai pihak, isu dan cabaran setempat dapat dibincangkan secara lebih terbuka dan tersusun, manakala peluang untuk membina penyelesaian secara bersama dapat dikenal pasti.

Lebih penting, proses ini menggalakkan kita untuk melihat pembangunan bukan hanya daripada sudut masalah, tetapi juga daripada sudut aset, kekuatan dan potensi yang dimiliki oleh sesebuah komuniti. *Kompilasi Laporan Bengkel Pembangunan Kapasiti Kawasan Parlimen 2025* ini menghimpunkan sebahagian daripada pengetahuan dan pandangan yang diperoleh melalui proses tersebut. Ia memberikan gambaran tentang cabaran yang dihadapi di peringkat tempatan, di samping mengetengahkan cadangan dan potensi penyelesaian yang telah dikenal pasti bersama oleh pemegang taruh.

Saya percaya dapatan seperti ini mempunyai nilai yang lebih luas daripada sekadar menjadi rekod sesuatu program. Ia boleh menjadi bahan rujukan dalam memahami keutamaan kawasan, memperkukuh penyelarasan antara pihak berkepentingan dan menyokong perbincangan berkaitan dasar serta pembangunan pada masa hadapan. Pembangunan mampan merupakan tanggungjawab bersama. Ia memerlukan kerajaan yang responsif, institusi yang berkesan, komuniti yang berdaya tahan serta kerjasama daripada seluruh lapisan masyarakat.

Semoga usaha yang dirakamkan melalui laporan ini dapat terus memperkukuh hubungan antara Parlimen dan masyarakat serta menyumbang kepada pembangunan yang lebih inklusif, berasaskan bukti dan benar-benar berpaksikan keperluan rakyat.

PRAKATA



PUAN NUR RAHMAH OTHMAN
Pengarah Eksekutif APPGM-SDG

Pembangunan mampan memerlukan lebih daripada komitmen terhadap matlamat dan sasaran. Ia memerlukan keupayaan untuk memahami realiti, mengenal pasti keutamaan, menggerakkan kerjasama dan menterjemahkan pengetahuan kepada tindakan.

Dalam usaha memperkukuh penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) di Malaysia, APPGM-SDG mengambil pendekatan yang memberi penekanan kepada penglibatan di peringkat kawasan parlimen dan daerah. Pendekatan ini berasaskan kepada keyakinan bahawa pembangunan yang lebih berkesan perlu mengambil kira pengetahuan dan pengalaman yang wujud di peringkat akar umbi serta menyediakan ruang kepada pemegang taruh untuk menjadi sebahagian daripada proses penyelesaian.

Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan merupakan salah satu usaha untuk mencapai tujuan tersebut. Sepanjang tahun 2025, sebanyak 28 bengkel telah dilaksanakan dengan penglibatan Ahli-ahli Parlimen, agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, organisasi masyarakat sivil, komuniti dan pelbagai pemegang taruh lain.

Proses ini menghasilkan satu himpunan pengetahuan dan perspektif yang penting tentang isu pembangunan di kawasan parlimen. Lebih daripada sekadar mengenal pasti masalah, perbincangan turut memberi tumpuan kepada memahami cabaran, mengenal pasti intervensi sedia ada, memetakan pihak yang berkaitan dan meneroka penyelesaian yang berpotensi untuk dilaksanakan.

Antara perkara yang semakin jelas melalui proses ini adalah hakikat bahawa cabaran pembangunan di peringkat akar umbi lazimnya bersifat saling berkait. Isu sosial,

ekonomi, alam sekitar, kesejahteraan masyarakat dan tadbir urus tidak semestinya boleh diselesaikan melalui pendekatan satu sektor atau satu agensi sahaja.

Keadaan ini mengukuhkan keperluan kepada pendekatan *whole-of-society* dan *whole-of-government*, di mana penyelesaian dibangunkan melalui kerjasama antara institusi, agensi dan komuniti. Dalam konteks ini, peranan Parlimen adalah penting sebagai ruang yang menghubungkan suara rakyat, pembuat dasar dan pihak pelaksana.

Dokumen laporan ini merupakan satu usaha untuk membawa dapatan daripada peringkat kawasan kepada gambaran yang lebih luas. Ia membolehkan persamaan isu, cabaran rentas kawasan dan potensi penyelesaian dikenal pasti, di samping memberikan perhatian kepada konteks khusus setiap lokaliti.

Kompilasi Laporan Bengkel Pembangunan Kapasiti Kawasan Parlimen 2025 ini juga perlu dilihat sebagai satu sumber pengetahuan berasaskan pengalaman dan realiti setempat. Dapatan yang terkandung berpotensi menyokong perbincangan yang lebih berasaskan bukti dalam merangka intervensi, memperkukuh penyelarasan antara agensi serta mengenal pasti ruang tindakan yang boleh diteruskan.

Namun, penerbitan *Kompilasi* ini bukan titik akhir kepada proses ini. Sebaliknya, ia merupakan satu titik rujukan untuk langkah seterusnya dengan menghubungkan dapatan kepada perancangan, perancangan kepada sumber, dan sumber kepada tindakan.

Dalam konteks tersebut, bengkel pembangunan kapasiti perlu difahami sebagai proses yang berterusan. Pembinaan kapasiti bukan hanya berkaitan dengan peningkatan pengetahuan, tetapi juga pembinaan hubungan, kepercayaan, keupayaan untuk bekerjasama dan kesediaan untuk bertindak secara kolektif.

APPGM-SDG merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Parlimen, kementerian dan agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, organisasi masyarakat sivil, komuniti serta semua pemegang taruh yang telah memberikan masa, kepakaran dan komitmen sepanjang pelaksanaan *Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan 2025*.

Semoga kompilasi ini dapat menjadi salah satu rujukan yang menyumbang kepada pengukuhan penyetempatan SDG, memperluas kerjasama antara institusi dan masyarakat, serta menyokong usaha membina pembangunan Malaysia yang lebih inklusif, berdaya tahan dan mampan.

PENGENALAN



SITI SHAFINA SANUSI
Penolong Pengarah &
Ketua Fasilitator Latihan dan Pendidikan
Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen
APPGM-SDG

Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals - SDG*) menyediakan kerangka global bagi membentuk pembangunan yang inklusif, saksama, berdaya tahan dan mampan. Walau bagaimanapun, keberkesanan agenda tersebut bergantung kepada sejauh mana matlamat dan aspirasi global dapat diterjemahkan kepada dasar, perancangan dan tindakan yang bersesuaian dengan realiti masyarakat di peringkat tempatan.

Dalam konteks Malaysia, institusi perwakilan di peringkat parlimen merupakan antara ruang penting yang mempertemukan masyarakat, wakil rakyat, kerajaan, agensi pelaksana, pihak berkuasa tempatan dan pelbagai pemegang taruh pembangunan. Kedudukan mereka yang paling dekat dengan komuniti memberikan kelebihan kepada Ahli dan Pejabat Parlimen untuk mengenal pasti isu sebenar yang dihadapi masyarakat serta memahami keperluan dan potensi tempatan dengan lebih dekat.

Atas kefahaman tersebut, *Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan* anjuran Unit Pembangunan Kapasiti, Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen, APPGM-SDG dilaksanakan sebagai satu pentas untuk memperkukuh proses penyetempatan SDG melalui penglibatan dan pembelajaran bersama di peringkat kawasan parlimen. Bengkel ini memberi penekanan kepada peningkatan pengetahuan berkaitan SDG. Ia juga membuka ruang untuk pelbagai pemegang taruh untuk mengenal pasti isu, menganalisis cabaran, memetakan intervensi sedia ada serta meneroka penyelesaian yang berpotensi dilaksanakan secara bersama.

Sepanjang tahun 2025, sebanyak 28 bengkel telah berjaya dilaksanakan di 32 kawasan parlimen yang terlibat dengan menghimpunkan pelbagai pemegang taruh daripada sektor kerajaan, pihak berkuasa tempatan, masyarakat, wakil komuniti dan pihak berkepentingan yang lain. Kepelbagaian ini penting bagi membolehkan isu pembangunan dilihat daripada perspektif yang berbeza serta mengenal pasti ruang kerjasama yang melangkaui sempadan sektor dan institusi.

Pendekatan yang digunakan turut memberi penekanan kepada peralihan daripada pengenalpastian isu kepada pembentukan penyelesaian. Melalui proses perbincangan secara berstruktur, peserta digalakkan untuk memahami hubungan antara isu, punca dan kesannya, mengenal pasti intervensi yang telah tersedia serta meneroka peranan pihak-pihak yang berkaitan dalam menangani cabaran tersebut.

Dapatan daripada proses ini kemudiannya dihimpunkan dalam laporan dan disusun mengikut zon. Pendekatan ini membolehkan isu dan tema yang mempunyai persamaan dikenal pasti merentasi kawasan parlimen, pada masa sama mengekalkan konteks dan keunikan setiap lokaliti. Ia juga membuka ruang untuk melihat cabaran pembangunan bukan semata-mata sebagai isu yang terasing mengikut kawasan, tetapi sebagai sebahagian daripada arus atau *trend* yang mempunyai hubungan dan implikasi yang lebih luas.

Kompilasi Laporan Bengkel Pembangunan Kapasiti Kawasan Parlimen 2025 ini berfungsi sebagai satu bentuk dokumentasi pengetahuan dan bukti daripada peringkat tempatan. Ia merakamkan pandangan, pengalaman dan cadangan pemegang taruh yang terlibat serta menyediakan asas untuk perbincangan yang lebih tersusun berkaitan intervensi dan tindakan susulan melalui kerjasama penyelarasan.

Dalam kerangka ini, bengkel pembangunan kapasiti perlu dilihat sebagai sebahagian daripada proses *SDG localisation* yang lebih luas selain menghubungkan aspirasi pembangunan di peringkat global dan nasional dengan realiti, keutamaan serta kapasiti yang wujud di peringkat kawasan parlimen.

Akhirnya, kejayaan bengkel pembangunan kapasiti tidak hanya diukur berdasarkan bilangan bengkel atau jumlah peserta yang terlibat. Tetapi melalui sejauh mana pengetahuan dan dapatan yang dihasilkan dapat menyumbang kepada tindakan yang lebih menyeluruh, keputusan yang lebih berasaskan bukti dan pembangunan yang lebih responsif terhadap keperluan masyarakat. *Kompilasi* ini dan laporan-laporan yang dimuatkan dalamnya menjadi satu langkah dalam proses tersebut.

Laporan Bengkel Pembangunan Kapasiti

P.127 Jempol

BAHAGIAN 1 Pengenalan

Latar Belakang 2

Objektif 4

Kaedah Pelaksanaan 5

Ringkasan Aktiviti yang telah Dijalankan 5

BAHAGIAN 2 Aktiviti Bengkel

Aktiviti I: Sesi Pengenalan (*Ice Breaking*) 6

Aktiviti II: Pendedahan Mengenai SDG 7

Aktiviti III: Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Jempol 8

Aktiviti IV: Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan 9

BAHAGIAN 3 Hasil Dapatan

Hasil Dapatan Pertama : Inisiatif Semasa 10

Hasil Dapatan Kedua : Cadangan Penyelesaian Isu oleh Agensi 24

BAHAGIAN 4 Penutup

Penutup 32



BAHAGIAN 1: Pengenalan

Latar Belakang

Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) bertujuan untuk meningkatkan kapasiti kepimpinan dan pengetahuan agensi kerajaan mengenai SDG. Bengkel bagi Parlimen Jempol telah berjaya dilaksanakan pada 29 Julai (Selasa) bertempat di Klana Resort, Seremban.

Seramai 14 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan telah hadir. Bengkel ini turut mendapat sokongan penuh daripada Pejabat Ahli Parlimen Jempol dan Pejabat Daerah dan Tanah Jempol. Jadual dibawah merupakan senarai agensi-agensi yang telah hadir ke bengkel ini:

BIL.	SENARAI AGENSI
1.	Pejabat Daerah dan Tanah Jempol
2.	Ibu Pejabat Polis Daerah Jempol
3.	Agensi Anti Dadah Kebangsaan
4.	Pejabat Pendidikan Daerah
5.	Jabatan Kerja Raya
6.	Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)
7.	Jabatan Kebajikan Masyarakat
8.	Jabatan Pengairan dan Saliran Jempol
9.	Angkatan Pertahanan Awam
10.	*Cement Industries of Malaysia Berhad (CIMA)*
11.	*Negeri Sembilan Cement Industries Sdn Bhd (NSCI)*

Program ini telah dikendalikan oleh 5 orang fasilitator daripada APPGM-SDG iaitu:



Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
Ketua Penyelidik Parlimen Jempol



Siti Shafina Sanusi
Pegawai
Pembangunan Kapasiti



Nurmaisarah Mohd Asri
Pegawai
Pembangunan Kapasiti



Ain Safwanah Sadikin
Penolong Pegawai
Pembangunan Kapasiti



Serisyakira Suparman
Penyelaras Tempatan
Parlimen Kuala Pilah

Objektif

Objektif utama bengkel ini adalah:

- **Meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG):** Bengkel ini bertujuan untuk memberikan pendidikan kepada peserta mengenai 17 SDG, kepentingannya di peringkat tempatan, serta kesannya terhadap kelestarian sosial, ekonomi, dan alam sekitar.

- **Menggalakkan kerjasama antara agensi dalam menangani cabaran pembangunan dan isu komuniti di peringkat tempatan:** Pengukuhan kerjasama antara agensi dapat memanfaatkan sumber secara lebih cekap, meningkatkan keupayaan menyelesaikan masalah, serta mewujudkan penyelesaian holistik yang sesuai dengan keperluan masyarakat setempat.

- **Mengenal pasti dan menggalakkan penglibatan agensi berautoriti serta pemimpin tempatan untuk menerajui pelaksanaan SDG di peringkat akar umbi:** Mengenal pasti dan memperkasakan pemimpin tempatan, pegawai kerajaan daerah, dan wakil komuniti yang berpotensi menjadi penggerak utama SDG, memberi inspirasi kepada orang lain, serta mendorong kesan jangka panjang dalam komuniti mereka.

- **Mengintegrasikan prinsip SDG dalam proses kerja harian, tadbir urus, dan rangka dasar :** Selain meningkatkan kesedaran dan perancangan, mengamalkan prinsip SDG dalam pembuatan keputusan harian dapat memastikan kelestarian kekal sebagai keutamaan dalam pentadbiran dan pembangunan. Ini melibatkan penyelarasan dasar, prosedur kerja, dan perancangan strategik dengan sasaran SDG, sekaligus membawa kepada perubahan institusi yang dapat meningkatkan kecekapan tadbir urus, pembangunan komuniti, dan pengurusan alam sekitar secara berterusan.

Kesemua objektif ini secara kolektif menyumbang kepada membangunkan budaya kelestarian, memastikan bahawa SDG bukan sahaja difahami tetapi dilaksanakan secara aktif pada semua peringkat tadbir urus dan penglibatan komuniti.

Kaedah Pelaksanaan

Berikut merupakan kaedah penyampaian yang telah digunakan sepanjang program berlangsung:

- Syarahan interaktif
- Perkongsian pengalaman
- Aktiviti dan permainan interaktif
- Perbincangan dalam kumpulan
- Pembentangan kumpulan

Ringkasan Aktiviti yang Telah Dijalankan

Bengkel yang telah dijalankan ini merangkumi empat (4) aktiviti utama yang berikut;

- **Aktiviti I** : Sesi pengenalan *'ice-breaking'*
- **Aktiviti II** : Pendedahan Mengenai SDG
- **Aktiviti III** : Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Jempol
- **Aktiviti IV** : Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan



BAHAGIAN 2: Aktiviti Bengkel

Aktiviti I : Sesi Pengenalan *(Ice-Breaking)*

Program telah dimulakan dengan sesi pengenalan (*ice breaking*) melalui permainan BINGO. Sesi ini bertujuan untuk memberi peluang kepada peserta saling berinteraksi agar mereka dapat mengenali antara satu sama lain dengan lebih dekat. Di samping itu, para peserta turut menulis nama dan agensi masing-masing pada *'name stand'* yang telah disediakan.












Aktiviti II : Pendedahan Mengenai SDG

Selepas sesi *ice-breaking,* program diteruskan dengan pengenalan Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (APPGM-SDG) dan penjelasan yang lebih terperinci mengenai 17 Matlamat Pembangunan Mampan. Sesi ini menghuraikan dengan lebih mendalam peranan penting SDG dalam pembangunan mampan serta bagaimana agensi-agensi boleh memainkan peranan aktif dalam mencapai sasaran tersebut. Para peserta turut didedahkan dengan langkah-langkah praktikal yang boleh diambil oleh agensi untuk menyelaraskan operasi dan program mereka dengan prinsip-prinsip SDG.






Aktiviti III : Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Jempol

Pengisian aktiviti bagi sesi seterusnya adalah perbincangan antara agensi dalam mencari penyelesaian isu setempat. Pembentangan isu-isu yang diperolehi hasil daripada lawatan pemetaan isu telah disampaikan oleh Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim, Ketua Penyelidik bagi Parlimen Jempol. Isu yang telah dipilih untuk diberi perhatian dan dibincangkan adalah seperti berikut;

- **Isu:** Peluang Pekerjaan yang Terhad













Aktiviti IV : Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan

Kumpulan Sokongan Penyampaian dan Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan merupakan satu inisiatif kolaboratif yang melibatkan kakitangan agensi kerajaan di peringkat negeri dan daerah di dalam sesebuah kawasan Parlimen bersama kumpulan pemimpin setempat dan ahli komuniti.

Kumpulan ini ditubuhkan dengan tujuan untuk memastikan pelaksanaan SDG dilaksanakan secara menyeluruh dan inklusif sehingga ke peringkat akar umbi. Ini bagi memastikan tiada individu atau kelompok masyarakat yang terpinggir atau ketinggalan dalam proses pembangunan yang dilaksanakan.

Sebagai simbolik komitmen dan sokongan terhadap penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan, bacaan ikrar telah diadakan oleh wakil-wakil agensi kerajaan yang hadir.



Bacaan ikrar Kumpulan Sokongan Penyampaian dan Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan Parlimen Jempol oleh wakil-wakil agensi yang hadir. Bacaan ikrar telah diketuai oleh Encik Noor Mohd Hazeem bin Halin.

BAHAGIAN 3: Hasil Dapatan

Hasil Dapatan Pertama : Inisiatif Semasa

Berdasarkan aktiviti Pemetaan SDG yang telah dijalankan, beberapa inisiatif semasa telah dikenal pasti sebagai contoh kejayaan dalam mengaplikasikan prinsip SDG di peringkat Parlimen Jempol. Pengenalpastian ini dilakukan melalui sesi perbincangan yang konstruktif, perkongsian maklumat yang menyeluruh serta refleksi mendalam daripada para peserta yang terlibat.

Inisiatif semasa yang dikenal pasti merupakan hasil dapatan daripada sesi perkongsian pihak agensi yang hadir, di mana mereka membentangkan tindakan serta program sedia ada yang telah dan sedang dilaksanakan dalam skop tugas harian masing-masing. Hasil dapatan ini telah disusun mengikut 5 tonggak utama SDG (*5 Pillars*) dan matlamat SDG utama bagi setiap program agensi. Rajah dibawah menunjukkan 5 tonggak utama SDG:



Hasil perbincangan bersama wakil-wakil agensi yang telah hadir, berikut merupakan senarai program-program yang dilaksanakan oleh agensi yang berkaitan di Parlimen Jempol berdasarkan 17 matlamat SDG.

P1-People / Kemanusiaan



MEMBASMI SEMUA BENTUK KEMISKINAN DI SELURUH DUNIA

BIL	AGENSI	PROGRAM
1.	Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)	• **Program Bantuan Usahawan Orang Asli Daerah Jempol** JAKOA telah menyalurkan bantuan kepada usahawan orang asli dalam meningkatkan ekonomi mereka. Bantuan tersebut adalah seperti berikut: - Bantuan peralatan perniagaan bagi orang asli di Rompin - Bantuan peralatan Kolam Pancing kepada orang asli di Kampung Orang Asli Panchor - Bantuan peralatan kedai runcit di Kampung Orang Asli Sungai Sampo Selain itu, terdapat juga pemberian peralatan gunting rambut bagi menyokong orang asli yang mengendalikan kedai gunting rambut. Bantuan ini diberikan pada akhir Ogos 2025. • **Program Baik Pulih Rumah Orang Asli** JAKOA juga menjalankan projek membaik pulih rumah orang asli di Jempol pada setiap tahun. Pada tahun 2024, projek ini disiapkan pada awal Julai 2024. Begitu juga bagi program baik pulih rumah orang asli 2025, ia berjaya disiapkan pada bulan Julai. Sepanjang tahun 2021 sehingga 2024, JAKOA telah membaik pulih sebanyak 1,056 buah rumah orang asli di seluruh Malaysia termasuk di Jempol. • **Program Bantuan Bina Rumah Baharu** Selain daripada membaik pulih rumah, JAKOA turut membantu orang asli membina rumah baharu

BIL	AGENSI	PROGRAM
		mereka. Bagi tahun 2024, projek pembinaan rumah baharu orang asli ini telah berjaya disiapkan pada Januari 2024. Bagi tahun 2025 pula, projek ini dijangka siap pada bulan Ogos. Bantuan seperti ini dapat memberi keselesaan kepada keluarga orang asli untuk menjalani kehidupan harian mereka. Sepanjang Rancangan Malaysia Ke-12 (2021-2024), sebanyak 208 buah rumah baharu telah dibina untuk orang asli di seluruh Malaysia. Projek membina rumah baharu dan membaik pulih rumah sepanjang RMK-12 ini membelanjakan peruntukan sebanyak RM27.429 juta.[1]
2.	Jabatan Kebajikan Masyarakat	• JKM Jempol telah memberikan bantuan kewangan kepada 3,200 orang Ketua Isi Rumah untuk membantu mereka keluar daripada status miskin tegar. • JKM Jempol juga memberikan bantuan geran pelancaran sebanyak RM5000 kepada dua orang peserta pada setiap tahun untuk menjalankan perniagaan. Kesannya, penerima geran berjaya keluar daripada golongan sasar penerima bantuan.
3.	Pejabat Daerah dan Tanah Jempol	• PDT Jempol menjalankan beberapa *Focus Group Discussion* (FGD) untuk mendapatkan data kualitatif tentang respon penduduk tempatan bagi beberapa program bantuan. • Program bantuan tersebut seperti e-Kasih (pangkalan data nasional isi rumah miskin dan miskin tegar), Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR), *Care for You* (C4U) yang merupakan program sokongan sosial dan bantuan komuniti) serta bantuan *Mobile Team* dimana pasukan bergerak untuk turun padang bagi mengesan dan menyampaikan bantuan terus kepada penerima.

[1] *#INFOJAKOA - Usaha JAKOA... - Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)*. (2025). Facebook.com. https://www.facebook.com/jakoamalaysia/posts/infojakoa-usaha-jakoa-bagi-kebajikan-masyarakat-orang-asli-melalui-projek-bantua/960121949618443/

BIL	AGENSI	PROGRAM
		• Lain daripada itu, PDT Jempol turut memberi bantuan sebanyak RM200 secara *one-off* kepada ibu tunggal dengan sasaran seramai 500 hingga 600 orang ibu tunggal di Jempol. • Di samping itu juga, PDT Jempol bergerak bersama pelbagai agensi pemberi bantuan seperti JKM, Pejabat Daerah dan NGO untuk memberi bantuan kepada golongan sasar. Anggaran pada pertengahan tahun 2025, sebanyak 30 keluarga dikenal pasti untuk menerima bantuan segera. Maklumat penerima bantuan turut dimasukkan ke dalam sistem e-Kasih untuk rekod rasmi dan kelayakan program susulan. • Secara ringkasnya, penerima manfaat daripada inisiatif PDT Jempol ini adalah daripada golongan miskin, miskin tegar, ibu tunggal, pelajar, kanak-kanak dan bapa tunggal.



MEMASTIKAN PENDIDIKAN BERKUALITI SECARA MENYELURUH DAN SAKSAMA SERTA MENGGALAKKAN PELUANG PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT UNTUK SEMUA

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Pejabat Pendidikan Daerah	• **Akses Sama Rata kepada Pendidikan** Dokumen Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025[2] yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menekankan komitmen kerajaan untuk memastikan sistem pendidikan negara berfungsi dengan berkesan dan inklusif, sebagai penyumbang utama pembangunan modal sosial dan ekonomi. Di samping itu, Pelan Pendidikan Masa Depan Malaysia 2026-2036 merupakan cadangan untuk membentuk semula sistem pendidikan negara

[2] chrome-extension://efaidnbmnnnibpcajpcglclefindmkaj/https://www.moe.gov.my/storage/files/shares/Dasar/PPPM/Pelan%20Pembangunan%20Pendidikan%202013%20-%202025%20Prasekolah%20-%20Lepas%20Menengah.pdf

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		menjangkau 10 tahun akan datang turut menekankan isu berkaitan kesaksamaan dan jurang pendidikan.[3] • **Pengurangan keciciran di sekolah** Menurut kenyataan Timbalan Menteri Pendidikan, kadar keciciran di peringkat sekolah rendah menurun daripada 0.10% (2020) kepada 0.06% (2024), dan di peringkat sekolah menengah turut menunjukkan penurunan. Program seperti *Zero Student Drop Out* (khusus untuk kumpulan memerlukan) turut dilaksanakan bagi mendukung pendidikan inklusif.[4] • **Kaedah Terbeza (Differentiated Instruction)** Kaedah Terbeza ditakrifkan sebagai pendekatan pengajaran yang mana para guru mengubah suai kurikulum, kaedah pengajaran mereka, sumber yang digunakan, aktiviti pembelajaran dan kaedah penilaian mengikut keupayaan setiap pelajar untuk memaksimumkan peluang belajar untuk setiap pelajar (Bearne, 1996).[5] Kaedah ini memberi banyak manfaat kepada pelajar terutama dari pelajar yang mempunyai keupayaan yang lemah sehingga kepada pelajar yang mempunyai keupayaan yang tinggi.[6] Segala inisiatif PPD dalam mengurangkan jurang pendidikan dan keciciran dalam kalangan pelajar menjadikan guru lebih mahir dalam membuat pembelajaran terbeza kepada murid. Perkara ini

[3] *Pelan Pendidikan 2026-2036 bentuk sistem pendidikan negara 10 tahun akan datang*. (2025). Portal Berita. https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/pelan-pendidikan-2026-2036-bentuk-sistem-pendidikan-negara-10-tahun-akan-datang

[4] Syed Jaymal Zahiid. (2025, August 12). *Education minister: Bumiputera make bulk of over 27,000 school dropouts, ministry focusing on needs-based aid*. Malay Mail; Malay Mail. https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/08/12/education-minister-bumiputera-make-bulk-of-over-27000-school-dropouts-ministry-focusing-on-needs-based-aid/187343

[5] Bearne, E. (Ed.). (1996). Differentiation and diversity in the primaryschool. London: Routledge.

[6] chrome-extension://efaidnbmnnnibpcajpcglclefindmkaj/https://journalarticle.ukm.my/22469/1/pp_7.pdf

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		penting dalam memastikan semua murid, tak kira lemah atau cemerlang, mendapat peluang belajar dengan optimum serta mengurangkan jurang pencapaian akademik dalam kelas.



MENCAPAI KESAKSAMAAN GENDER DAN MEMPERKASA SEMUA GOLONGAN WANITA

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Pejabat Pendidikan Daerah	• **Jurang Jantina dalam Pendidikan** PPD dalam usaha untuk merapatkan jurang pencapaian layak mendapat sijil SPM mengikut jantina. Intervensi ini berfokus kepada murid-murid yang memerlukan dan yang telah dikenal pasti. Pada tahun 2016, jurang jantina dalam pencapaian SPM adalah sebanyak 14.92, manakala pada tahun 2024, jurang jantina dalam pencapaian SPM pula adalah 5.41. Selain itu, bagi jurang jantina *Socioeconomic Status* (SES) antara pelajar bandar dan luar bandar pada tahun 2024 adalah sebanyak 0.54. Berdasarkan data tersebut, jurang jantina semakin merapat sejak masalah mula dikenal pasti dan ia menunjukkan keberkesanan intervensi. Bagi status sosioekonomi pula, murid daripada SES tinggi kebiasaannya mempunyai lebih banyak peluang, sumber dan sokongan untuk belajar. Jurang SES bandar dan luar bandar pada tahun 2024 yang menunjukkan 0.54 bermaksud jurang pencapaian antara murid di bandar dan luar bandar sangat kecil dan hampir seimbang.
2.	Jabatan Kebajikan Masyarakat	• JKM Jempol telah mengadakan ceramah dan Kempen Keselamatan Kanak-kanak di empat buah sekolah iaitu dua sekolah menengah dan dua sekolah rendah. Inisiatif ini dijalankan bagi menurunkan kadar jenayah dalam kalangan kanak-kanak yang berumur bawah 18 tahun.

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		• JKM Jempol turut menjalankan aktiviti melukis mural 'talian kasih 15999' dalam kalangan kanak-kanak supaya mereka ingat untuk menghubungi talian ini bagi meminta pertolongan sekiranya berlaku sebarang kecemasan kepada mereka. • 'Talian kasih 15999' ini beroperasi 24 jam setiap hari untuk masyarakat khususnya golongan rentan seperti kanak-kanak dan wanita mengemukakan sebarang pertanyaan, aduan mahupun permohonan yang merangkumi aspek berkaitan penderaan, kaunseling, perlindungan, kebajikan, talian kanak-kanak, pembuangan bayi, perkhidmatan kesihatan reproduktif dan masalah sosial remaja.[7]

P2-Prosperity / Kemakmuran



MEMASTIKAN AKSES KEPADA TENAGA MAMPU MILIK, BOLEH DIPERCAYAI, MAMPAN DAN MODEN UNTUK SEMUA

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Negeri Sembilan Cement Industries Sdn Bhd (NSCI)	• Berlakunya pengoperasian dan pengendalian Sistem Pemulihan Haba Sisa (*Waste Heat Recovery System, WHR*) di loji Bahau, Negeri Sembilan dan Perlis. Di loji Bahau, Negeri Sembilan, sistem ini menjimatkan sehingga 30% penggunaan elektrik dan mengurangkan pelepasan karbon dioksida sebanyak 24%.[8] • Sistem ini juga berfungsi memanfaatkan haba sisa yang terhasil daripada proses pembakaran batu kapur pada suhu sekitar 1,450°C untuk menjana tenaga elektrik dalaman.

[7] Adnan, T. B. T. M. (2020, November 30). *Talian Kasih 15999 beroperasi 24 jam*. Sinarharian. https://www.sinarharian.com.my/article/112596/BERITA/Nasional/Talian-Kasih-15999-beroperasi-24-jam
[8] *Sustainability | CIMA*. (2015). CIMA. https://www.cima.com.my/sustainability

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		• Pengaplikasian sistem ini menyebabkan haba sisa yang sebelum ini dilepaskan ke udara kini digunakan untuk memutar turbin penjana elektrik. Elektrik yang dijana digunakan secara terus di kilang, mengurangkan kebergantungan kepada bekalan elektrik daripada TNB. Berdasarkan CIMA juga, berlakunya pengurangan ketara dalam jumlah tenaga yang perlu dibeli daripada TNB melalui penggunaan sistem WHR ini. • Secara ringkasnya, sistem WHR membolehkan kilang menghasilkan sebahagian besar tenaga elektriknya sendiri, sekali gus menurunkan kos operasi, mengurangkan permintaan grid TNB, dan menyumbang kepada penjimatan tenaga negara.



MEMBANGUNKAN INFRASTRUKTUR BERDAYA TAHAN, MENGGALAKKAN PERINDUSTRIAN MENYELURUH DAN MAMPAN SERTA MERANGSANG INOVASI

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	*Cement Industries of Malaysia Berhad (CIMA)*	• CIMA dalam usaha membangunkan pelbagai produk mesra alam, hijau dan lestari untuk menggantikan produk yang intensif karbon bagi merendahkan impak karbon dalam atmosfera. • Sejak 2010, CIMA telah memperkenalkan *composite cement* dan produk konkrit berprestasi tinggi seperti *Ground Granulated Blast-furnace Slag* (GGBS) yang lebih mesra alam. Antara jenama NSCI seperti *NS EcoCrete, NS EcoCrete LH*, dan *NS EziCast* telah menerima akreditasi seperti *Green Label* dari *Singapore Environment Council* dan *Eco-Label SIRIM Malaysia.*[9] • CIMA juga telah menjalankan penggunaan bahan alternatif sejak 2007, bermula dengan *rice husk*, dan sejak 2014 menyertakan bahan seperti *pulverized fly*

[9] Products. (2015). CIMA. https://www.cima.com.my/products

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		ash, palm kernel shell, empty fruit bunch, carbon granule, dan *rubber* dalam proses pembakaran untuk mengurangkan kebergantungan pada bahan bakar fosil. Selain itu, mereka menggunakan bahan mentah alternatif seperti SW421 dan SW207 *sludge* serta *mud cake* untuk menyokong pengurangan penggunaan bahan mentah utama. ● Dalam mencapai matlamat *Net Zero Carbon* menjelang 2050, CIMA menerapkan prinsip *ESG (Environmental, Social, Governance)* dalam operasi harian dan inovasi produk mesra alam.



MENJADIKAN BANDAR DAN PENEMPATAN MANUSIA SEBAGAI MENYELURUH, SELAMAT, BERDAYA TAHAN DAN MAMPAN

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Jabatan Kerja Raya Jempol	● **Projek Klinik Kesihatan (Jenis 4) Rompin** JKR Jempol telah menaik taraf Klinik Kesihatan Rompin Jenis 4. Projek ini telah disiapkan sepenuhnya pada 1 Ogos 2024. Pada 9 Oktober 2024 pula berlakunya Majlis Penyerahan Projek Klinik Kesihatan (Jenis 4) yang diadakan di perkarangan Klinik Kesihatan Rompin. Dokumen penyerahan projek telah ditandatangani oleh Pengarah JKR Negeri Sembilan, YBrs. Ir. Wan Hasnan bin Wan Musa selaku Pegawai Penguasa Projek dan YBhg. Datin Paduka Roslinah binti Md Jani selaku wakil pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.[10] Melalui projek ini, penduduk setempat boleh mendapatkan rawatan awalan di Klinik Kesihatan tersebut terlebih dahulu kerana jarak ke Hospital Besar adalah jauh.

[10] *JKR Jempol - MAJLIS PENYERAHAN PROJEK KLINIK KESIHATAN (JENIS 4)...* (2024). Facebook.com. https://www.facebook.com/share/p/15ptGhwWPZ/

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		• Selain dari itu, JKR Jempol turut menjalankan penyelenggaraan di kawasan yang sering berlaku kemalangan jalan raya serta sentiasa memberi kesedaran kepada pengguna jalan raya untuk mengurangkan kes kemalangan jalan raya.

P3-Planet / Planet



MEMASTIKAN CORAK PENGGUNAAN DAN PENGELUARAN YANG MAMPAN

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	*Cement Industries of Malaysia Berhad (CIMA)*	• CIMA menggunapakai bahan buangan dari industri lain sebagai bahan mentah alternatif dan bahan bakar alternatif bagi menggantikan arang batu. Contohnya, tayar lama, sisa pertanian seperti hampas sawit, buluh betong, palet dan bahan buangan domestik yang telah diasingkan. • Inisiatif ini mampu mengurangkan penggunaan tapak pelupusan tanah sekaligus mengurangkan penggunaan arang batu dan batu kapur (*Natural Resources*).
2.	*Negeri Sembilan Cement Industries Sdn Bhd (NSCI)*	• NSCI, sebagai sebahagian daripada *Cement Industries of Malaysia* (CIMA), telah memasang sistem bahan bakar alternatif di kilang mereka di Bahau. Projek ini dirancang dan dilaksanakan dengan kerjasama Taiheiyo Engineering Corporation (Jepun).[11] • Penggunaan sistem campuran bahan bakar dan bahan mesra alternatif ini telah terbukti mengurangkan kebergantungan terhadap arang batu sebagai bahan bakar utama. Hasilnya menunjukkan peningkatan efisiensi penggunaan tenaga dan pengurangan 8-10% penggunaan bahan bakar utama (arang batu) dan bahan mentah utama.

[11] International Cement Review. (2015). *Going the alternative route*. International Cement Review. https://www.cemnet.com/Articles/story/157718/going-the-alternative-route.html

P4-Peace / Keamanan



MENGGALAKKAN PEMBENTUKAN MASYARAKAT YANG AMAN DAN MENYELURUH UNTUK PEMBANGUNAN MAMPAN, MENYEDIAKAN AKSES KEPADA KEADILAN UNTUK SEMUA DAN MEMBINA INSTITUSI YANG BERKESAN, BERTANGGUNGJAWAB DAN MENYELURUH PADA SEMUA PERINGKAT

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Polis Diraja Malaysia (PDRM)	• **Program *'Community Policing'*** Program *'Community Policing'* ini bertujuan untuk menyantuni masyarakat supaya lebih dekat dengan PDRM. Sebagai contoh, program *High Profile Policing, Meet and Greet* dan *Talk to Us.* Program-program seperti ini membuatkan masyarakat berasa mesra bersama PDRM di mana lebih mudah untuk mereka menyalurkan dan berkongsi maklumat tentang jenayah kepada PDRM. Bahkan, masyarakat juga akan lebih yakin dan percaya kepada PDRM sekaligus dapat meningkatkan pengetahuan masyarakat bagaimana untuk berhadapan dengan penjenayah. • **Kempen AMANITA** Kempen ini dilaksanakan oleh polis wanita di mana mereka akan mendekati para ibu dan suri rumah di kawasan perumahan. Objektif kempen ini dilaksanakan adalah untuk memberi kesedaran keselamatan dan pencegahan jenayah dalam kalangan wanita. Hasil daripada kempen ini, kadar jenayah berkaitan wanita dan isi rumah berjaya diturunkan. • ***Volunteer Smartphone Patrol* (VSP)** VSP merupakan satu inisiatif baru Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam mewujudkan kolaborasi dan kerjasama strategik mencegah jenayah

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		bersama masyarakat tempatan sebagai mata dan telinga pihak polis.[12] VSP sendiri adalah aplikasi mudah alih rasmi PDRM yang membolehkan masyarakat menyalurkan maklumat dalam bentuk gambar, video, teks dan lokasi GPS kepada polis.[13] Kewujudan aplikasi ini memudahkan tindakan pantas terhadap jenayah atau aktiviti mencurigakan yang dilihat oleh masyarakat. ● ***National Scam Response Centre* (997)** NSRC merupakan pusat panggilan nasional untuk mengekang jenayah penipuan dan scam. NSRC ini ditubuhkan di bawah kerjasama PDRM, Bank Negara Malaysia, *Malaysian Communications and Multimedia Commission* (MCMC), dan bank-bank utama.[14] Nombor *hotline* bagi NSRC ini adalah '997' untuk tindakan segera sekiranya menjadi mangsa scam. Contohnya apabila berlakunya pemindahan wang yang tidak sah.
2.	Agensi Anti Dadah Kebangsaan	● AADK di peringkat daerah terdapat Mesyuarat Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) yang bertanggungjawab menyelaras usaha pencegahan, rawatan, dan penguatkuasaan berkaitan dadah. ● AADK turut melaksanakan ceramah dan pameran yang terbuka kepada semua lapisan masyarakat. Misalnya, Program Ceramah & Pameran Antidadah yang telah dilaksanakan di SK Lui Muda pada 8 Ogos 2025[15]. Program ini telah disertai oleh 110 orang pelajar dan guru sekolah dengan tujuan untuk mencegah mereka daripada terjebak dalam masalah penagihan dadah.

[12] ukomkdn. (2021). *Volunteer Smartphone Patrol (VSP)*. Moha.gov.my. https://www.moha.gov.my/index.php/ms/terkini/3409-volunteer-smartphone-patrol-vsp
[13] *Volunteer Smartphone Patrol (VSP)*. (n.d.). Www.rmp.gov.my. https://www.rmp.gov.my/program-pdrm/volunteer-smartphone-patrol-(vsp)
[14] adminnfcc. (2025). *NSRC*. Laman Web Rasmi Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC). https://nfcc.jpm.gov.my/index.php/ms/nsrc
[15] *Aadk Jempol Aadk Jempol*. (2025). Facebook.com. https://www.facebook.com/share/p/1Fc4UkrBPP/

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		• Terdapat juga maklumat pencegahan dadah disebarkan melalui pelbagai saluran media seperti Facebook Rasmi AADK Jempol.[16] Masyarakat turut dimaklumkan tentang peluang menjadi sukarelawan atau untuk menyerah diri bagi mendapatkan bantuan pencegahan dan pemulihan apabila terjebak dengan dadah. • Semua jabatan kerajaan serta komuniti setempat dimaklumkan mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh AADK. Kesemua langkah ini memberi impak positif kepada komuniti.



MEMPERKUKUH KAEDAH PELAKSANAAN DAN MENGGIATKAN SEMULA PERKONGSIAN GLOBAL UNTUK PEMBANGUNAN MAMPAN

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Agensi Anti Dadah Kebangsaan	• AADK mengkaji dan berkongsi maklumat klien Orang Kena Pengawasan (OKP) dengan Balai Polis supaya pemantauan dapat dilakukan secara berkesan dan tindakan segera dapat diambil sekiranya berlaku pelanggaran syarat pengawasan. Klien (OKP) yang tidak cukup tempoh pengawasan atau gagal mematuhi syarat akan dikenakan tindakan lanjut mengikut peruntukan undang-undang.
2.	Angkatan Pertahanan Awam Jempol	• **Program Kesedaran** APM Jempol berperanan mengadakan program kesedaran berkaitan tindakan semasa berlaku bencana dalam kalangan masyarakat. Kesan daripada usaha ini, masyarakat dapat pengetahuan tentang tindakan segera yang perlu diambil semasa berlaku bencana seperti kebakaran, banjir dan sebagainya.

[16] Aadk Jempol Aadk Jempol. (2025). Facebook.com. https://www.facebook.com/aadk.jempol/

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		● **Program Kampung Siaga 221** APM turut membuat sesi latihan bencana untuk orang awam seperti Program Kampung Siaga 221[17] pada 5 Julai 2025 yang bertempat di Balairaya Kampung Sri Rompin. Program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif memperkasa komuniti agar lebih bersedia dalam menghadapi sebarang bentuk bencana atau kecemasan. Sebanyak 57 orang peserta telah melibatkan diri dalam latihan yang merangkumi CPR (Bantuan Pernafasan Kecemasan) dan Teknik bantuan tercekik (*Choking*). Kampung Siaga 221 merupakan usaha APM untuk memperkukuhkan peranan komuniti sebagai *first responder,* seiring dengan Akta 221. Program seperti ini sangat penting agar orang awam dapat bertindak awal sebelum kehadiran agensi penyelamat apabila berlaku bencana.

Nota

** Tindakan yang dinyatakan hanya sebahagian kecil sahaja daripada program-program yang dijalankan oleh agensi yang terlibat.*

** Terdapat beberapa SDG yang tidak mempunyai program pelaksanaan kerana agensi yang berkaitan tidak dapat hadir dan/atau tiada penerangan yang lebih terperinci tentang tindakan yang sedang dilaksanakan*

[17] *APM Jempol*. (2025). Facebook.com. https://www.facebook.com/share/p/1Bs22q8ecf/

Hasil Dapatan Kedua : Cadangan Penyelesaian Isu oleh Agensi


Berikut merupakan isu yang telah dipilih untuk dibincangkan iaitu

BIL.	TEMA	ISU
1.	Isu Peluang Pekerjaan	• Tiada peluang pekerjaan yang baik atau peluang perniagaan yang sesuai untuk masyarakat • Kesukaran mendapatkan kerja ini adalah disebabkan tiada sijil yang bersesuaian serta kekurangan kemahiran yang diperlukan • Golongan muda berhijrah ke Kuala Lumpur untuk mencari peluang pekerjaan yang lebih baik.



Dapatkan laporan penuh dengan mengimbas kod QR dibawah

Perbincangan penyelesaian isi ini telah dijalankan berdasarkan kerangka di bawah



Isu: Peluang Pekerjaan

Berikut adalah merupakan cadangan penyelesaian yang dicadangkan oleh agensi yang terlibat sepanjang sesi bengkel ini dijalankan.

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
1	**Memperluas-kan program TVET dan latihan kemahiran untuk belia Orang Asli (OA) serta belia FELDA dan kampung tradisi** melalui kolaborasi JAKOA, GIATMARA, Politeknik Nilai dan industri seperti CIMA.	Agensi yang hadir menyatakan bahawa **belia OA adalah pemalu dan kurang keyakinan diri.** Sebahagian peserta tidak menamatkan latihan TVET dan kembali ke kampung kerana tidak pasti apakah hala tuju selepas latihan dijalankan. Mentaliti belia OA juga sukar di ubah kerana sentiasa adanya kewujudan syak dan takut ditipu oleh orang luar.	● **Program mentor–mentee dengan role model** daripada belia yang berjaya ● **Memberi bimbingan berterusan** sepanjang latihan dijalankan termasuk sesi kaunseling sebagai inisiatif tambahan. ● Menyediakan modul latihan yang lebih fleksibel contohnya latihan separuh masa atau latihan yang berhampiran dengan kampung.	● Pejabat Daerah Jempol ● JAKOA ● GIATMARA ● Politeknik Nilai ● CIMA
2	**Menawarkan peluang pekerjaan melalui projek pertanian** dan **industri**	Lokasi projek jauh dari penempatan menyebabkan kesukaran berulang alik.	● **Penyediaan fasiliti sokongan** seperti seperti penginapan sementara atau asrama pekerja.	● Pejabat Daerah Jempol ● CIMA ● JAKOA

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	sokongan tempatan seperti tanaman cili padi (Sejati Madani) serta penanaman buluh betong untuk kegunaan industri.	Taburan penduduk **komuniti yang tidak sekata** menyukarkan penyertaan. **Kekurangan kemudahan asas** seperti pengangkutan awam, atau penginapan.	● Menawarkan subsidi pengangkutan bagi peserta di luar kawasan. ● Memulakan projek berskala kecil yang berhampiran penempatan sebagai perintis.	● Jabatan Pertanian ● FELDA
3	**Memperkasa ekonomi setempat melalui platform E-Dagang** bagi membantu produk komuniti seperti hasil pertanian, kraftangan dan makanan tradisi atau produk hiliran secara dalam talian.	**Tahap literasi digital komuniti masih rendah** kerana tiada latihan khas yang spesifik terhadap pemasaran digital. Kekangan capaian internet yang mungkin tidak menyeluruh di kawasan pendalaman.	● **Menyediakan latihan asas e-dagang di pusat komuniti, balai raya, sekolah atau kawasan yang berhampiran**. ● Menyediakan pusat internet desa/mobile ICT hub di lokasi yang strategik. ● Menjalin kerjasama dengan platform e-dagang sedia ada seperti *Shoppee*/Lazada/ untuk pendedahan awal. ● Penyediaan kemudahan ICT dengan capaian	● Pejabat Daerah Jempol ● Pejabat Pendidikan Daerah ● JAKOA ● MCMC

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
			internet lebih stabil.	
4	**Menggalakkan pelaburan** melalui pembinaan Lebuh Raya Jempol–Seremban untuk membuka peluang pekerjaan baharu.	**Risiko pelaburan hanya tertumpu kepada industri besar** Manfaat tidak dirasai komuniti setempat jika peluang kerja diisi tenaga kerja luar.	● **Menetapkan syarat pelabur** mengambil tenaga kerja tempatan dahulu sebelum komuniti luar. ● **Memberi insentif kepada pelabur** yang melibatkan vendor tempatan dan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Jempol. ● Mewujudkan '*Local Investment Desk*' di Pejabat Daerah untuk padanan peluang.	● Pejabat Daerah Jempol ● Jabatan Kebajikan Masyarakat ● Kerajaan malaysia ● SUK ● Pelabur luar
5	**Meningkatkan peluang kerjaya** melalui pensijilan sukarelawan APM sebagai laluan ke pekerjaan tetap seperti bomba dan polis.	**Kesedaran belia terhadap peluang kerjaya** melalui sukarelawan masih rendah. Sukarelawan sering dianggap aktiviti sementara, dan bukan laluan kerjaya.	● **Melaksanakan kempen promosi kerjaya** melalui sukarelawan, termasuk kisah kejayaan bekas ahli. Agensi memaklumkan memang sudah ada banyak kisah kejayaan sukarelawan APM yang diserap masuk sebagai	● Angkatan pertahanan Awam ● IPD Jempol ● JAKOA ● Belia ● Jabatan Bomba ● RELA

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
			anggota tetap Bomba. ● Menyediakan modul pembangunan kerjaya khusus untuk sukarelawan muda.	
6	**Mengukuhkan daya beli (purchasing power)** komuniti melalui peningkatan pendapatan dan pekerjaan yang stabil.	**Pendapatan isi rumah rendah** Banyak pekerjaan tidak tetap atau bergaji harian yang menyebabkan daya beli terhad.	● **Menyediakan skim mikro kredit untuk usahawan kecil.** ● **Memberi insentif kewangan** dan bimbingan perniagaan kepada wanita serta belia. ● Meningkatkan akses kepada program keusahawanan TEKUN, AIM dan SME Corp.	● Pejabat Daerah Jempol ● IPD Jempol ● TEKUN ● AIM ● MARA ● SME Corp ● JKM
7	**Kerjasama strategik JAKOA–CIMA–Komuniti** dalam tanaman buluh betong sebagai sumber bahan bakar lestari.	**Mentaliti belia Orang Asli yang terlalu berhati-hati terhadap pihak luar.** Tanaman buluh memerlukan masa sehingga 2-3 tahun sebelum hasilnya boleh dituai.	● **Pemantauan berkala dan sokongan teknikal daripada JAKOA & CIMA.** ● **Menyediakan platform komunikasi** dua	● Pejabat Daerah Jempol ● JAKOA ● Jabatan pertanian ● Komuniti Orang Asli

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
			hala secara konsisten. ● Promosi berterusan kisah kejayaan awal untuk tarik lebih ramai peserta	● Belia tempatan dan komuniti setempat ● CIMA

Kisah Kejayaan: Kerjasama JAKOA–CIMA–Komuniti Jempol

Salah satu pencapaian paling bermakna daripada bengkel ini ialah kejayaan mempertemukan pihak JAKOA, komuniti Orang Asli dan syarikat industri besar iaitu CIMA untuk menjalin kerjasama strategik dalam projek tanaman buluh.

Hasil daripada sesi libat urus ini, JAKOA bersetuju untuk menyediakan:

- Tapak penanaman buluh di tanah komuniti Orang Asli.
- Bantuan latihan dan sokongan teknikal, termasuk melalui geran di bawah JAKOA.
- Penyelarasan komuniti supaya projek ini dapat dijalankan secara berfasa dan inklusif.

Sementara itu, pihak CIMA menyatakan minat yang tinggi terhadap projek ini kerana ia selaras dengan pelan kelestarian syarikat yang sedang berjalan (hanya dinyatakan secara umum kerana melibatkan P&C syarikat). Mereka komited untuk:

- Membeli hasil tanaman buluh sebagai bahan bakar alternatif bagi menggantikan sumber konvensional dalam proses pengeluaran simen.
- Menyediakan kepakaran teknikal untuk memastikan hasil buluh dapat diproses dengan kualiti yang sesuai.
- Membuka peluang pasaran bukan hanya kepada komuniti Orang Asli, tetapi juga kepada komuniti sekitar Jempol yang berminat untuk menyertai projek ini.

Apa yang menjadikan inisiatif ini sangat signifikan ialah ia bukan sekadar cadangan, tetapi sebuah kesepakatan nyata yang dicapai melalui bengkel. Lebih membanggakan, kerjasama ini akan dilaksanakan secara langsung tanpa melibatkan atau bergantung kepada dana APPGM-SDG, membuktikan bahawa dialog komuniti dan industri boleh menghasilkan penyelesaian praktikal yang benar-benar mampu dilaksanakan.

Bagi komuniti Orang Asli, projek ini membawa harapan baharu. Ia bukan sahaja menyediakan sumber pendapatan jangka panjang, malah memberi ruang untuk mereka meningkatkan keyakinan diri, keluar daripada persepsi “dipinggirkan” serta membina hubungan lebih positif dengan industri.

Bagi pihak industri seperti CIMA pula, inisiatif ini memberi nilai tambah kepada agenda kelestarian syarikat serta mewujudkan hubungan yang lebih rapat dengan komuniti setempat.

Kisah ini menjadi contoh inspirasi bahawa pendekatan libat urus berasaskan SDG bukan sekadar wacana, tetapi mampu mencetuskan perubahan sebenar yang:

- Meningkatkan peluang pekerjaan,
- Menggalakkan pembangunan lestari, dan
- Memperkasakan komuniti akar umbi di Parlimen Jempol

BAHAGIAN 4: Penutup

Penutup

Perbincangan mengenai isu peluang pekerjaan di Parlimen Jempol menunjukkan bahawa masyarakat setempat masih berdepan cabaran ketara dari segi keterbatasan kemahiran, akses kepada peluang pekerjaan yang berkualiti, serta kekangan infrastruktur asas. Hal ini menyebabkan ramai belia memilih untuk berhijrah ke bandar besar bagi mencari pekerjaan yang lebih baik, sekali gus meninggalkan jurang pembangunan di kawasan luar bandar.

Walau bagaimanapun, dapatan bengkel membuktikan bahawa terdapat potensi besar untuk membangunkan peluang pekerjaan secara lebih mampan melalui kolaborasi antara agensi kerajaan, pihak swasta dan komuniti. Antara inisiatif yang dikenal pasti termasuklah pengukuhan latihan TVET, pembangunan projek pertanian dan e-dagang, peluang kerjaya melalui sukarelawan, serta penarikan pelaburan strategik yang melibatkan tenaga kerja tempatan.

Paling signifikan, bengkel ini berjaya mempertemukan JAKOA, komuniti Orang Asli, dan CIMA untuk memulakan kerjasama strategik dalam projek penanaman buluh sebagai sumber bahan bakar lestari. Inisiatif ini bukan sahaja membuka peluang pekerjaan baharu, tetapi juga menjadi simbol kejayaan libat urus yang realistik dan mampu dilaksanakan tanpa bergantung pada dana luar. Kejayaan ini memberi inspirasi bahawa pendekatan kolaboratif yang tepat mampu memperkukuh ekonomi tempatan, meningkatkan keyakinan komuniti, serta menjadikan Jempol sebagai model pembangunan inklusif di peringkat daerah.

Laporan Bengkel Pembangunan Kapasiti

P.139 Jasin

BAHAGIAN 1 Pengenalan

Latar Belakang 34

Objektif 37

Kaedah Pelaksanaan 38

Ringkasan Aktiviti yang telah Dijalankan 38

BAHAGIAN 2 Aktiviti Bengkel

Aktiviti I: Sesi Pengenalan (*Ice Breaking*) 39

Aktiviti II: Pendedahan Mengenai SDG 40

Aktiviti III: Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Jasin 42

Aktiviti IV: Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan 44

BAHAGIAN 3 Hasil Dapatan

Hasil Dapatan Pertama : Inisiatif Semasa 45

Hasil Dapatan Kedua : Cadangan Penyelesaian Isu oleh Agensi 58

BAHAGIAN 4 Penutup

Penutup 80



BAHAGIAN 1 Pengenalan

Latar Belakang

Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) bertujuan untuk meningkatkan kapasiti kepimpinan dan pengetahuan agensi kerajaan mengenai SDG. Bengkel bagi Parlimen Jasin telah berjaya dilaksanakan pada 31 Julai 2025 (Khamis) bertempat di AMES Hotel Ayer Keroh, Melaka.

Seramai 35 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan telah hadir. Bengkel ini turut mendapat sokongan penuh Pejabat Daerah & Tanah Jasin dan Pejabat Ahli Parlimen Jasin. Jadual dibawah merupakan senarai agensi-agensi yang telah hadir ke bengkel ini:

BIL	SENARAI AGENSI
1.	Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Melaka
2.	Pejabat Daerah dan Tanah Jasin
3.	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
4.	Pejabat Agama Islam Daerah Jasin
5.	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Jasin
6.	Jabatan Pertanian Negeri Melaka
7.	Pejabat Belia dan Sukan Daerah Jasin
8.	Majlis Perbandaran Jasin
9.	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar (Perhilitan)
10.	Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)
11.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)
12.	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
13.	Pejabat Pendidikan Daerah Jasin
14.	Jabatan Kemajuan Orang Asli Daerah Alor Gajah dan Jasin
15.	Polis Diraja Malaysia (PDRM)
16.	Pusat Khidmat Masyarakat Parlimen Jasin
17.	Angkatan Pertahanan Awam Daerah Jasin



Program ini telah dikendalikan oleh 5 orang fasilitator daripada APPGM-SDG iaitu:



Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
Ketua Penyelidik
Parlimen Jasin



Siti Shafina Sanusi
Pegawai
Pembangunan Kapasiti



Nurmaisarah Mohd Asri
Pegawai
Pembangunan Kapasiti



Ain Safwanah Sadikin
Pembantu Pegawai



Mohamed Amirul Izzat bin Mohamed Hazri
Penyelaras Tempatan Parlimen Kuala Pilah

Objektif

Objektif utama bengkel ini adalah:

- **Meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG):** Bengkel ini bertujuan untuk memberikan pendidikan kepada peserta mengenai 17 SDG, kepentingannya di peringkat tempatan, serta kesannya terhadap kelestarian sosial, ekonomi, dan alam sekitar.

- **Menggalakkan kerjasama antara agensi dalam menangani cabaran pembangunan dan isu komuniti di peringkat tempatan**: Pengukuhan kerjasama antara-agensi dapat memanfaatkan sumber secara lebih cekap, meningkatkan keupayaan menyelesaikan masalah, serta mewujudkan penyelesaian holistik yang sesuai dengan keperluan masyarakat setempat.

- **Mengenal pasti dan menggalakkan penglibatan agensi berautoriti serta pemimpin tempatan untuk menerajui pelaksanaan SDG di peringkat akar umbi**: Mengenal pasti dan memperkasakan pemimpin tempatan, pegawai kerajaan daerah, dan wakil komuniti yang berpotensi menjadi penggerak utama SDG, memberi inspirasi kepada orang lain, serta mendorong kesan jangka panjang dalam komuniti mereka.

- **Mengintegrasikan prinsip SDG dalam proses kerja harian, tadbir urus, dan rangka dasar** : Selain meningkatkan kesedaran dan perancangan, mengamalkan prinsip SDG dalam pembuatan keputusan harian dapat memastikan kelestarian kekal sebagai keutamaan dalam pentadbiran dan pembangunan. Ini melibatkan penyelarasan dasar, prosedur kerja, dan perancangan strategik dengan sasaran SDG, sekaligus membawa kepada perubahan institusi yang dapat meningkatkan kecekapan tadbir urus, pembangunan komuniti, dan pengurusan alam sekitar secara berterusan.

Kesemua objektif ini secara kolektif menyumbang kepada membangunkan budaya kelestarian, memastikan bahawa SDG bukan sahaja difahami tetapi dilaksanakan secara aktif pada semua peringkat tadbir urus dan penglibatan komuniti.

Kaedah Pelaksanaan

Berikut merupakan kaedah penyampaian yang telah digunakan sepanjang program berlangsung:

- Syarahan interaktif
- Perkongsian pengalaman
- Aktiviti dan permainan interaktif
- Perbincangan dalam kumpulan
- Pembentangan kumpulan

Ringkasan Aktiviti yang Telah Dijalankan

Bengkel yang telah dijalankan ini merangkumi empat (4) aktiviti utama yang berikut;

- **Aktiviti I** : Sesi pengenalan *'ice-breaking'*
- **Aktiviti II** : Pendedahan Mengenai SDG
- **Aktiviti III** : Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Jasin
- **Aktiviti IV** : Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan

BAHAGIAN 2: Aktiviti Bengkel

Aktiviti I : Sesi Pengenalan *(Ice-Breaking)*

Program telah dimulakan dengan sesi pengenalan (*ice breaking*) melalui permainan BINGO. Sesi ini bertujuan untuk memberi peluang kepada peserta saling berinteraksi agar mereka dapat mengenali antara satu sama lain dengan lebih dekat. Disamping itu, para peserta turut memperkenalkan nama, agensi dan perkongsian menarik mengenai diri mereka.









Aktiviti II : Pendedahan Mengenai SDG

Selepas sesi *ice-breaking,* program diteruskan dengan pengenalan Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (APPGM-SDG) dan penjelasan yang lebih terperinci mengenai 17 Matlamat Pembangunan Mampan. Sesi ini menghuraikan dengan lebih mendalam peranan penting SDG dalam pembangunan mampan serta bagaimana agensi-agensi boleh memainkan peranan aktif dalam mencapai sasaran tersebut. Para peserta turut didedahkan dengan langkah-langkah praktikal yang boleh diambil oleh agensi untuk menyelaraskan operasi dan program mereka dengan prinsip-prinsip SDG.












WIFI PASSWORD
MEROKOK
VIP


PEOPLE






PLANET
PROSPERITY


PARTNERSHIP
AIN




PROSPERITY
PEACE
PARTNERSHIP


PLANET
PROSPERITY

Aktiviti III : Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Jasin

Pengisian aktiviti bagi sesi seterusnya adalah perbincangan antara-agensi dalam mencari penyelesaian isu setempat. Pembentangan isu-isu yang diperolehi hasil daripada lawatan pemetaan isu telah disampaikan oleh Dr Wan Suzita Wan Ibrahim. Isu yang telah dipilih untuk diberi perhatian dan dibincangkan adalah seperti berikut;

BIL.	TEMA	ISU
1.	Sosial	**Cabaran Pembangunan Belia, Komuniti dan Sosial** ● Sukar memohon Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) ● Penghijrahan belia berpunca dari peluang pekerjaan yang terhad, kualiti pendidikan dan latihan serta gaji yang rendah ● Pengaruh media sosial, vape, ketum dan dadah ● Perubahan sistem pentaksiran yang tidak lagi menekankan peperiksaan besar di peringkat awal persekolahan menimbulkan cabaran dalam membina ketahanan akademik, mental dan kemahiran belajar kendiri dalam kalangan pelajar sebelum SPM
2.	Ekonomi	**Ketidakstabilan Aktiviti Pertanian dan Peternakan sebagai Sumber Ekonomi Utama Komuniti** ● Kos penternakan dan pertanian yang semakin meningkat ● Kesukaran mendapatkan bantuan dana yang terhad dan insentif ternakan ● Kesukaran untuk memasarkan hasil tanaman kerana hasil pertanian mereka adalah secara kecil-kecilan bukan komersial ● Tiada kemahiran dalam keusahawanan walaupun mempunyai produk pertanian yang berkualiti baik




Dapatkan laporan ringkas bagi lawatan pemetaan isu dengan mengimbas kod QR dibawah:









Aktiviti IV : Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan

Kumpulan Sokongan Penyampaian dan Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan merupakan satu inisiatif kolaboratif yang melibatkan kakitangan agensi kerajaan di peringkat negeri dan daerah di dalam sesebuah kawasan Parlimen bersama kumpulan pemimpin setempat dan ahli komuniti.

Kumpulan ini ditubuhkan dengan tujuan untuk memastikan pelaksanaan SDG dilaksanakan secara menyeluruh dan inklusif sehingga ke peringkat akar umbi. Ini bagi memastikan tiada individu atau kelompok masyarakat yang terpinggir atau ketinggalan dalam proses pembangunan yang dilaksanakan.

Sebagai simbolik komitmen dan sokongan terhadap penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan, bacaan ikrar telah diadakan oleh wakil-wakil agensi kerajaan yang hadir.



Bacaan ikrar Kumpulan Sokongan Penyampaian dan Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan Parlimen oleh wakil-wakil agensi yang hadir.

BAHAGIAN 3: Hasil Dapatan

Hasil Dapatan Pertama : Inisiatif Semasa

Berdasarkan aktiviti Pemetaan SDG yang telah dijalankan, beberapa inisiatif semasa telah dikenal pasti sebagai contoh kejayaan dalam mengaplikasikan prinsip SDG di peringkat Parlimen Jasin. Pengenalpastian ini dilakukan melalui sesi perbincangan yang konstruktif, perkongsian maklumat yang menyeluruh serta refleksi mendalam daripada para peserta yang terlibat.

Inisiatif semasa yang dikenal pasti merupakan hasil dapatan daripada sesi perkongsian pihak agensi yang hadir, di mana mereka membentangkan tindakan serta program sedia ada yang telah dan sedang dilaksanakan dalam skop tugas harian masing-masing. Hasil dapatan ini telah disusun mengikut 5 tonggak utama SDG (*5 Pillars*) dan matlamat SDG utama bagi setiap program agensi. Rajah dibawah menunjukkan 5 tonggak utama SDG:



Hasil perbincangan bersama wakil-wakil agensi yang telah hadir, berikut merupakan senarai program-program yang dilaksanakan oleh agensi yang berkaitan di Parlimen Jasin berdasarkan 17 matlamat SDG.

P1-People / Kemanusiaan



MEMBASMI SEMUA BENTUK KEMISKINAN DI SELURUH DUNIA

BIL	AGENSI	PROGRAM
1.	Pejabat Daerah & Tanah Jasin (PDTJ)	• **Pemantauan Dinamik Data Kemiskinan** PDTJ memastikan data kemiskinan sentiasa dikemas kini berdasarkan perubahan pendapatan isi rumah. Contoh: Isi rumah dengan pendapatan RM700 yang menerima bantuan kerajaan akan dikeluarkan dari kategori miskin tegar. Sekiranya berlaku kejadian tidak terduga (seperti kemalangan), status akan disemak semula. Usaha ini telah membantu pihak PDTJ mengurangkan kadar miskin tegar di daerah Jasin (tiada kes miskin tegar dilaporkan) • **Mesyuarat *Focus Group* Daerah** PDTJ mengadakan mesyuarat bersama agensi berkaitan untuk mengenal pasti kumpulan sasar (termasuk golongan rentan) dan membentang data kemiskinan bagi perancangan bantuan. FGD ini dijalankan secara berkala bagi memastikan bantuan tepat sasaran berdasarkan keperluan semasa. • **Program Baik Pulih Rumah PPRS** PDTJ menyediakan bantuan baik pulih rumah untuk golongan miskin berdaftar dalam e-Kasih, dengan peruntukan sebanyak RM20,000 bagi setiap rumah.

BIL	AGENSI	PROGRAM
		Tidak dinafikan pihak Pejabat Daerah turut berdepan cabaran untuk membasmi isu miskin tegar dari segi: • Meningkatkan pendapatan ekonomi isi rumah bagi mengeluarkan mereka di dalam kategori kemiskinan. • Terdapat juga golongan miskin tegar yang produktif tetapi mereka tidak mengetahui akses untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran. Walaubagaimanapun, terdapat inisiatif melalui Pejabat Daerah melalui bantuan-bantuan untuk meningkatkan kemahiran mereka. • Kesukaran mengenalpasti golongan ini kerana mereka kerana hidup secara nomad, berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain.



MENGHENTIKAN MASALAH KELAPARAN, MENCAPAI SASARAN JAMINAN MAKANAN DAN PEMAKANAN YANG LEBIH BAIK SERTA MENGGALAKKAN PERTANIAN LESTARI

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)	• **Pelaksanaan Projek-projek Akuakultur** Pihak LKIM memberi galakan kepada para nelayan dan persatuan nelayan untuk menceburi projek-projek akuakultur seperti projek ternakan udang dalam kolam dan projek ternakan kupang. Sebagai contoh: Berdasarkan laporan daripada Bernama (2023)[18] seramai enam orang nelayan telah menerima empat enjin bot dan masing-masing menerima satu jaring udang serta sampan fiber yang mana melibatkan peruntukan berjumlah RM90,000.

[18] https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2229951

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		 Muhammad Faiz Fadzil, Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (tiga, kanan) melihat enjin bot yang diserahkan kepada nelayan pada Majlis Rahmah Mesra MADANI ***Sumber:*** *Bernama* Usaha ini telah berjaya meningkatkan pengeluaran dalam sektor perikanan iaitu sebanyak RM2.7 juta dengan kuntiti sebanyak 96 metrik tan pada tahun 2024. Malah, pendapatan dan sosioekonomi para nelayan juga turut meningkat.
2.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	• **Pemberian Baka Ternakan Bersubsidi** Pelbagai program tersedia kepada penternak berskala kecil dan pemberian baka bersubsidi ini adalah salah satu contohnya. Melalui inisiatif ini, penternak kecil hanya perlu membayar 20% daripada jumlah keseluruhan manakala kerajaan akan menanggung 80% baki bayaran. Nilai bantuan dianggarkan berjumlah RM10 ribu / penternak. Tujuan utamanya adalah untuk meningkatkan kualiti baka ternakan dan secara tidak langsung meningkatkan hasil penternakan dan pendapatan penternak. Inisiatif ini juga dilihat sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan pengeluaran hasil daging merah negeri Melaka.
3.	Jabatan Pertanian	• **Skim Amalan Pertanian Baik (*Good Agricultural Practices*, myGAP)** Skim GAP dilaksanakan untuk mempromosikan teknik pertanian mampan yang memenuhi

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		piawaian kebangsaan dan antarabangsa. Antara komponen utama skim ini ialah: - **Latihan dan Pendidikan:** Pengurusan tanah dan air yang optimum serta Kawalan perosak bersepadu (IPM) untuk mengurangkan penggunaan racun kimia (contoh: penggunaan baja organik, sistem pengairan cekap air) - **Pensijilan GAP:** Petani yang mematuhi piawaian GAP diberi sijil pengiktirafan oleh Jabatan Pertanian Malaysia (DoA) - **Bantuan Infrastruktur:** Penyediaan sistem pengairan moden (contoh: fertigasi untuk tanaman sayuran) - **Pemantauan Berterusan:** Pegawai pertanian daerah membuat lawatan berkala untuk memastikan pematuhan piawaian GAP.



MEMASTIKAN KEHIDUPAN YANG SIHAT DAN MENGGALAKKAN KESEJAHTERAAN PADA SEMUA PERINGKAT UMUR

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Kementerian Belia dan Sukan (KBS)	• **Dana Sukan Komuniti dan Geran Padanan Sukan** Geran-geran ini bertujuan untuk meningkatkan penyertaan masyarakat dalam aktiviti sukan untuk kesihatan fizikal dan mental serta dalam masa yang sama memajukan sukan di Malaysia. Geran Padanan Sukan (GPS) adalah bantuan berbentuk padanan perbelanjaan untuk penganjuran program sukan oleh persatuan atau NGO, manakala Dana Sukan Komuniti (DSK) adalah bantuan one-off untuk program komuniti yang melibatkan sukan dan kecergasan. Penyaluran peruntukan GPS ini adalah secara tuntutan bayaran balik dengan jumlah pembiayaan

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		sehingga 50% daripada kos keseluruhan program atau maksimum sehingga RM1 juta. Bagi DSK pula, bantuan diberikan secara one-off bagi kelulusan bernilai RM10,000.00 ke bawah.
2.	Pejabat Daerah dan Tanah Jasin	• **Mesyuarat Jawatankuasa COMBI Jasin** Mesyuarat jawatankuasa ini menjadi satu platform koordinasi antara jabatan bagi membanteras wabak denggi. Berdasarkan hasil perbincangan mesyuarat pada 11 Julai 2025, Sebahagian besar lokaliti telah mencapai KPI ditetapkan untuk aktiviti gotong royong & lawatan rumah ke rumah **CARI** & **MUSNAH** tempat pembiakan Nyamuk Aedes serta Pendidikan Kesihatan penyakit berjangkit selain Demam Denggi[19].  ***Sumber:*** *Facebook Promosi Kesihatan Pkd Jasin*



MEMASTIKAN PENDIDIKAN BERKUALITI SECARA MENYELURUH DAN SAKSAMA SERTA MENGGALAKKAN PELUANG PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT UNTUK SEMUA

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)	• **Latihan Kemahiran dan Keusahawanan** Terdapat beberapa jenis latihan serta kursus yang disediakan oleh pihak JAKOA kepada Orang Asli termasuk latihan kraftangan, pertanian moden, makanan tradisi dan moden serta bimbingan bagi memulakan perniagaan.

[19] https://www.facebook.com/share/p/199vUNvc5u/

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		Tujuan latihan-latihan ini diberikan bagi membuka peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan masyarakat Orang Asli, memperkasa keupayaan usahawan Orang Asli untuk bersaing dalam pasaran serta meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan masyarakat Orang Asli.
2.	Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)	• **Menangani Isu Keciciran** **Melibatkan Orang Asli** – Pihak PPD bekerjasama dengan pihak JAKOA untuk keciciran murid Orang Asli. Terdapat keciciran melibatkan murid Orang Asli di Jasin iaitu di kawasan Simpang Bekoh. **Murid Setempat** – PPD bekerjasama dengan Majlis Datuk-Datuk Negeri Melaka dan Pejabat Daerah melalui unit Pembangunan Masyarakat yang mempunyai Penghulu, di mana mempunyai hubungan rapat dengan penduduk setempat. kelas tuisyen percuma diwujudkan secara online bagi memastikan pelajar yang tercicir turut mendapat manfaat melalui perkongsian kelas tuisyen secara online.



MENCAPAI KESAKSAMAAN GENDER DAN MEMPERKASA SEMUA GOLONGAN WANITA

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Melaka	• **Program Penjanaan Pendapatan Tahun 2024** Program ini dilaksanakan dalam kumpulan yang kecil dan berbentuk kursus / bengkel seperti kursus-kursus kemahiran, pengurusan kewangan, kursus-kursus digital yang bersesuaian dengan kehendak kumpulan sasar setempat. Di Melaka khususnya Jasin, program ini telah berjaya melibatkan 37 orang peserta wanita dari pelbagai latar belakang. Hasilnya mereka berjaya meningkatkan purata pendapatan dari RM500 – RM1,000 sebulan.

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		• **Laman Wanita Jasin dan Masjid Tanah** Sebanyak 27 buah program telah berjaya dijalankan sepanjang tahun 2024 di kedua-dua buah laman ini yang mana anggaran seramai 450 orang wanita telah berjaya dilibatkan. 10 buah program kemahiran telah dijalankan di Laman Wanita Jasin. • **Bantuan Khas Perbendaharaan (BKP)** BKP bertujuan untuk menyalurkan bantuan kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bagi melaksanakan program-program pembangunan wanita, keluarga, dan masyarakat di peringkat akar umbi. Sebanyak 3 NGO daripada Melaka telah berjaya mendapat BKP ini. • **Program Advokasi** Kempen serta program advokasi dijalankan bagi menghentikan keganasan terhadap wanita dan mengadvokasi Akta Gangguan Seksual (AGS). Kempen ini dijalankan secara bergerak di setiap DUN yang menyasarkan wanita untuk lebih celik dengan hak dan proses undang-undang seandainya mereka terlibat dalam situasi keganasan atau ketidakselamatan. Seandainya terdapat isu Keganasan rumah tangga, pihak JPW akan bekerjasama dengan PDRM & JKM untuk menangani isu tersebut dan membantu mangsa.

P2-Prosperity / Kemakmuran



MENGURANGKAN KETAKSAMAAN DALAM NEGARA DAN ANTARA NEGARA

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)	• **Pewartaan Tanah** Pejabat JAKOA komited dalam mempercepatkan pewartaan kampung-kampung Orang Asli bagi

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		menjamin penempatan mereka. Bernama (2019)[20] menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Melaka sedang dalam usaha memastikan 10 kawasan perkampungan Orang Asli dapat diwartakan bagi menjaga kepentingan masyarakat berkenaan di masa akan datang. Exco Wanita, Pembangunan Keluarga, Hal Ehwal Kebajikan dan Orang Asli Melaka, Datuk Ginie Lim Siew Lin menyatakan bahawa sehingga 2019, sebanyak empat perkampungan Orang Asli telah diwartakan iaitu Lubuk Bandung di Jasin, Bukit Seraya, Bukit Payung dan Machap Umboo di Alor Gajah.



MEMASTIKAN CORAK PENGGUNAAN DAN PENGELUARAN YANG MAMPAN

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Majlis Perbandaran Jasin (MPJ)	• **Asal Barang Jadi Duit** Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) menunjukkan komitmennya terhadap kelestarian alam melalui program kitar semula berkala, "Asal Barang Jadi Duit". Program kreatif ini tidak hanya menggalakkan amalan kitar semula, malah memberi insentif finansial kepada komuniti dengan menukar barangan terpakai menjadi sumber pendapatan sampingan. Berikut merupakan harga pembelian barangan kitar semula: - Minyak masak terpakai (RM3.00/kg) - E-Waste (RM0.30/kg) - Fabrik/tekstil (RM0.05/kg) - 3R (kertas, aluminium dan lain-lain) akan mengikut kadar semasa oleh KITARecycle

[20] https://www.malaysiakini.com/news/501679

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		Pada program yang diadakan pada 16 Ogos 2025 lalu, MPJ berjaya mengumpul sejumlah besar sisa kitar semula, mencecah 4,707.50 kg secara keseluruhan. Berikut adalah pecahan kutipan yang berjaya dikumpulkan: - Minyak Masak Terpakai: 2,045 kg - Sisa Fabrik/Tekstil: 858 kg - Bahan 3R (kertas, plastik, aluminium): 736 kg - Bahan Bacaan Agama: 352 kg - Al-Quran Terpakai: 254 kg - E-Waste: 462.5 kg  Antara barangan kitar semula yang berjaya dikumpulkan *Sumber: Facebook Majlis Perbandaran Jasin*

P3-Planet / Planet



MENGAMBIL TINDAKAN SEGERA UNTUK MENANGANI PERUBAHAN IKLIM DAN KESANNYA

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Pejabat Daerah & Tanah Jasin	• **Pembinaan Loji Rawatan Air Jus Fasa 2** Terdapat beberapa kawasan di Jasin terutamanya di kawasan luar bandar berdepan isu-isu berkaitan bekalan air seperti tekanan air rendah di kawasan tertentu, sistem paip lama yang tidak

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		dinaik taraf menyebabkan wujud paip pecah, mengakibatkan wujud isu terputus bekalan air. Penduduk di kawasan Selandar, Batang Melaka, Felda Bukit Senggeh dan Kemendor selama ini bergantung sepenuhnya pada Loji Bertam untuk bekalan air[21]. Namun, jarak pengepaman yang terlalu jauh (melebihi 30km) sering menyebabkan gangguan bekalan air. Oleh itu, pembinaan loji baru ini berupaya menyumbang penambahan 5 juta liter air untuk penduduk-penduduk di kampung ini dan ia akan memberi bekalan air yang mencukupi kepada penduduk untuk tempoh 10 tahun akan datang.



MEMULIHARA DAN MENGGUNAKAN SUMBER LAUTAN, LAUT DAN MARIN SECARA LESTARI UNTUK PEMBANGUNAN MAMPAN

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)	• **Program Melabuh Unjam Marinovasi** Program Melabuh Unjam Marinovasi telah berjaya dilaksanakan di perairan Serkam, Jasin, Melaka dengan pelabuhan 12 unit tukun tiruan. Program ini merupakan salah satu inisiatif di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) yang memperoleh peruntukan sebanyak RM4.4 juta. Objektif program ini adalah untuk memperkukuh ekosistem marin melalui pemasangan unjam yang berfungsi sebagai habitat dan tumpuan ikan, sekaligus menyokong kelestarian sumber perikanan tempatan. Program ini juga merupakan kesinambungan daripada Program Keterjaminan

[21] https://www.melakahariini.my/loji-rawatan-air-jus-fasa-2-lerai-dilema-penduduk-kampung/

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		Makanan yang telah dilaksanakan pada tahun 2024. Berdasarkan pemerhatian dan penilaian oleh pihak LKIM, kawasan perairan tersebut dikenal pasti kaya dengan kepelbagaian spesies ikan. Justeru, pelabuhan unjam ini diharap dapat meningkatkan lagi kapasiti dan kepadatan ikan serta memulihara sumber akuatik di kawasan berkenaan.  Program melabuh unjam yang telah dilaksanakan pada 7 Oktober 2025 yang lalu. *Sumber: Facebook Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia*

P4-Peace / Keamanan



MENGGALAKKAN PEMBENTUKAN MASYARAKAT YANG AMAN DAN MENYELURUH UNTUK PEMBANGUNAN MAMPAN, MENYEDIAKAN AKSES KEPADA KEADILAN UNTUK SEMUA DAN MEMBINA INSTITUSI YANG BERKESAN, BERTANGGUNGJAWAB DAN MENYELURUH PADA SEMUA PERINGKAT

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Angkatan Pertahanan Awam Jasin	• **Program Kampung Siaga** Tujuan program ini dilaksanakan adalah bagi memberikan pendedahan kesedaran kecemasan

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		dan keselamatan kepada komuniti setempat serta meningkatkan tahap kesiapsiagaan dalam menghadapi sebarang kemungkinan bencana dan situasi kecemasan. Pelaksanaan latihan, simulasi, dan pendedahan berasaskan komuniti akan menjadikan komuniti lebih peka akan berlakunya kemungkinan bencana. Inisiatif ini adalah usaha APM Melaka untuk memperkasakan masyarakat setempat agar lebih cakna dan berdaya tahan terhadap risiko bencana. Bagi setiap satu kampung, terdapat satu pasukan yang telah dilatih berkait dengan ilmu pertahanan awam bagi menghadapi kecemasan dan bencana.  Majlis Pelancaran dan Latihan Kampung Siaga 221 yang bertempat di Balai Raya Kampung Kilang Berapi, Merlimau, Jasin. *Sumber: Facebook Angkatan Pertahanan Awam Negeri Melaka*

Nota
** Tindakan yang dinyatakan hanya sebahagian kecil sahaja daripada program-program yang dijalankan oleh agensi yang terlibat.*
** Terdapat beberapa SDG yang tidak mempunyai program pelaksanaan kerana agensi yang berkaitan tidak dapat hadir dan/atau tiada penerangan yang lebih terperinci tentang tindakan yang sedang dilaksanakan*

Hasil Dapatan Kedua : Cadangan Penyelesaian Isu oleh Agensi

Beberapa isu telah dipilih untuk dibincangkan hasil daripada aktiviti pemetaan isu selama tiga hari dan mesyuarat pengutamaan isu yang telah dijalankan bersama Ahli Parlimen Jasin, Tuan Guru Haji Zulkifli bin Haji Ismail. Isu yang telah dibincangkan adalah seperti berikut;


- **Sosial** – Cabaran pembangunan belia, komuniti dan sosial
- **Ekonomi** - Ketidakstabilan aktiviti pertanian dan peternakan sebagai sumber ekonomi utama komuniti

Perbincangan penyelesaian isu ini telah dijalankan berdasarkan perincian yang berikut;


- Cadangan penyelesaian
- Cabaran yang akan dihadapi
- Cadangan Penyelesaian kepada cabaran
- Agensi terlibat
- SDG berkaitan







Perbincangan penyelesaian isi ini telah dijalankan berdasarkan kerangka dibawah:



Isu: Cabaran Pembangunan Belia, Komuniti dan Sosial

Bagi membendung belia di Jasin daripada terjebak dalam kancah penagihan dadah, vape dan ketum, langkah proaktif perlu diambil oleh semua pihak terutamanya dari aspek penguatkuasaan undang-undang dan pendidikan pencegahan berterusan. Begitu juga dengan isu penghijrahan belia ke negeri lain yang disebabkan oleh peluang pekerjaan terhad, perlu ditangani segera bagi memastikan Jasin sentiasa terkehadapan seperti bandar-bandar besar yang lain.

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN KEPADA CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
1	**Penutupan atau Sekatan Kedai Vape dan Media Sosial** Langkah kawalan fizikal: ● Melaksanakan sekatan lesen operasi bagi kedai vape yang berdekatan dengan institusi pendidikan dan kawasan perumahan. ● Operasi bersepadu antara PBT, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), dan pihak polis bagi menutup premis tidak berlesen.	**Pengkhususan Agensi untuk Menangani Masalah Vape di Kedai Vape dan Media Sosial** Tiada agensi tunggal yang khusus memantau penjualan dan promosi vape menyebabkan tindakan penguatkuasaan berlapis dan tidak konsisten.	**Penambahbaikan Dasar / Polisi yang Lebih Jelas di Peringkat Parlimen** Kerajaan perlu melakukan semakan semula terhadap dasar dan peraturan sedia ada berkaitan penjualan serta penggunaan produk vape agar lebih menyeluruh dan konsisten dengan Akta 852 (Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024).	**Peringkat Persekutuan** ● Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) ● Suruhanjaya Komunikasi dan Multi-media Malaysia (MCMC) ● Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) ● Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN KEPADA CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	Kawalan Digital: ● Menjalankan pemantauan kandungan media sosial yang mempromosikan vape atau nikotin kepada golongan muda. ● Bekerjasama dengan MCMC dan platform digital seperti TikTok, Instagram, serta Shopee untuk menyekat akaun atau iklan yang menjual atau mempromosi produk vape secara tidak sah. **Pemerkasaan Penguatkuasaan Akta 852 (Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024)** Akta 852 ini khas untuk rokok elektronik di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia. Ia mula berkuatkuasa pada 1 Oktober 2024 dan penguatkuasaan penuh akta ini adalah pada 1 Oktober	Tanggungjawab antara KKM, MCMC, PBT, dan pihak polis sering bertindih atau tidak selaras, menjadikan penguatkuasaan terhadap kedai tidak berlesen dan akaun media sosial sukar dijalankan secara berkesan. **Libat Urus antara Agensi dan Komuniti** Tahap kerjasama antara agensi kerajaan, NGO, dan komuniti tempatan masih lemah. Kurangnya inisiatif bersama menyebabkan maklumat dan tindakan tidak sampai secara	Pindaan dasar di peringkat Parlimen perlu memberi penekanan kepada isu-isu seperti kawalan jualan dalam talian, perlindungan belia bawah umur, dan mekanisme pemantauan media sosial. Polisi yang jelas dan tegas akan membantu mengelakkan kekeliruan dalam masyarakat serta memperkukuh pelaksanaan penguatkuasaan di semua peringkat kerajaan. **Pewujudan Jawatankuasa Khas Pencegahan dan Penguatkuasaan Isu Sosial dan Jenayah** Dicadangkan agar kerajaan mewujudkan Jawatankuasa	● Lembaga Kemasukan Tenaga Kerja Negara (LKTN) Peringkat Negeri ● Kerajaan Negeri ● Polis Diraja Malaysia (PDRM) ● Pejabat Kesihatan Negeri ● Jabatan Agama Islam Peringkat Daerah (Jasin) ● Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) ● PBT - Pihak Berkuasa Tempatan

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN KEPADA CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	2025 melalui Operasi Selamat Paru-Paru (Ops Selamat PaPa).[22] Ops Selamat PaPa menumpukan tindakan tegas terhadap kesalahan seperti menjual, mempamer atau mengedar produk merokok yang tidak mematuhi peraturan pendaftaran, pembungkusan dan pelabelan. Ops Selamat PaPa terus digerakkan dengan kerjasama PDRM, KPDN, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN), serta PBT di seluruh negara bagi memastikan penguatkuasaan ini benar-benar berkesan. **Pendidikan Pencegahan Berterusan di Institusi Pendidikan dan Komuniti**	menyeluruh kepada golongan sasar, terutamanya belia. Komuniti tidak diberi peranan aktif dalam pemantauan dan pelaporan aktiviti jualan vape di kawasan mereka. Arahan, Pemakluman atau Larangan yang Tidak Jelas Kepada Komuniti tentang Penggunaan Vape Ramai masih keliru tentang status perundangan vape, khususnya selepas penggubalan Akta Kawalan Produk Merokok Demi	Khas Pencegahan Vape dan Isu Sosial Belia yang dianggotai oleh pelbagai agensi seperti Kementerian Kesihatan (KKM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), MCMC, Polis Diraja Malaysia (PDRM), dan pihak berkuasa tempatan. Jawatankuasa ini berperanan sebagai platform penyelarasan tindakan antara agensi, termasuk pemantauan media sosial, operasi penguatkuasaan kedai tidak berlesen, serta kempen pendidikan kesedaran di peringkat komuniti.	

[22] Dr Dzulkefly Ahmad. (2025). Facebook.com. https://www.facebook.com/DrDzulkeflyAhmadMY/posts/penguatkuasaan-penuh-akta-852-bermula-hari-inihari-ini-menandakan-satu-titik-pen/1392220815596048/

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN KEPADA CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	Pendidikan kesedaran di sekolah dan universiti: ● Menyediakan modul pendidikan kesihatan dan bahaya nikotin secara berterusan dalam kurikulum dan program kokurikulum ● Mengadakan kempen *"Vape-Free Campus"* dan program mentor pelajar bagi menggalakkan gaya hidup sihat. Program komuniti: ● Menganjurkan bengkel kesihatan awam dan sesi kaunseling berhenti vape/rokok dengan kerjasama KKM dan ahli psikologi komuniti. ● Memperkenal-kan inisiatif komuniti sihat *(Healthy Youth Hubs)* yang menyediakan aktiviti alternatif seperti sukan, seni dan keusahawanan belia.	Kesihatan Awam 2024 (Akta 852). Kekaburan maklumat menyebabkan belia menganggap vape "kurang bahaya" berbanding rokok tradisional. Kurangnya kempen komunikasi risiko dan kesedaran awam yang jelas menimbulkan sikap ambil mudah dalam kalangan pengguna. **Akses Bekalan yang Sangat Mudah Melalui Media Sosial** Penjualan secara atas talian dan media sosial sukar dipantau, terutama	Melalui jawatankuasa ini juga, kerajaan dapat mengenal pasti trend dan pola tingkah laku belia berkaitan penggunaan vape, seterusnya menggubal strategi intervensi yang lebih tepat dan berkesan. **Memperketatkan Syarat-syarat Perniagaan Lesen Vape** Kerajaan tempatan perlu mengetatkan proses kelulusan lesen untuk penjualan produk vape melalui semakan latar belakang, jarak lokasi (contohnya, tidak berhampiran sekolah atau universiti), serta jenis produk yang dijual.	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN KEPADA CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
		di platform seperti TikTok, Telegram, dan Instagram. Peniaga tidak berlesen menggunakan akaun palsu dan kaedah penghantaran terus (COD) untuk elak pengesanan. Belia bawah umur dapat membeli vape dengan mudah tanpa perlu melalui kawalan umur atau verifikasi pengguna.	Sistem pelesenan digital bersepadu boleh diperkenalkan bagi membolehkan penguatkuasaan lebih efisien dan telus, termasuk mekanisme untuk menggantung atau membatalkan lesen penjual yang melanggar undang-undang. Pada masa sama, perlu diwujudkan pemantauan berkala terhadap pemegang lesen, serta tindakan undang-undang terhadap mereka yang menjual kepada individu bawah umur atau mempromosikan produk secara tidak sah di media sosial.	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN KEPADA CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
2	**Pembangunan Bandar Baru dan Tanah Terbiar** Tanah terbiar di Jasin boleh dibangunkan semula sebagai tapak pertanian moden, seperti pertanian pintar *(smart farming),* fertigasi, atau akuaponik, yang menarik minat anak muda. Kerajaan negeri dan agensi seperti FELCRA, MARA, dan FAMA boleh bekerjasama menyediakan insentif modal, latihan dan bimbingan teknikal kepada belia tempatan untuk mengusahakan tanah tersebut. Hasilnya bukan sahaja meningkatkan peluang pekerjaan dan pendapatan di kawasan luar bandar, tetapi juga mengurangkan kebergantungan kepada sektor pekerjaan di bandar.	**Kekangan Sumber dan Peruntukan Kewangan** Pembangunan bandar baru dan pemulihan tanah terbiar memerlukan kos yang tinggi, termasuk bagi penyediaan infrastruktur asas seperti jalan raya, bekalan air, elektrik dan internet. Kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) sering berdepan kekangan bajet untuk membangunkan kawasan luar bandar secara menyeluruh. Tanpa peruntukan yang mencukupi, projek-projek pembangunan yang dirancang sering terhenti	**Kolaborasi Strategik antara Kerajaan dan Sektor Swasta** Kerjasama antara kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan syarikat swasta perlu diperkukuh untuk melaksanakan projek pembangunan bandar baharu dan pemulihan tanah terbiar. Pendekatan *Public-Private Partnership (PPP)* dapat mempercepatkan pembangunan infrastruktur serta membuka peluang ekonomi baharu di kawasan luar bandar. Sektor swasta boleh memainkan peranan dalam membekalkan modal, teknologi, dan kepakaran,	**Peringkat Persekutuan** ● Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Malaysia (PLANMalay-sia) ● Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ● Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) ● Kementerian Belia dan Sukan (KBS) ● FELCRA Berhad ● Majlis Amanah Rakyat (MARA) ● Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) **Peringkat Negeri**

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN KEPADA CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	Pewujudan Zon Ekonomi Belia di Pekan Kecil Setiap pekan seperti Sungai Rambai, Selandar, Simpang Bekoh dan Nyalas boleh dijadikan Zon Ekonomi Belia yang menumpukan kepada aktiviti keusahawanan kecil dan sederhana (IKS). Kemudahan seperti pusat inkubator perniagaan, tapak niaga belia, serta ruang *co-working* perlu disediakan bagi membolehkan anak muda memulakan perniagaan dengan kos rendah. Kerjasama antara PBT dan agensi pembangunan negeri perlu digiatkan untuk menarik pelabur tempatan dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan di kawasan luar bandar.	separuh jalan atau tidak mencapai impak optimum, menyebabkan kawasan tersebut terus mundur dan kurang menarik minat golongan muda. **Ketidaksediaan Komuniti untuk Berubah (Mentaliti)** Sebahagian penduduk luar bandar masih berpegang pada gaya hidup tradisional dan kurang terbuka terhadap inovasi moden seperti pertanian pintar atau keusahawanan digital. Mentaliti bergantung kepada bantuan kerajaan turut menjadi halangan utama kepada inisiatif	manakala kerajaan menyediakan sokongan dasar dan kemudahan asas. **Pemberian Insentif kepada Bakal Pelabur** Kerajaan negeri boleh menawarkan insentif pelaburan seperti pelepasan cukai, potongan levi, dan kemudahan pinjaman mudah kepada pelabur yang melabur di kawasan luar bandar. Insentif ini mampu meningkatkan keyakinan pelabur terhadap potensi ekonomi di kawasan seperti Selandar dan Nyalas, seterusnya mewujudkan pembangunan yang mampan.	• Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) • Polis Diraja Malaysia (PDRM) **Peringkat Tempatan/ Daerah** • Majlis Perbandaran Jasin • Pejabat Daerah dan Tanah Jasin • Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya • Pejabat Pendidikan Daerah

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN KEPADA CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	Pembangunan Infrastruktur dan Akses Digital Pembangunan infrastruktur asas seperti jalan raya, pengangkutan awam, hospital mini dan kemudahan internet berkelajuan tinggi amat penting bagi menarik anak muda kekal menetap di kawasan luar bandar. Dengan adanya akses internet dan ekonomi digital, belia luar bandar boleh terlibat dalam perniagaan atas talian, *freelancing,* serta ekonomi gig, tanpa perlu berhijrah ke bandar besar. **Galakan Program Pembangunan Sosial dan Komuniti Belia** Wujudkan pusat komuniti belia di setiap pekan yang berfungsi sebagai tempat aktiviti sosial, latihan kemahiran, dan bimbingan kerjaya.	pembangunan komuniti yang berasaskan keusahawanan dan daya usaha sendiri. Kekurangan kesedaran serta rasa tanggungjawab kolektif terhadap pembangunan kawasan sendiri menyebabkan projek komuniti sukar diteruskan secara mampan. **Pelabur Luar Kurang Yakin terhadap Potensi Kawasan** Kawasan luar bandar seperti Pekan Sg. Rambai, Selandar, Simpang Bekoh dan Nyalas masih dianggap berisiko tinggi	Program "Pelabur Bersama Komuniti" juga boleh diwujudkan bagi menggalakkan pelabur tempatan menyertai projek pembangunan kecil berskala desa. **Pulangan Pelaburan (ROI) kepada Penduduk Tempatan** Projek pembangunan hendaklah memastikan penduduk tempatan mendapat manfaat langsung, sama ada melalui peluang pekerjaan, pemilikan saham kecil, atau penyertaan dalam rantaian bekalan. Pendekatan ini bukan sahaja mengurangkan rasa	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN KEPADA CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	Melalui program belia desa, kerajaan dapat memupuk semangat cintakan kampung halaman serta memperkukuh identiti komuniti tempatan dalam kalangan generasi muda. Aktiviti seperti festival desa, karnival ekonomi tempatan, dan projek komuniti hijau dapat mewujudkan rasa bangga dan kepemilikan terhadap kawasan tempat tinggal. **Pembangunan Bandar Baru Luar Bandar (*Semi-Urban Township*)** Wujudkan model bandar kecil moden berasaskan konsep *"live, work, and play"* di kawasan seperti Selandar dan Sungai Rambai. Projek ini boleh menempatkan perumahan mampu milik, pusat komersial kecil, kemudahan pendidikan	dari segi pulangan pelaburan kerana keterbatasan pasaran, tenaga kerja dan infrastruktur sokongan. Kekurangan data ekonomi serta profil pelaburan yang jelas menjadikan pelabur sukar menilai potensi sebenar kawasan tersebut. Ketiadaan promosi dan insentif pelaburan yang menarik daripada kerajaan menyebabkan pelabur memilih kawasan bandar utama yang mempunyai kemudahan lebih lengkap dan akses pasaran lebih luas.	terpinggir, tetapi juga meningkatkan rasa memiliki dan tanggungjawab komuniti terhadap pembangunan kawasan. Contohnya, sebahagian hasil keuntungan pelaburan boleh disalurkan kepada dana komuniti bagi membiayai kemudahan awam atau aktiviti sosial setempat. **Mewujudkan Peluang Pekerjaan dan Pembangunan Fizikal** Pembangunan industri kecil dan sederhana (IKS), pertanian moden serta perkhidmatan pelancongan komuniti boleh menyediakan	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN KEPADA CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	dan rekreasi agar kawasan luar bandar menjadi lebih menarik dan berdaya huni. Pendekatan ini dapat mengurangkan keperluan anak muda berhijrah ke bandar besar seperti Kuala Lumpur semata-mata untuk mencari peluang ekonomi dan gaya hidup moden.		peluang pekerjaan untuk belia tempatan. Pada masa sama, kerajaan perlu melaksanakan pembangunan fizikal yang menyeluruh, seperti pembinaan jalan raya, perumahan mampu milik, kemudahan rekreasi, serta jaringan internet berkelajuan tinggi. Langkah ini dapat meningkatkan kualiti hidup penduduk luar bandar dan mengurangkan keperluan mereka berhijrah ke bandar besar.	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN KEPADA CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
			Sokongan Penuh daripada PBT dan Pihak Kerajaan PBT perlu menjadi pemudah cara utama (fasilitator) dalam pelaksanaan projek pembangunan luar bandar termasuklah mempercepat proses kelulusan lesen, menyediakan pelan guna tanah, dan memastikan kelestarian persekitaran. Sokongan berterusan daripada kerajaan negeri dan agensi persekutuan penting bagi memastikan penyaluran dana dan bantuan teknikal berjalan lancar tanpa birokrasi berlebihan.	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN KEPADA CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
			Menjamin Keselamatan Kawasan Pembangunan Aspek keselamatan dan kestabilan sosial perlu diutamakan bagi menarik minat pelabur dan penduduk kekal di kawasan luar bandar. Penambahan rondaan polis, pemasangan CCTV, dan sistem komuniti berjaga (Rukun Tetangga) dapat mengurangkan kadar jenayah serta meningkatkan keyakinan terhadap keselamatan setempat. Kawasan yang selamat akan menjadi tarikan utama untuk pelabur, pekerja dan keluarga muda menetap dan membina kehidupan di situ.	

Isu: Ketidakstabilan Aktiviti Pertanian dan Peternakan

Penternakan

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
1.	**Menghasilkan Makanan Sendiri** Pengamalan penghasilan makanan ternakan sendiri merupakan satu strategi yang efektif untuk mengurangkan kos operasi penternakan. Ini kerana perbelanjaan makanan merupakan komponen kos terbesar, yang merangkumi sehingga 70% daripada jumlah kos pengoperasian, seperti yang dapat dilihat dalam industri penternakan ayam.	**Kos Pekerja yang Tinggi** • Kebergantungan kepada tenaga kerja secara intensif untuk aktiviti penanaman, penuaian dan pemprosesan makanan ternakan menambah kos pengoperasian yang ketara. • Sumber tenaga kerja yang mahal dan semakin berkurangan menyukarkan lagi pengurusan operasi harian secara konsisten.	**Mengautomasikan Proses Pengeluaran** Menggantikan kebergantungan kepada tenaga buruh fizikal dengan teknologi seperti jentera penanam dan penuai, sistem pengairan automatik dan drone untuk pemantauan tanaman. Langkah ini dapat mengurangkan kos operasi jangka panjang serta meningkatkan ketepatan dan keluasan pengeluaran. **Memperkukuh Latihan dan Pembangunan Kemahiran** Melaksanakan program peningkatan kemahiran	**Peringkat Persekutuan** • Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) • Jabatan Perkhidmatan Veterinar • Jabatan Pertanian • Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) • Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Malaysia (KPDN)

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	Bagi haiwan ruminan seperti lembu dan kambing, sumber makanan boleh dihasilkan sendiri seperti rumput napier. Manakala bagi ternakan burung (seperti ayam dan itik), kebergantungan adalah terhadap dedak yang dihasilkan daripada bijian seperti jagung dan kacang soya.		(*upskilling*) yang fokus kepada pengurusan moden, penggunaan teknologi pertanian (*AgriTech*) dan teknik penanaman lestari. Tenaga kerja yang lebih mahir dapat mengoperasikan teknologi dengan cekap, seterusnya meningkatkan produktiviti keseluruhan.	**Peringkat Daerah** • Pejabat Daerah dan Tanah Jasin **Sektor Swasta** • Syarikat swasta
		Kekurangan Sumber Tanah • Ketersediaan tanah yang terhad serta bersaing dengan tanaman komersial lain (seperti kelapa sawit dan getah) menyukarkan peruntukan kawasan yang luas untuk penanaman rumput atau jagung bijirin. • Kos sewa atau pemilikan tanah yang tinggi turut membataskan keupayaan dari segi kewangan, terutamanya untuk penternak berskala kecil dan sederhana.	**Inisiatif Peruntukan Tanah oleh Kerajaan** Kerajaan boleh mempermudah akses kepada tanah melalui pemberian pajakan jangka panjang atau pemberian geran tanah yang luas khusus untuk pertanian makanan ternakan. Kerjasama strategik dengan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) juga boleh memanfaatkan tanah terbiar atau tanah marginal untuk dijadikan	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
			kawasan pengeluaran makanan ternakan.	
		Kekangan Iklim • Ketidaksesuaian Iklim: Malaysia mempunyai cuaca lembap dan tropika yang tidak sesuai untuk penanaman kacang soya dan jagung bijirin, yang memerlukan musim kering yang jelas dan suhu sederhana untuk hasil yang optimum. **Kebergantungan Terhadap Import Bahan Mentah** • Kekurangan sumber tempatan bagi jagung dan kacang soya menyebabkan industri ternakan tempatan masih bergantung tinggi kepada import, yang terdedah kepada turun naik harga pasaran global, kadar	**Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Sumber Alternatif** Mempergiat R&D untuk mengenal pasti dan mengkomersialkan sumber protein tempatan yang lebih sesuai dengan iklim Malaysia, seperti menggunakan kacang botol, kelapa sawit (PKC), daun keladi, atau serangga (contoh*: larva Black Soldier Fly*) sebagai pengganti separa untuk jagung dan soya.	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
		pertukaran asing, dan isi rantaian bekalan antarabangsa.		
		Tempoh Penanaman yang Panjang • Jagung bijirin memerlukan antara 80 hingga 150 hari untuk matang, manakala jagung biasa mengambil masa kira-kira 70 hari. • Tempoh matang yang panjang ini melambatkan pulangan pelaburan, meningkatkan pendedahan kepada risiko cuaca, perosak, dan penyakit, serta memerlukan perancangan yang lebih teliti.	**Insentif Kewangan untuk Penanam Jagung Bijirin** Menyediakan geran tanaman, subsidi input pertanian (benih, baja), dan insentif hasil yang lebih kompetitif untuk petani jagung bijirin. Ini dapat mengimbangi kos pengeluaran yang lebih tinggi dan tempoh matang yang panjang, sekaligus menggalakkan lebih ramai petani menyertai segmen ini.	

Pertanian

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
1.	**Mengurangkan Kebergantungan Terhadap Baja Import** Strategi utama untuk mengurangkan kebergantungan ini ialah dengan mempromosikan dan mengguna pakai baja serta racun organik yang dihasilkan dalam negara. Sumber bahan mentah untuk baja organik ini termasuklah sisa buangan organik yang dikitar semula dan sisa ternakan seperti tahi ayam yang telah diproses.	**Prestasi dan Produktiviti yang Dianggap Rendah** • Baja dan racun organik tempatan sering dilihat kurang berkesan serta lambat menunjukkan hasil berbanding dengan produk import dari segi kelajuan tindak balas dan peningkatan produktiviti tanaman. • Persepsi ini menyebabkan petani, khususnya yang menanam tanaman bernilai tinggi, enggan mengambil risiko terhadap hasil tuaian yang mungkin berkurangan.	**Menggalakkan Penggunaan Teknologi Mikrob Berkesan (EM)** Menggunakan baja organik yang diperkaya dengan *Effective Microorganisms* (EM) dapat mempercepat penguraian bahan organik dan meningkatkan ketersediaan nutrien untuk tanaman, seterusnya meningkatkan prestasi baja organik agar setanding dengan baja kimia. Di samping itu, kerjasama strategik antara institusi penyelidikan (contohnya MARDI dan universiti) dengan industri perlu diwujudkan untuk membangunkan formula baja organik yang lebih berkesan,	**Peringkat Persekutuan** • Institut Penyelidi-kan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) • Jabatan Perkhidma-tan Veterinar • Jabatan Pertanian • Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) • Kemente-rian Perdagan-gan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Malaysia (KPDN) • Lembaga Pemasaran Pertanian Perseku-tuan (FAMA) • Jabatan Perkhidma-tan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) • Kementerian Ekonomi

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
			khusus untuk jenis tanah dan iklim tempatan.	• Kementerian Kewangan **Peringkat Negeri** • Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)
		Pilihan Terhad dan Kos Pengeluaran yang Tinggi • Pasaran input organik tempatan masih kecil, menyebabkan pilihan produk yang terhad untuk menangani pelbagai jenis penyakit tanaman atau keperluan nutrien tanah yang spesifik. • Skala ekonomi yang terhadap dalam pengeluaran tempatan juga menyebabkan harga produk organik lebih tinggi berbanding baja kimia import, sekaligus membebankan kos operasi petani.	**Insentif untuk Industri Tempatan** Menyediakan geran, subsidi atau insentif cukai kepada pengeluar baja dan racun organik tempatan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran, menggalakkan inovasi dan seterusnya menawarkan produk yang lebih pelbagai pada harga yang lebih berpatutan.	
		Tahap Penerimaan Petani • Ramai petani telah lama terbiasa dengan baja dan racun kimia yang diimport dari luar	**Skim Pensijilan dan Pemasaran Produk Organik** Membangunkan skim pensijilan dan label "Ditanam Secara	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
		kerana lebih cepat bertindak dan memberi pulangan yang lebih besar. • Agak sukar untuk meyakinkan mereka tentang keberkesanan jangka panjang baja dan racun alternatif organik.	Organik" yang diiktiraf, serta saluran pemasaran khusus (contohnya melalui FAMA) yang menawarkan harga premium untuk hasil tanaman organik, seterusnya memberi insentif ekonomi kepada petani untuk beralih.	
		Keperluan Tenaga Kerja dan Kepakaran yang Lebih Tinggi • Penggunaan baja organik biasanya memerlukan tenaga kerja yang lebih banyak dan kerap untuk pengurusan dan aplikasi berbanding baja kimia. • Kekurangan tenaga mahir serta kos buruh yang meningkat menyukarkan petani untuk melaksanakan amalan pertanian organik secara efisien.	**Meningkatkan Bantuan Insentif dan Geran** Memperluas bantuan input pertanian (baja & racun organik), jentera (contohnya penabur baja), sistem pengairan dan anak benih bermutu tinggi untuk mengurangkan kos operasi dan menggalakkan mekanisasi. Dalam masa yang sama, memperkenalkan program sewaan atau perkongsian jentera dan *drone* pertanian	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
			pada kos subsidi untuk tugasan seperti penyemburan racun organik dan taburan baja yang dapat mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh secara berkesan.	

BAHAGIAN 4: Penutup

Penutup

Daerah Jasin mempunyai potensi besar untuk dibangunkan sebagai sebuah bandar yang lengkap dengan kegiatan keusahawanan dan aktiviti pertanian moden. Di samping itu, isu-isu sosial di kawasan ini masih berada pada tahap terkawal, menjadikan Jasin antara bandar yang selamat dan kondusif untuk didiami. Bagi merealisasikan potensi tersebut, semua pihak perlulah menggembleng tenaga dan bekerjasama secara bersepadu dalam melaksanakan inisiatif berikut:

1. **Pembangunan Bandar Baharu dan Tanah Terbiar**
   - Pekan-pekan di Jasin seperti Pekan Sungai Rambai, Pekan Selandar, Pekan Simpang Bekoh dan Pekan Nyalas wajar dibangunkan dari aspek infrastruktur, kemudahan asas serta capaian internet bagi memudahkan pelaksanaan aktiviti keusahawanan. Langkah ini berupaya merancakkan ekonomi setempat, khususnya dalam kalangan belia wanita yang berminat berniaga.
   - Tanah terbiar di sekitar Jasin perlu diusahakan semula bagi menjalankan aktiviti pertanian moden seperti pertanian hidroponik, dengan penglibatan aktif komuniti belia.
   - Inisiatif-inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan produktiviti tempatan, malah dapat mengurangkan penghijrahan belia ke bandar besar untuk mencari sumber pendapatan.

2. **Penguatkuasaan Undang-Undang**
   - Kerjasama antara PBT, KKM, PDRM, serta agensi-agensi berkaitan dan komuniti setempat amat penting dalam memperkukuh penguatkuasaan undang-undang berkaitan dadah, rokok dan vape, khususnya Akta 852 (Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024).
   - Pendekatan bersepadu ini penting bagi membendung penglibatan belia dalam penyalahgunaan bahan terlarang, sekali gus menjadikan Jasin sebuah komuniti yang sihat dan bebas daripada gejala sosial.

3. **Pendidikan Pencegahan Berterusan**
   - Pendidikan pencegahan perlu diterapkan secara berterusan dan menyeluruh, bermula dari peringkat sekolah, bak kata pepatah Melayu, “melentur buluh biarlah dari rebungnya.”
   - Oleh itu, pihak sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) serta Jabatan Penerangan Malaysia perlu

memainkan peranan aktif dalam memberi pendidikan dan kesedaran pencegahan kepada masyarakat di Jasin merangkumi semua peringkat umur.

Dalam masa yang sama, dari segi sektor pertanian dan penternakan, usaha untuk mengukuhkan ketahanan dan kemandirian sektor pertanian negara, khususnya dalam penghasilan makanan ternakan dan penggunaan input tempatan haruslah diperkukuhkan lagi. Hal ini adalah bagi memastikan petani dan penternak di Malaysia, khususnya Jasin, mencapai tahap kemandirian yang lebih tinggi, mengurangkan kebergantungan terhadap import, sekaligus memastikan kemampanan dan daya saing jangka masa panjang.

Dua aspek utama yang disentuh bagi mencapai tujuan ini iaitu

- Meningkatkan penghasilan makanan ternakan tempatan
- Menggalakkan penggunaan input pertanian organik domestik

Walaupun berdepan dengan pelbagai kekangan dan halangan terutamanya dari segi kos dan keadaan iklim di Malaysia usaha ini dapat dicapai melalui perancangan strategik, komitmen berterusan dan kerjasama erat semua pihak berkepentingan. Apabila cabaran-cabaran ini dapat diatasi, maka tidak mustahil sektor pertanian tempatan mempunyai potensi untuk mencapai tahap ketahanan dan kemandirian yang dapat menyumbang kepada keterjaminan makanan negara.

Laporan Bengkel Pembangunan Kapasiti

P.140 Segamat

BAHAGIAN 1 Pengenalan

Latar Belakang 83

Objektif 85

Kaedah Pelaksanaan 86

Ringkasan Aktiviti yang telah Dijalankan 86

BAHAGIAN 2 Aktiviti Bengkel

Aktiviti I: Sesi Pengenalan (*Ice Breaking*) 87

Aktiviti II: Pendedahan Mengenai SDG 89

Aktiviti III: Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Segamat 90

Aktiviti IV: Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan 92

BAHAGIAN 3 Hasil Dapatan

Hasil Dapatan: Cadangan Penyelesaian Isu oleh Agensi 93

BAHAGIAN 4 Penutup

Penutup 113



BAHAGIAN 1 Pengenalan

Latar Belakang

Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) bertujuan untuk meningkatkan kapasiti kepimpinan dan pengetahuan agensi kerajaan mengenai SDG. Bengkel bagi Parlimen Segamat telah berjaya dilaksanakan pada 4 November 2025 (Selasa) bertempat di VIP Hotel Segamat, Johor. Program ini telah dikendalikan oleh 4 orang fasilitator daripada APPGM-SDG iaitu:



Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
Penyelaras Zon Selatan dan
Ketua Penyelidik
Parlimen Segamat



Siti Shafina Sanusi
Pegawai
Pembangunan Kapasiti



Nurmaisarah Mohd Asri
Pegawai
Pembangunan Kapasiti



Nur Aina Bahirah Binti Japari
Penyelaras Tempatan Parlimen
Tangga Batu

Seramai 33 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan telah hadir. Bengkel ini turut mendapat sokongan penuh daripada Pejabat Ahli Parlimen Segamat dan Pejabat Daerah Segamat. Jadual di bawah merupakan senarai agensi-agensi yang telah hadir ke bengkel ini:

BIL	SENARAI AGENSI
1.	Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)
2.	Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Daerah Segamat
3.	Jabatan Penerangan Malaysia Pejabat Daerah Segamat
4.	Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Segamat
5.	Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)
6.	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
7.	Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) Daerah Segamat
8.	Pusat Pemulihan dalam Komuniti (PPDK) Palong Timur
9.	Pusat Pemulihan dalam Komuniti (PPDK) Sayangku Segamat
10.	Pusat Pemulihan dalam Komuniti (PPDK) Jementah
11.	Pusat Pemulihan dalam Komuniti (PPDK) Sayangku Taman Yayasan
12.	Polis Diraja Malaysia (PDRM)
13.	Pejabat Daerah Jementah
14.	Pejabat Daerah Segamat
15.	Pejabat Pertanian Daerah Segamat
16.	Pejabat Kesihatan Daerah Segamat
17.	Pejabat Ahli Parlimen Segamat
18.	Majlis Perbandaran Segamat (MPS)
19.	Sekolah Kebangsaan Segamat Baru
20.	Sekolah Menengah Kebangsaan Paduka Tuan

Objektif

Objektif utama bengkel ini adalah:

- **Meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG):** Bengkel ini bertujuan untuk memberikan pendidikan kepada peserta mengenai 17 SDG, kepentingannya di peringkat tempatan, serta kesannya terhadap kelestarian sosial, ekonomi, dan alam sekitar.

- **Menggalakkan kerjasama antara agensi dalam menangani cabaran pembangunan dan isu komuniti di peringkat tempatan:** Pengukuhan kerjasama antara-agensi dapat memanfaatkan sumber secara lebih cekap, meningkatkan keupayaan menyelesaikan masalah, serta mewujudkan penyelesaian holistik yang sesuai dengan keperluan masyarakat setempat.

- **Mengenal pasti dan menggalakkan penglibatan agensi berautoriti serta pemimpin tempatan untuk menerajui pelaksanaan SDG di peringkat akar umbi:** Mengenal pasti dan memperkasakan pemimpin tempatan, pegawai kerajaan daerah, dan wakil komuniti yang berpotensi menjadi penggerak utama SDG, memberi inspirasi kepada orang lain, serta mendorong kesan jangka panjang dalam komuniti mereka.

- **Mengintegrasikan prinsip SDG dalam proses kerja harian, tadbir urus, dan rangka dasar** : Selain meningkatkan kesedaran dan perancangan, mengamalkan prinsip SDG dalam pembuatan keputusan harian dapat memastikan kelestarian kekal sebagai keutamaan dalam pentadbiran dan pembangunan. Ini melibatkan penyelarasan dasar, prosedur kerja, dan perancangan strategik dengan sasaran SDG, sekaligus membawa kepada perubahan institusi yang dapat meningkatkan kecekapan tadbir urus, pembangunan komuniti, dan pengurusan alam sekitar secara berterusan.

Kesemua objektif ini secara kolektif menyumbang kepada membangunkan budaya kelestarian, memastikan bahawa SDG bukan sahaja difahami tetapi dilaksanakan secara aktif pada semua peringkat tadbir urus dan penglibatan komuniti.

Kaedah Pelaksanaan

Berikut merupakan kaedah penyampaian yang telah digunakan sepanjang program berlangsung:

- Syarahan interaktif
- Perkongsian pengalaman
- Aktiviti dan permainan interaktif
- Perbincangan dalam kumpulan
- Pembentangan kumpulan

Ringkasan Aktiviti yang Telah Dijalankan

Bengkel yang telah dijalankan ini merangkumi empat (4) aktiviti utama yang berikut;

- **Aktiviti I** : Sesi pengenalan *'ice-breaking'*
- **Aktiviti II** : Pendedahan Mengenai SDG
- **Aktiviti III** : Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Segamat
- **Aktiviti IV** : Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan



BAHAGIAN 2 Aktiviti Bengkel

Aktiviti I : Sesi Pengenalan *(Ice-Breaking)*

Program telah dimulakan dengan sesi pengenalan (*ice breaking*) melalui permainan BINGO. Sesi ini bertujuan untuk memberi peluang kepada peserta untuk saling berinteraksi agar mereka dapat mengenali antara satu sama lain dengan lebih dekat. Di samping itu, para peserta turut memperkenalkan nama, agensi dan perkongsian menarik mengenai diri mereka.










BINGO






BINGO
04


BINGO



Aktiviti II : Pendedahan Mengenai SDG

Selepas sesi *ice-breaking,* program diteruskan dengan pengenalan Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (APPGM-SDG) dan penjelasan yang lebih terperinci mengenai 17 Matlamat Pembangunan Mampan. Sesi ini menghuraikan dengan lebih mendalam peranan penting SDG dalam pembangunan mampan serta bagaimana agensi-agensi boleh memainkan peranan aktif dalam mencapai sasaran tersebut. Para peserta turut didedahkan dengan langkah-langkah praktikal yang boleh diambil oleh agensi untuk menyelaraskan operasi dan program mereka dengan prinsip-prinsip SDG.













Aktiviti III : Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Segamat

Pengisian aktiviti bagi sesi seterusnya adalah perbincangan antara-agensi dalam mencari penyelesaian isu setempat. Pembentangan isu-isu yang diperolehi hasil daripada lawatan pemetaan isu telah disampaikan oleh Dr Wan Suzita Wan Ibrahim. Isu yang telah dipilih untuk diberi perhatian dan dibincangkan adalah seperti berikut;

- **Kumpulan 1**: Masalah Sosial dalam Kalangan Remaja
- **Kumpulan 2**: Peningkatan Kemasukan Pelajar OKU ke PDK daripada Sekolah Pendidikan Khas
- **Kumpulan 3**: Masalah Banjir dan Bencana Berulang di Kawasan Kampung dan Ladang














PERINCIAN ISU
KOMUNITI SASARAN
AGENSI









Aktiviti IV : Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan

Kumpulan Sokongan Penyampaian dan Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan merupakan satu inisiatif kolaboratif yang melibatkan kakitangan agensi kerajaan di peringkat negeri dan daerah di dalam sesebuah kawasan Parlimen bersama kumpulan pemimpin setempat dan ahli komuniti.

Kumpulan ini ditubuhkan dengan tujuan untuk memastikan pelaksanaan SDG dilaksanakan secara menyeluruh dan inklusif sehingga ke peringkat akar umbi. Ini bagi memastikan tiada individu atau kelompok masyarakat yang terpinggir atau ketinggalan dalam proses pembangunan yang dilaksanakan.

Sebagai simbolik komitmen dan sokongan terhadap penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan, bacaan ikrar telah diadakan oleh wakil-wakil agensi kerajaan yang hadir.



Bacaan ikrar Kumpulan Sokongan Penyampaian dan Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan Parlimen Segamat oleh wakil-wakil agensi yang hadir.

BAHAGIAN 3 Hasil Dapatan

Hasil Dapatan: Cadangan Penyelesaian Isu oleh Agensi

Beberapa isu telah dipilih untuk dibincangkan hasil daripada aktiviti pemetaan isu yang telah dijalankan. Memandangkan isu yang dibangkitkan adalah isu semasa yang sedang dalam tindakan, pihak agensi telah mencadangkan cadangan penyelesaian sedia ada serta cadangan baru yang perlu di beri perhatian. Isu yang telah dibincangkan adalah seperti berikut;


BIL.	ISU	KOMUNITI SASARAN
1.	**Masalah sosial dalam kalangan remaja** Penyalahgunaan daun ketum semakin berleluasa, menyebabkan ketagihan dalam kalangan penduduk kampung termasuk remaja dan belia. Penggunaan vape semakin meningkat dan dikaitkan dengan ponteng sekolah serta penggunaan bersama bahan terlarang seperti *mushroom.* Dadah seperti *ice* juga popular dalam kalangan remaja, dibawa masuk oleh individu luar yang digelar "jambak". Situasi ini memberi kesan terhadap keselamatan, kesihatan mental, dan kesejahteraan sosial komuniti.	• Belia FELDA Palong 3 • Orang Asli Kg Puting • Komuniti FELDA Palong 3 & Palong Timur 1-3 • Komuniti Setempat
2.	**Peningkatan kemasukan pelajar OKU ke PDK daripada sekolah pendidikan khas** Sejak akhir-akhir ini berlaku peningkatan kemasukan pelajar OKU kembali ke PDK. Keadaan ini membimbangkan kerana menggambarkan jurang dalam kesinambungan pendidikan, latihan dan peluang pekerjaan bagi golongan OKU. Memerlukan kerjasama pelbagai agensi untuk memperkukuh laluan peralihan dari sekolah khas ke latihan kemahiran dan pekerjaan.	• Komuniti PDK • PDK Sayangku Taman Yayasan • PDK Sayangku Segamat • PDK Jementah • PDK Palong Timur 1

BIL.	ISU	KOMUNITI SASARAN
3	**Masalah banjir dan bencana berulang di kawasan kampung dan ladang** Banjir menyebabkan jalan terputus dan penduduk terputus bekalan makanan selama hampir seminggu. Berlaku di kawasan ladang berhampiran Sungai Menggatal dan Sungai Muar, menyebabkan hasil pertanian tidak dapat dikeluarkan dan rosak jika dibiarkan lebih dua minggu. Kampung berhampiran Sungai Segamat sering terdedah kepada limpahan air yang naik dengan cepat. Komuniti memohon agar kerja pembersihan sungai, longkang dan pembentung dilakukan lebih kerap bagi mengurangkan risiko banjir.	• FELDA Palong Timur 1/2/3 • Kampung Seberang Batu Badak • Orang Asli • Nelayan sungai • Komuniti Setempat



Imbas kod QR ini bagi mendapatkan laporan penuh

Perbincangan penyelesaian isu ini telah dijalankan berdasarkan kerangka dibawah:



Isu: Masalah Sosial dalam Kalangan Remaja (Penagihan Dadah, Vape dan Ketum)

Sosial

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN KEPADA CABARAN	AGENSI BERKAITAN
1	**Wujudkan Akta Pengharaman Penjualan Vape (Dadah)** Melaksanakan penguatkuasaan dari segi penjualan dan penggunaan vape. Ketiadaan akta khusus pengharaman penjualan vape menyukarkan usaha untuk membanteras isu vape dalam kalangan masyarakat.	Bantahan daripada penjual disebabkan oleh keuntungan yang diperoleh sangat tinggi walaupun penjualan vape dijalankan secara haram dan tanpa lesen. Misalnya, kedai vape di Bandar Utama. Bantahan daripada pengguna terutamanya pengguna tegar yang menggunakan vape sebagai pengganti rokok. Realitinya kini ramai pengguna vape merupakan golongan belia. Bantahan daripada industri pengeluar vape seperti kilang vape di Gemencheh yang memperolehi keuntungan berlipat ganda hasil daripada jualan vape. Industri pengeluar vape sering memberi alasan bahawa mereka turut membayar cukai,	Meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang keburukan penggunaan vape melalui pelbagai medium komunikasi, termasuk penyebaran maklumat di media sosial, penganjuran kempen kesedaran awam, penyediaan reruai pameran di lokasi tumpuan, serta pelaksanaan ceramah di sekolah. Pendekatan bersepadu ini bertujuan memupuk pemahaman yang lebih mendalam mengenai risiko kesihatan, implikasi sosial, serta kesan jangka panjang penggunaan vape, khususnya dalam kalangan remaja dan pelajar.	● Bahagian Hal Ehwal Undang-undang ● PDRM ● AADK ● Kesihatan ● PBT ● KPDN ● PPD ● KBS ● PDT

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN KEPADA CABARAN	AGENSI BERKAITAN
		meningkatkan ekonomi penduduk setempat serta menyediakan peluang pekerjaan kepada komuniti.		
2	**Mengetatkan kawalan jualan vape** **Dalam talian** Shopee, Tiktok **Fizikal** Dijual secara tertutup seperti rokok yang dijual di kedai 99 Speedmart ditutup dengan kain hitam. Manakala, kedai-kedai yang berdekatan dengan sekolah diwajibkan untuk tidak menjual rokok.	Kawalan penjualan melalui polisi *e-commerce* yang masih lemah dalam menghalang aktiviti pemasaran dan promosi vape secara terbuka di platform dalam talian. Kekangan ini menyebabkan penjual mudah memanipulasi ciri penyenaraian produk, menggunakan kata kunci terselindung, serta mengiklankan vape kepada remaja tanpa tapisan umur yang ketat.	Campur tangan pihak kementerian diperlukan melalui penggubalan dan pelaksanaan akta yang lebih tegas berkaitan kawalan penjualan produk vape di platform *e-commerce.* Kementerian boleh mewajibkan tapisan umur yang ketat, mewujudkan mekanisme pemantauan bersepadu bersama operator platform, serta mengenakan penalti yang lebih berat terhadap penjual yang melanggar peraturan.	• KPDN • PDRM • Syarikat *e-commerce*
		Penguatkuasaan terhadap penjualan vape, terutamanya dalam mengekang akses golongan bawah	Menaikkan had umur daripada 18 tahun kepada 21 tahun bagi memastikan tahap pemilikan yang lebih	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN KEPADA CABARAN	AGENSI BERKAITAN
		umur yang masih mudah mendapatkan produk tersebut melalui pelbagai saluran.	matang dan mengurangkan risiko pendedahan awal kepada penggunaan vape.	

Fakta Tambahan

Ketum kini dikawal di bawah Akta Racun 1952, bukan Akta Dadah Berbahaya. Seseorang hanya boleh disabitkan kesalahan jika daun ketum dipetik dan diproses menjadi air, manakala kewujudan pokok ketum berdaun masih belum dianggap satu kesalahan kerana tiada peruntukan akta yang membenarkan tindakan terhadapnya. Hal ini menjadikan akta sedia ada belum cukup ketat untuk membanteras pengeluaran daun dan air ketum secara berkesan.

Bagi penjual yang menjual daun atau air ketum, mereka boleh dituduh di bawah Seksyen 30(3), Akta Racun 1952, dengan hukuman denda sehingga RM100,000 selepas pindaan terkini (berbanding hanya RM20,000–RM25,000 sebelum ini). Namun begitu, menurut pengalaman pegawai polis, hukuman denda tertinggi yang pernah dikenakan hanyalah belasan ribu ringgit, walaupun membabitkan kesalahan berulang dan rampasan yang besar.

Selain itu, PDRM tidak mempunyai kuasa menebang pokok ketum dan hanya bertindak menjaga keselamatan semasa PBT menjalankan operasi penebangan. Segala laporan berkaitan pokok ketum akan disalurkan kepada PDT yang kemudian akan mengadakan mesyuarat dengan agensi terlibat bagi tujuan penguatkuasaan.

Berkaitan penjualan vape pula, pada asalnya tiada kesalahan khusus selain keperluan memiliki lesen penjualan. Namun, wujud peningkatan kes vape yang diubah suai dengan campuran bahan terlarang seperti syabu dan ganja. Produk terlarang ini dijual pada harga RM10 setitik atau RM200–250 sebotol kecil, khususnya di pasaran gelap yang menyasarkan golongan remaja. Apabila dirampas oleh PDRM, vape tersebut akan dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisis bagi mengenal pasti kandungan sebenar vape tersebut.

Isu: Peningkatan Kemasukan Pelajar OKU ke PDK daripada Sekolah Pendidikan Khas

Sosial

Golongan Orang Kurang/Kelainan Upaya (OKU) merupakan sebahagian daripada kumpulan rentan yang memerlukan sokongan menyeluruh dari aspek kesihatan, pendidikan, kebajikan dan pembangunan kerjaya. Peningkatan kes OKU khususnya dalam kategori masalah pembelajaran seperti autism, ADHD dan kelainan perkembangan telah memberi tekanan kepada sistem sedia ada terutamanya dalam rantaian akses awal pendidikan khas, pemulihan dan latihan vokasional.

Melalui sesi perbincangan dan pembentangan kumpulan yang dihadiri oleh wakil Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Pusat Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan Pemulihan dalam Komuniti (PDK), beberapa isu telah dikenalpasti yang merangkumi aspek kesedaran ibu bapa, proses pengesahan Kad OKU, pelaksanaan *Zero Reject Policy*, kekangan fasiliti latihan serta laluan TVET OKU. Berikut adalah antara cadangan penyelesaian yang di bincangkan;

BIL	ISU UTAMA	CABARAN SEMASA	CADANGAN PENYELESAIAN	AGENSI BERKAITAN
1	**Kekeliruan fungsi PDK & PPKI**	Ramai ibu bapa tidak jelas peranan sebenar PDK sebagai pusat pemulihan awal dan PPKI sebagai laluan pendidikan formal. Akibatnya berlaku salah hala tuju apabila murid dimasukkan ke PPKI tanpa kemahiran asas yang mencukupi termasuklah kemahiran pengurusan diri (makan, minum, kebolehan ke tandas) sehingga terpaksa	Wakil agensi yang hadir mencadangkan agar diwujudkan bimbingan hala tuju oleh pakar perubatan dan kaunseling pendidikan PPD. Doktor dan Pegawai Pendidikan Daerah berperanan penting dalam memberi maklumat jelas dan konsisten mengenai laluan pendidikan yang bersesuaian contohnya rujukan ke PPKI, Sekolah	• KKM • PPD • JKM • PDK • NGO

BIL	ISU UTAMA	CABARAN SEMASA	CADANGAN PENYELESAIAN	AGENSI BERKAITAN
		berpatah balik semula ke PDK.	Pendidikan Khas, TVET OKU atau peluang kerjaya sokongan. Peranan ini boleh diperkukuh melalui sesi taklimat bersama keluarga, penilaian berkala perkembangan, serta penyediaan modul rujukan ringkas seperti *brochures*.	
2	**Penafian keadaan anak** dan kurang kesedaran ibu bapa	Sebahagian ibu bapa sukar menerima ketidakupayaan anak yang tidak melibatkan kecacatan fizikal seperti autism dan masalah pembelajaran. Penglibatan bapa juga sangat rendah terutamanya dalam proses perhubungan antara penjaga dan sekolah menyebabkan keputusan pendidikan anak banyak dipikul oleh ibu sahaja dan mudah berlaku salah faham dengan pihak sekolah.	Program kaunseling penerimaan ibu bapa secara berkala, sokongan emosi keluarga serta libat urus menyeluruh antara ibu bapa dan pihak sekolah melalui sesi dialog berfokus wajar diberi perhatian sebagai langkah memecahkan stigma, perasaan malu serta rasa rendah diri dalam kalangan ibu bapa bagi memastikan mereka bersedia untuk menerima kekurangan keadaan anak dan seterusnya boleh bertindak mencari penyelesaian segera.	• KKM • KPM • JKM • NGO

BIL	ISU UTAMA	CABARAN SEMASA	CADANGAN PENYELESAIAN	AGENSI BERKAITAN
3	**Proses mendapatkan Kad OKU yang lambat**	Proses pengesahan perubatan yang panjang, terutama bagi kes bukan fizikal seperti autism dan masalah pembelajaran, menyebabkan kelewatan pendaftaran Kad OKU. Sepanjang tempoh ini, kanak-kanak tidak layak mendaftar ke PDK atau PPKI (syarat wajib kemasukan adalah pemilikan Kad OKU) dan berisiko tercicir daripada intervensi awal. Wakil Pejabat Kesihatan Daerah yang hadir menyatakan sekiranya keadaan pesakit OKU ketara secara fizikal adalah mudah bagi pihak pakar perubatan mengeluarkan terus pengesahan Kad OKU kepada pesakit. Akan tetapi wujud kekangan di pihak agensi dalam proses	Bagi mempercepatkan proses pengeluaran kad OKU, agensi yang hadir mencadangkan pewujudan SOP baharu rujukan awal oleh guru dan pengesahan sementara bagi membolehkan kanak-kanak terus mendaftar ke PDK atau prasekolah khas sementara menunggu pengesahan penuh perubatan. Langkah ini dapat mengelakkan kecicirian intervensi awal yang amat kritikal.	● KKM ● JKM ● KPM ● PDK

BIL	ISU UTAMA	CABARAN SEMASA	CADANGAN PENYELESAIAN	AGENSI BERKAITAN
		pengesahan bagi kes bukan fizikal seperti; ● Bilangan doktor pakar berkaitan yang ditauliahkan tidak ramai. Proses menunggu giliran temujanji akan menjadi lebih panjang. ● Dalam tempoh proses pengesahan, pesakit perlu melalui sesi ujian yang ditetapkan dan ini memerlukan masa serta tempoh yang panjang. Ada kes dimana selepas menerima rawatan, pesakit boleh pulih dan sekiranya Kad OKU telah dikeluarkan oleh pejabat kesihatan, maka pesakit tersebut akan kekal sebagai OKU dan mungkin akan menyukarkan pesakit kelak.		
4	***Zero Reject Policy***	Pelaksanaan *Zero Reject Policy* oleh Kementerian Pendidikan Malaysia	Antara cadangan penambahbaikan yang dibincangkan adalah penambahan bilangan	● KPM ● KKM ● JKM ● PPKI

BIL	ISU UTAMA	CABARAN SEMASA	CADANGAN PENYELESAIAN	AGENSI BERKAITAN
		dalam memastikan semua murid termasuk murid berkeperluan khas diterima masuk ke sekolah tanpa penolakan. Walaupun dasar ini amat positif dari sudut hak pendidikan, pelaksanaanya telah mewujudkan tekanan besar kepada sekolah dari segi kapasiti, kemahiran guru, prasarana dan sokongan profesional. Murid OKU diterima tanpa disertakan sokongan yang mencukupi terutamanya bagi murid yang belum mendapat pengesahan rasmi Kad OKU. Keadaan ini mewujudkan cabaran pengurusan di sekolah serta jurang keberkesanan intervensi awal.	guru pendidikan khas, sokongan terapi secara berkala, pelaksanaan saringan awal di sekolah dan klinik kesihatan, latihan asas pendidikan inklusif kepada semua guru PPKI, beserta pewujudan sistem rujukan rentas agensi yang melibatkan KPM-KKM-JKM-Penyedia Latihan TVET-NGO bagi memastikan sokongan murid OKU tidak terputus. Kesemua pihak terlibat di atas wajar mengadakan pertemuan semula bagi memperhalusi masalah ini kerana berdasarkan sesi perbincangan yang diadakan, wujud kekeliruan punca kuasa dan peranan diantara semua pihak yang bertanggungjawab.	• PDK • Penyedia Latihan TVET • NGO

BIL	ISU UTAMA	CABARAN SEMASA	CADANGAN PENYELESAIAN	AGENSI BERKAITAN
5	**Fasiliti pendidikan khas** yang terhad dan jauh serta laluan OKU TVET yang tidak mencukupi	Kapasiti sekolah sedia ada di daerah Segamat masih belum mencukupi berbanding jumlah kanak-kanak berkeperluan khas yang memerlukan intervensi pendidikan formal. Keadaan ini telah menyebabkan kesesakan sedia ada serta had kuota yang menyukarkan penempatan murid mengikut zon kediaman. Wakil PPKI juga memaklumkan sekolah sedia ada terletak agak jauh daripada kawasan kediaman yang memerlukan mereka merentas daerah dan menyebabkan ibu bapa tidak dapat menghantar anak ke sekolah kerana timbulnya cabaran logistik, faktor keselamatan selain beban kos ulang alik yang tinggi.	Wakil agensi yang hadir mencadangkan agar penambahan bilangan kelas pra-sekolah pendidikan khas di sekolah-sekolah sedia di daerah Segamat sebagai langkah penyelesaian segera dan kos yang efektif berbanding menunggu pembinaan sekolah baharu. Agensi juga menyatakan langkah ini dapat memperluaskan akses intervensi awal selain secara tidak langsung mengurangkan bilangan pelajar yang terpaksa menunggu atau ditolak semasa pendaftaran. Cadangan menubuhkan program atau sekolah pendidikan khas baharu perlu dimasukkan dalam Rancangan Tempatan Daerah (RTD) sebagai sebahagian daripada agenda pembangunan inklusif. Penyediaan	• Pejabat Parlimen • KPM • PBT • JKR • Pusat Latihan TVET • NGO

BIL	ISU UTAMA	CABARAN SEMASA	CADANGAN PENYELESAIAN	AGENSI BERKAITAN
			lokasi strategik sekolah hendaklah berdasarkan data populasi OKU dan jangkaan keperluan masa depan. Wakil Pihak Berkuasa Tempatan yang hadir menyatakan pihak agensi bersedia menerima cadangan pembangunan fasiliti yang menyokong ke arah kesejahteraan komuniti anak kelainan upaya. Agensi turut mencadangkan agar Pejabat Ahli Parlimen Segamat mengangkat cadangan ini supaya isu lebih mudah diselesaikan dan mendapat perhatian serta peruntukan sewajarnya.	
6	Secara keseluruhannya, isu laluan pendidikan dan pembangunan OKU di peringkat daerah sebenarnya berpotensi untuk diselesaikan namun memerlukan kerjasama erat antara pelbagai agensi serta penyelarasan yang lebih sistematik. Buat masa ini, cabaran birokrasi dan perbezaan bidang kuasa antara agensi sedikit sebanyak memperlahankan pelaksanaan sistem sedia ada, walaupun semua pihak sebenarnya komited dan berusaha membantu mengikut peranan masing-masing.			

BIL	ISU UTAMA	CABARAN SEMASA	CADANGAN PENYELESAIAN	AGENSI BERKAITAN
	Sebagai langkah kehadapan, mekanisme perbincangan lanjutan, penyelarasan data, SOP rentas agensi serta perancangan fizikal yang lebih tersusun amat diperlukan bagi memperhalusi punca kuasa dan pelaksanaan dasar sedia ada. Diharapkan melalui pendekatan kolaboratif yang lebih kukuh, pembangunan OKU dapat dilaksanakan secara lebih menyeluruh, berperingkat dan mampan bagi memastikan tiada sesiapa yang tertinggal.			
7	**SDG BERKAITAN** 			

Isu: Masalah Banjir dan Bencana Berulang di Kawasan Kampung dan Ladang

Alam Sekitar

Bagi mengatasi isu ini, terdapat dua cadangan utama yang diutarakan oleh agensi-agensi yang hadir, iaitu dari segi penambahbaikan infrastruktur dan pengurusan banjir yang lebih sistematik. Perbincangan yang dilakukan adalah seperti berikut;

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
1	**Penambahbaikan Infrastruktur** Pembersihan Sungai Segamat dan 13 anak sungai • JPS telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan di Sungai Menggatal serta projek Rantaian Tebatan Banjir (RTB) bagi Sungai Muar, Sungai Jementah dan Sungai Labis. Namun, pelaksanaan penuh RTB Sungai Labis masih tertangguh berikutan isu penemuan	Penjagaan infrastruktur termasuk kekangan penyelenggaraan berterusan, kerosakan akibat banjir atau cuaca ekstrem, serta penyelarasan yang lemah antara agensi bertanggungjawab. Selain itu, kekurangan sumber manusia dan peruntukan dana yang mencukupi turut menyukarkan pelaksanaan kerja-kerja penting seperti pembersihan sungai, pembaikan sistem perparitan, serta menaik taraf jalan dan jambatan.	Pertama, mewujudkan kumpulan sokongan dan program peningkatan kapasiti bagi pegawai serta pihak berkaitan bagi memperkukuh kemahiran, pengetahuan dan koordinasi dalam kerja-kerja penyelenggaraan infrastruktur. Kedua, menjalankan kempen kesedaran kepada orang ramai melalui pelbagai saluran komunikasi seperti iklan di televisyen, media massa, media elektronik dan	• JPS • JKR • JAS • APM • RELA • PDRM • Jabatan Pertanian • FELDA • Majlis Perbandaran Segamat

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	bahan letupan berhampiran Masjid Sungai Labis. ● Selain itu, kerja-kerja pendalaman sungai utama dan anak-anak sungai turut dijalankan untuk melancarkan aliran air. ● Penyediaan tong sampah di kawasan terlibat juga penting bagi mengelakkan pembuangan sampah ke dalam sungai yang boleh menyebabkan sumbatan. Pembaikan sistem perparitan ● Sistem saliran dikendalikan oleh agensi berbeza mengikut bidang kuasa. MPS bertanggungjawab terhadap sistem saliran di	Keadaan ini boleh mengakibatkan kelewatan dalam penyelenggaraan, menjejaskan keselamatan awam, serta meningkatkan risiko banjir dan kerosakan harta benda.	media cetak, bagi menekankan kepentingan menjaga infrastruktur, menggalakkan kerjasama masyarakat dalam mengekalkan kebersihan sungai, keselamatan jalan dan jambatan, serta menyokong usaha pihak berkuasa dalam mencegah kerosakan dan banjir. Pendekatan bersepadu ini dapat memastikan infrastruktur awam terpelihara dengan baik dan berfungsi secara optimum bagi kesejahteraan masyarakat.	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	taman perumahan, manakala JKR menguruskan parit di bahu jalan utama. JPS pula mengendalikan saliran utama di sungai. Penyelarasan lebih berkesan antara agensi diperlukan bagi memastikan perparitan berfungsi dengan baik dan mampu menampung kapasiti aliran air semasa hujan lebat. • Menaik taraf jalan supaya lebih tinggi daripada paras sungai serta membina atau menaik taraf jambatan bagi memastikan aliran air lancar dan mengurangkan risiko banjir.			

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
2	**Pengurusan Banjir yang Lebih Sistematik** Penyediaan **tempat simpanan bantuan banjir** termasuk makanan, bantal, tilam, dan selimut adalah langkah awal untuk memenuhi keperluan mangsa banjir. **Sistem amaran awal banjir** di bawah kendalian JPS dalam memberi pemakluman awal banjir kepada Pegawai Daerah dan seterusnya Pegawai Daerah mempunyai kuasa untuk membuka bilik gerakan, memindahkan penduduk ke PPS dan lain-lain tindakan segera. **Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB)** sebagai pusat penyaluran maklumat yang	Pertama, pengangkutan untuk bekalan makanan, pengeluaran hasil ternakan, dan penyelamat semasa operasi menyelamat sering menghadapi halangan, terutamanya di kawasan yang terputus hubungan akibat banjir. Kekurangan bekalan sanitari dan makanan yang mencukupi turut menyukarkan usaha bantuan kepada mangsa. Tambahan pula, terdapat isu keterjaminan makanan, terutamanya apabila kawasan yang sama sering dilanda banjir berulang, sehingga menjejaskan kelangsungan bekalan makanan dan keperluan asas	Pertama, kerajaan perlu menaik taraf sistem amaran awal banjir dengan penggunaan teknologi terkini bagi memastikan maklumat tentang potensi banjir dapat disalurkan dengan cepat dan tepat kepada Pegawai Daerah, agensi berkaitan, serta komuniti yang berisiko. Dengan sistem amaran yang lebih efisien, tindakan pencegahan seperti pembukaan bilik gerakan, pemindahan penduduk ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS), dan pengurusan logistik dapat dijalankan dengan lebih teratur dan berkesan. Kedua, meningkatkan kesedaran dan	• NADMA • JKM • Majlis Perbandaran Segamat

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	ditempatkan di MPS tetapi ia bukan di bawah tanggungjawab MPS. PKOB terdiri daripada JPS, JKR, PDRM, JKM dan agensi lain yang berkaitan. Pusat kawalan ini berfungsi sebagai medium pertanyaan orang awam misalnya, jika mereka bertanya tentang jalan yang terputus disebabkan banjir, maka JKR akan menjawab pertanyaan tersebut. Manakala, jika orang awam bertanya tentang aras air banjir, maka JPS akan menjawab pertanyaan tersebut. **Pemasangan kayu tolok lurus** di kawasan *'hotspot'* oleh JKR untuk mengetahui paras kedalaman banjir.	bagi penduduk yang terjejas. Kedua, terdapat keperluan mendesak terhadap petugas dan sukarelawan kesihatan bagi memastikan bantuan perubatan dapat diberikan kepada mangsa dengan segera. Ketiga, koordinasi antara jabatan masih menjadi cabaran, kerana penglibatan pelbagai agensi memerlukan penyelarasan yang cekap bagi memastikan operasi berjalan lancar.	kesediaan komuniti melalui kempen pendidikan dan penerangan di media sosial, media massa, media elektronik, serta media cetak. Kempen ini bertujuan memupuk kefahaman masyarakat tentang langkah-langkah keselamatan, kepentingan penyediaan bekalan kecemasan, dan peranan mereka dalam menyokong operasi pihak berkuasa semasa bencana. Dengan pendekatan bersepadu ini, bukan sahaja kesiapsiagaan pihak berkuasa diperkuat, tetapi masyarakat juga menjadi lebih bersedia, selamat, dan mampu bertindak secara proaktif semasa menghadapi banjir,	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	Pusat Pemindahan Sementara (PPS) adalah dibawah tanggungjawab Ketua Kampung (KK). Apabila Ketua Kampung memerlukan bantuan, KK akan menghubungi agensi yang terlibat seperti APM, PDRM, JPS dan lain-lain. Dalam operasi menyelamat, JPS tidak terlibat secara langsung. Hanya agensi seperti PDRM, APM, Bomba dan RELA sahaja yang boleh membantu dalam operasi menyelamat semasa banjir.		sekaligus mengurangkan risiko kehilangan harta dan nyawa.	

BAHAGIAN 4 Penutup

Penutup

Secara keseluruhannya, bengkel ini telah berjaya mengenal pasti beberapa isu utama yang memberi kesan langsung kepada kesejahteraan sosial, pendidikan dan keselamatan komuniti setempat khususnya masalah sosial dalam kalangan remaja, peningkatan kemasukan pelajar OKU dan murid berkeperluan pendidikan khas serta kejadian banjir dan bencana berulang di kawasan kampung dan ladang. Isu-isu ini bukan sahaja bersifat setempat, malah mempunyai implikasi jangka panjang terhadap pembangunan insan dan kelestarian komuniti.

Melalui sesi perbincangan dan libat urus antara agensi, bengkel ini telah mencapai kesepakatan bersama bahawa penyelesaian kepada isu-isu berkenaan memerlukan kerjasama rentas agensi yang lebih tersusun dan bersepadu. Cadangan seperti pengukuhan kawalan terhadap penjualan dan penggunaan vape dalam kalangan remaja, penambahbaikan sokongan terhadap sistem pendidikan khas, serta peningkatan infrastruktur asas termasuk sistem perparitan dan kerja-kerja pembersihan sungai dikenalpasti sebagai langkah awal yang penting. Walaubagaimanapun, pelaksanaan cadangan-cadangan ini memerlukan penglibatan serta sokongan agensi di peringkat Persekutuan, terutamanya dalam aspek dasar, perundangan, peruntukan kewangan dan perancangan jangka panjang.

Sepanjang bengkel berlangsung, penglibatan aktif Pegawai Khas kepada Yang Berhormat Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj turut memberikan nilai tambah yang signifikan kepada perbincangan. Input, pandangan serta maklumbalas yang dikemukakan telah membantu memperjelas realiti semasa di lapangan dan menghubungkan isu-isu yang dibincangkan dengan keperluan dasar dan pelaksanaan di peringkat lebih tinggi. Penglibatan ini juga mencerminkan komitmen berterusan pihak YB terhadap usaha penyelesaian isu-isu komuniti secara inklusif dan berfokus.

Tahap kesedaran terhadap Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dalam kalangan sebahagian agensi didapati masih berada pada tahap sederhana, khususnya dari segi pemahaman istilah dan kerangka global SDG. Namun demikian, secara praktikalnya, gerak kerja dan tugasan yang sedang dilaksanakan oleh agensi-agensi yang terlibat telah pun selari dengan prinsip dan sasaran SDG, khususnya dalam aspek kesejahteraan sosial, pendidikan inklusif, pengurangan risiko bencana dan pembangunan komuniti mampan. Penyertaan agensi dalam bengkel ini menunjukkan tahap kefahaman yang baik terhadap kepentingan penyelarasan usaha sedia ada di bawah kerangka SDG.

Sehubungan itu, bengkel ini berharap agar Yang Berhormat dapat mempertimbangkan untuk mengangkat cadangan-cadangan yang telah dibincangkan ke peringkat Parlimen atau mana-mana platform di bawah bidang kuasa YB, bagi memastikan isu-isu yang dikenal pasti dapat diberikan perhatian sewajarnya dari sudut dasar, perundangan dan peruntukan sumber. Pendekatan ini diyakini dapat memperkukuhkan usaha penyelesaian secara menyeluruh, bersepadu dan mampan, selaras dengan aspirasi pembangunan negara dan keperluan sebenar komuniti setempat.



Penghargaan kepada wakil Yang Berhormat dan Pegawai Daerah yang turut hadir Bengkel Pembangunan Kapasiti Parlimen Segamat

Laporan Bengkel Pembangunan Kapasiti P.149 Sri Gading & P.150 Batu Pahat

BAHAGIAN 1 Pengenalan

Latar Belakang 116
Objektif 119
Kaedah Pelaksanaan 120
Ringkasan Aktiviti yang telah Dijalankan 120

BAHAGIAN 2 Aktiviti Bengkel

Aktiviti I: Sesi Pengenalan (*Ice Breaking*) 121
Aktiviti II: Pendedahan Mengenai SDG 123
Aktiviti III: Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Sri Gading & Batu Pahat 125
Aktiviti IV: Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan 127

BAHAGIAN 3 Hasil Dapatan

Hasil Dapatan Pertama : Inisiatif Semasa 128
Hasil Dapatan Kedua : Cadangan Penyelesaian Isu oleh Agensi 237

BAHAGIAN 4 Penutup

Penutup 163



BAHAGIAN 1 Pengenalan

Latar Belakang

Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) bertujuan untuk meningkatkan kapasiti kepimpinan dan pengetahuan agensi kerajaan mengenai SDG. Bengkel bagi Parlimen Sri Gading dan Parlimen Batu Pahat telah dilaksanakan secara serentak pada 21 Ogos 2025 (Khamis) bertempat di The Katerina Hotel, Batu Pahat.

Seramai 42 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan telah hadir. Bengkel ini turut mendapat sokongan penuh daripada Pejabat Ahli Parlimen Batu Pahat dan Sri Gading serta Pejabat Daerah Batu Pahat. Jadual di bawah merupakan senarai agensi-agensi yang telah hadir ke bengkel ini:

BIL	SENARAI AGENSI
1.	Angkatan Pertahanan Awam (APM) Malaysia Daerah Batu Pahat
2.	Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
3.	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
4.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar
5.	Jabatan Pertanian
6.	Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Pejabat Batu Pahat dan Pontian
7.	Jabatan Alam Sekitar (JAS)
8.	Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)
9.	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
10.	Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)
11.	Polis Diraja Malaysia (PDRM)
12.	Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat
13.	Pusat Khidmat Ahli Parlimen Sri Gading
14.	Pejabat Ahli Parlimen Batu Pahat
15.	Pejabat Daerah Batu Pahat
16.	Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN Nasional)
17.	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
18.	Institut Latihan Perindustrian (ADTEC) Kampus Batu Pahat
19.	Institut Pertanian Ayer Hitam



Program ini telah dikendalikan oleh 8 orang fasilitator daripada APPGM-SDG iaitu:



Dr Teo Lee ken
Ketua Penyelidik
Parlimen Sri Gading



Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
Ketua Penyelidik
Parlimen Batu Pahat



Siti Shafina Sanusi
Pegawai
Pembangunan Kapasiti



Nurmaisarah Mohd Asri
Pegawai
Pembangunan Kapasiti



Suhairlie Ab Razak
Penyelaras Tempatan
Parlimen Mersing



Muhamad Noor Aiman Bani
Penyelaras Tempatan
Parlimen Tanjung Piai



Khairiah Mohd Yatim
Penyelaras Tempatan
Parlimen Pontian



Khairul Anwar Azmi
Penyelaras Tempatan
Parlimen Masjid Tanah

Objektif

Objektif utama bengkel ini adalah:

- **Meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG):** Bengkel ini bertujuan untuk memberikan pendidikan kepada peserta mengenai 17 SDG, kepentingannya di peringkat tempatan, serta kesannya terhadap kelestarian sosial, ekonomi, dan alam sekitar.

- **Menggalakkan kerjasama antara agensi dalam menangani cabaran pembangunan dan isu komuniti di peringkat tempatan**: Pengukuhan kerjasama antara-agensi dapat memanfaatkan sumber secara lebih cekap, meningkatkan keupayaan menyelesaikan masalah, serta mewujudkan penyelesaian holistik yang sesuai dengan keperluan masyarakat setempat.

- **Mengenal pasti dan menggalakkan penglibatan agensi berautoriti serta pemimpin tempatan untuk menerajui pelaksanaan SDG di peringkat akar umbi**: Mengenal pasti dan memperkasakan pemimpin tempatan, pegawai kerajaan daerah, dan wakil komuniti yang berpotensi menjadi penggerak utama SDG, memberi inspirasi kepada orang lain, serta mendorong kesan jangka panjang dalam komuniti mereka.

- **Mengintegrasikan prinsip SDG dalam proses kerja harian, tadbir urus, dan rangka dasar** : Selain meningkatkan kesedaran dan perancangan, mengamalkan prinsip SDG dalam pembuatan keputusan harian dapat memastikan kelestarian kekal sebagai keutamaan dalam pentadbiran dan pembangunan. Ini melibatkan penyelarasan dasar, prosedur kerja, dan perancangan strategik dengan sasaran SDG, sekaligus membawa kepada perubahan institusi yang dapat meningkatkan kecekapan tadbir urus, pembangunan komuniti, dan pengurusan alam sekitar secara berterusan.

Kesemua objektif ini secara kolektif menyumbang kepada membangunkan budaya kelestarian, memastikan bahawa SDG bukan sahaja difahami tetapi dilaksanakan secara aktif pada semua peringkat tadbir urus dan penglibatan komuniti.

Kaedah Pelaksanaan

Berikut merupakan kaedah penyampaian yang telah digunakan sepanjang program berlangsung:

- Syarahan interaktif
- Perkongsian pengalaman
- Aktiviti dan permainan interaktif
- Perbincangan dalam kumpulan
- Pembentangan kumpulan

Ringkasan Aktiviti yang Telah Dijalankan

Bengkel yang telah dijalankan ini merangkumi empat (4) aktiviti utama yang berikut;

- **Aktiviti I** : Sesi pengenalan *'ice-breaking'*
- **Aktiviti II** : Pendedahan Mengenai SDG
- **Aktiviti III** : Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Batu Pahat & Sri Gading
- **Aktiviti IV** : Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan

BAHAGIAN 2: Aktiviti Bengkel

Aktiviti I : Sesi Pengenalan *(Ice-Breaking)*

Program telah dimulakan dengan sesi pengenalan (*ice breaking*) melalui permainan BINGO. Sesi ini bertujuan untuk memberi peluang kepada peserta saling berinteraksi agar mereka dapat mengenali antara satu sama lain dengan lebih dekat. Di samping itu, para peserta turut memperkenalkan nama, agensi dan perkongsian menarik mengenai diri mereka.



















Aktiviti II : Pendedahan Mengenai SDG

Selepas sesi *ice-breaking,* program diteruskan dengan pengenalan Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (APPGM-SDG) dan penjelasan yang lebih terperinci mengenai 17 Matlamat Pembangunan Mampan. Sesi ini menghuraikan dengan lebih mendalam peranan penting SDG dalam pembangunan mampan serta bagaimana agensi-agensi boleh memainkan peranan aktif dalam mencapai sasaran tersebut. Para peserta turut didedahkan dengan langkah-langkah praktikal yang boleh diambil oleh agensi untuk menyelaraskan operasi dan program mereka dengan prinsip-prinsip SDG.
















PEOPLE













Aktiviti III : Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Batu Pahat & Sri Gading

Pengisian aktiviti bagi sesi seterusnya adalah perbincangan antara-agensi dalam mencari penyelesaian isu setempat. Pembentangan isu-isu yang diperolehi hasil daripada lawatan pemetaan isu telah disampaikan oleh Dr Teo Lee ken, Ketua PenyelidikParlimen Sri Gading dan Dr Wan Suzita Wan Ibrahim, Ketua Penyelidik Parlimen Batu Pahat. Isu yang telah dipilih untuk diberi perhatian dan dibincangkan adalah seperti berikut;

Kumpulan 1 (Sri Gading)

Fenomena Banjir






Kumpulan 2 (Sri Gading)

Pengurusan Kompleks Niaga Parit Raja yang Tidak Teratur





Kumpulan 1 (Batu Pahat)

Cabaran dan Penambahbaikan dalam Proses Pendidikan di Sekolah





Kumpulan 2 (Batu Pahat)

Peningkatan Kos Pertanian dan Penternakan





Perbincangan mengenai Pemetaan SDG oleh para peserta yang mana masing-masing saling membincangkan isu, cabaran, penyelesaian kepada cabaran serta agensi-agensi yang berkaitan dalam menyelesaikan isu-isu yang dikenal pasti.

Aktiviti IV : Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan

Kumpulan Sokongan Penyampaian dan Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan merupakan satu inisiatif kolaboratif yang melibatkan kakitangan agensi kerajaan di peringkat negeri dan daerah di dalam sesebuah kawasan Parlimen bersama kumpulan pemimpin setempat dan ahli komuniti.

Kumpulan ini ditubuhkan dengan tujuan untuk memastikan pelaksanaan SDG dilaksanakan secara menyeluruh dan inklusif sehingga ke peringkat akar umbi. Ini bagi memastikan tiada individu atau kelompok masyarakat yang terpinggir atau ketinggalan dalam proses pembangunan yang dilaksanakan.

Sebagai simbolik komitmen dan sokongan terhadap penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan, bacaan ikrar telah diadakan oleh wakil-wakil agensi kerajaan yang hadir.



Bacaan ikrar Kumpulan Sokongan Penyampaian dan Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan Parlimen oleh wakil-wakil agensi yang hadir. Bacaan ikrar ini telah dipimpin oleh YDH ASP Maimunah binti Sujak, Ketua Polis Balai Baru Pahat.

BAHAGIAN 3: Hasil Dapatan

Hasil Dapatan Pertama : Inisiatif Semasa

Berdasarkan aktiviti Pemetaan SDG yang telah dijalankan, beberapa inisiatif semasa telah dikenal pasti sebagai contoh kejayaan dalam mengaplikasikan prinsip SDG di peringkat Parlimen Batu Pahat dan Sri Gading. Pengenalpastian ini dilakukan melalui sesi perbincangan yang konstruktif, perkongsian maklumat yang menyeluruh serta refleksi mendalam daripada para peserta yang terlibat.

Inisiatif semasa yang dikenal pasti merupakan hasil dapatan daripada sesi perkongsian pihak agensi yang hadir, di mana mereka membentangkan tindakan serta program sedia ada yang telah dan sedang dilaksanakan dalam skop tugas harian masing-masing. Hasil dapatan ini telah disusun mengikut 5 tonggak utama SDG (*5 Pillars*) dan matlamat SDG utama bagi setiap program agensi. Rajah di bawah menunjukkan 5 tonggak utama SDG:



Hasil perbincangan bersama wakil-wakil agensi yang telah hadir, berikut merupakan senarai program-program yang dilaksanakan oleh agensi yang berkaitan di Parlimen Batu Pahat dan Parlimen Sri Gading berdasarkan 17 matlamat SDG.

P1-People / Kemanusiaan



MEMASTIKAN PENDIDIKAN BERKUALITI SECARA MENYELURUH DAN SAKSAMA SERTA MENGGALAKKAN PELUANG PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT UNTUK SEMUA

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Jabatan Kemajuan Orang Asli	• **Skim Bantuan Galakan Pendidikan (SBGP)** Pihak JAKOA menawarkan beberapa skim bantuan galakan pendidikan bagi menarik minat anak-anak Orang Asli untuk mendapatkan pendidikan seperti - Pengangkutan percuma (bertujuan untuk memudahkan pergerakan murid Orang Asli yang tinggal jauh di kawasan pedalaman ke sekolah) - Bantuan yuran pelbagai dan yuran asrama (bertujuan untuk meringankan beban ibu bapa yang bekerja) - Bantuan wang saku (bertujuan untuk memberi sokongan dalam ekonomi keluarga dari segi bantuan kewangan dan pendidikan anak-anak) - Bantuan pakaian seragam (bertujuan untuk menyuntik semangat anak-anak untuk terus ke sekolah)
2.	Institut Pertanian Ayer Hitam (IPAH)	• **Program Sijil Pertanian** IPAH menyediakan latihan dalam bidang pertanian dan menawarkan Sijil Pertanian dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) kepada individu yang berminat untuk menceburi bidang pertanian. Dianggarkan IPAH menerima seramai 175 orang graduan bagi setiap sesi pengambilan. Tahun ini, seramai 150 orang mendaftar untuk sijil pertanian dan 25 orang mendaftar untuk SKM Tahap 3.

<table>
<tr><th>BIL</th><th>AGENSI</th><th>PROGRAM/TINDAKAN</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>Selain itu, IPAH turut menerima kunjungan daripada pelajar-pelajar yang berminat untuk mengetahui dengan lebih lanjut aktiviti ditawarkan di IPAH. Sebagai contoh, September lalu, seramai 38 pelajar PVMA SMK Kompleks Mengabang Telipot, Kuala Nerus, Terengganu bersama 4 orang guru pengiring telah berpeluang mengikuti lawatan sambil belajar ke Institut Pertanian Ayer Hitam (IPAH), Johor. Lawatan ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar mengenai program yang ditawarkan di IPAH di samping meninjau sendiri kemudahan latihan yang disediakan.

Salah satu taklimat yang dijalankan bersama pelajar PVMA SMK Kompleks Mengabang Telipot ketika lawatan dijalankan.
Sumber: Facebook IPAH - Institut Pertanian Ayer Hitam</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)</td><td>• Kursus Strategi Pemasaran Berkesan
Kursus ini dijalankan bagi memastikan usahawan mendapat strategi terbaik untuk pemasaran secara dalam (online) dan luar talian (offline). Seramai 50 orang usahawan Industri Asas Tani (IAT) telah menerima manfaat daripada program ini.

• Kursus Amalan Pertanian Baik
Kursus ini dijalankan bagi memastikan petani memahami dengan baik konsep amalan pertanian baik dan pemasaran selepas musim penuaian. Seramai 50 orang petani daripada program Ladang Kontrak telah mengambil peluang menyertai kursus ini.</td></tr>
</table>



MENCAPAI KESAKSAMAAN GENDER DAN MEMPERKASA SEMUA GOLONGAN WANITA

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Pejabat Daerah Batu Pahat	• **Bantuan Binaan Rumah Baru** Inisiatif Bantuan Binaan Rumah Baru oleh Pejabat Daerah Batu Pahat mempunyai tiga matlamat sosial yang utama. Pertama, dari aspek perlindungan, program ini menyasarkan untuk mencegah masalah gelandangan dalam kalangan wanita rentan (janda, ibu tunggal, balu) yang kehilangan sumber pendapatan dan tempat bergantung. Kedua, daripada aspek pemberdayaan, bantuan ini bertujuan menyediakan keperluan asas perumahan yang stabil agar mereka dapat berdikari dan tidak terpaksa mengharapkan bantuan waris secara mutlak. Ketiga, dari aspek kesaksamaan, program ini adalah komitmen praktikal untuk memastikan golongan wanita mendapat hak yang sama rata dalam memiliki tempat tinggal yang selamat dan selesa.

P2-Prosperity / Kemakmuran



MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN EKONOMI YANG MAMPAN, MENYELURUH DAN MAMPAN, GUNA TENAGA PENUH DAN PRODUKTIF SERTA PEKERJAAN YANG BAIK UNTUK SEMUA

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Pejabat Pendidikan Daerah	• **Pendedahan mengenai Pendidikan TVET** Pendedahan ini diberikan kepada pelajar- pelajar sekolah menengah mengenai peluang pendidikan dan pekerjaan berkait *Technical and Vocational Education and Training (TVET).* Program ini turut dijalankan dengan kerjasama universiti-universiti tempatan seperti Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Sebagai contoh, sebuah Program Explore TVET: Kembara 4K telah dijalankan di SMK

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		Seri Medan dengan kerjasama pihak UTHM Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional.  *Sumber: Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat*
2.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	• **Kursus Asas Penternakan** Kursus ini dijalankan bagi menggalakkan golongan belia untuk menceburi bidang penternakan dengan mendedahkan ilmu penternakan yang betul. Sebagai contoh, Kursus Industri & Kesihatan serta Sidang Ternak Siri 1/2025 telah diadakan pada 15 Julai 2025 di TKPM Bukit Geriba, Ayer Hitam. Kursus ini bertujuan menggalakkan penyertaan golongan belia dalam bidang penternakan dengan mendedahkan mereka kepada ilmu penternakan yang betul dan terkini. Selain itu, program ini turut membuka ruang kepada penternak sedia ada di Daerah Batu Pahat untuk menimba ilmu secara langsung daripada pakar industri ternakan dan veterinar. Meliputi aspek kesihatan haiwan, pengurusan ladang, serta strategi industri, setiap sesi direka khusus untuk menangani cabaran praktikal yang dihadapi di lapangan.
3.	TEKUN Nasional	• **Kursus dan Bimbingan Keusahawanan** Pihak TEKUN menyediakan kursus dan latihan keusahawanan kepada untuk peniaga dan usahawan kecil. Sebagai contoh, pada Januari 2024, satu Latihan Keusahawanan TEKUN bagi Seminar Asas Keusahawanan (SAK) Johor Siri 2 2024 (Batu Pahat) telah dijalankan melibatkan cawangan

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		Kluang, Ayer Hitam, Batu Pahat dan Simpang Renggam. Usahawan telah didedahkan dengan keusahawanan digital yang merujuk kepada penggunaan teknologi digital dan internet dalam membangunkan, mengurus dan mengembangkan perniagaan serta memanfaatkan platform online untuk mempromosikan produk atau perkhidmatan.  Latihan keusahawanan yang telah dijalankan pada Januari 2024 di Hotel Katerina, Batu Pahat *Sumber: Tekunedupreneur*

MEMBANGUNKAN INFRASTRUKTUR BERDAYA TAHAN, MENGGALAKKAN PERINDUSTRIAN MENYELURUH DAN MAMPAN SERTA MERANGSANG INOVASI

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Pejabat Daerah Batu Pahat	• **Pembinaan Jalan Penghubung Desa** Projek pembinaan jalan penghubung desa ini menyambungkan Kampung Talang Bunut dan Kampung Sungai Rambot. Panjang jalan ini adalah 800 meter dengan kelebaran sebanyak 4 meter. Jalan ini dibina untuk memberi kemudahan kepada orang kampung untuk menjalankan aktiviti seharian. Dalam masa yang sama, kesesakan jalan utama dapat dielakkan apabila wujudnya jalan ini sebagai jalan alternatif untuk kegunaan penduduk.

P4-Peace / Keamanan



MENGGALAKKAN PEMBENTUKAN MASYARAKAT YANG AMAN DAN MENYELURUH UNTUK PEMBANGUNAN MAMPAN, MENYEDIAKAN AKSES KEPADA KEADILAN UNTUK SEMUA DAN MEMBINA INSTITUSI YANG BERKESAN, BERTANGGUNGJAWAB DAN MENYELURUH PADA SEMUA PERINGKAT

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Polis Diraja Malaysia (PDRM)	• **Penangkapan Jenayah Pecah Rumah** Sebuah kes pecah rumah berjaya diselesaikan dengan pantas oleh pihak polis dalam masa 24 jam. Kes telah berlaku pada bulan Jun 2025 yang lalu di masa seorang lelaki tempatan berumur 56 tahun mendapati rumahnya di Taman Soga Sutera, Batu Pahat telah dipecah masuk. Barang berharga dan sebuah kereta milik mangsa yang diparkir di hadapan rumah telah dilarikan. Jumlah kerugian dianggarkan lebih kurang RM65,000. Pada hari yang sama, pihak polis telah berjaya menahan dua lelaki tempatan berumur 50 dan 36 tahun di kawasan Peserai, Batu Pahat dan kemudiannya di Bandar Hilir, Melaka. Pihak polis berjaya menjumpai semula barangan curi dan kereta milik mangsa serta pakaian, peralatan dan sebuah kereta curi yang dipercayai digunakan dalam kejadian. Hasil semakan mendapati suspek berumur 50 tahun mempunyai 29 rekod jenayah dan dadah manakala suspek berumur 36 tahun pula mempunyai 30 rekod lampau.

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		 Pihak polis menunjukkan barangan yang dicuri pada sidang akhbar di IPD Batu Pahat *Sumber: Sinar Harian*

MEMPERKUKUH KAEDAH PELAKSANAAN DAN MENGGIATKAN SEMULA PERKONGSIAN GLOBAL UNTUK PEMBANGUNAN MAMPAN

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Angkatan Pertahanan Awam (APM)	• **Pemindahan Mangsa Banjir** Angkatan Pertahanan Awam (APM) telah bekerjasama rapat dengan pelbagai agensi seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta penghulu dan ketua kampung untuk mengeluarkan penduduk-penduduk yang terjejas banjir ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS). Sebagai contoh, pada Julai 2025, satu kejadian banjir kilat berpunca daripada ban pecah telah melanda Kampung Parit Berong Laut. Seramai 12 keluarga (37 orang penduduk) berjaya dipindahkan dengan selamat ke Pusat Transit Sementara.

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		 Ban pecah di Kampung Parit Berong Laut susulan kejadian ribut dan banjir besar *Sumber: Facebook Rasmi JPS Daerah Batu Pahat*

Nota

** Tindakan yang dinyatakan hanya sebahagian kecil sahaja daripada program-program yang dijalankan oleh agensi yang terlibat.*

** Terdapat beberapa SDG yang tidak mempunyai program pelaksanaan kerana agensi yang berkaitan tidak dapat hadir dan/atau tiada penerangan yang lebih terperinci tentang tindakan yang sedang dilaksanakan*

Hasil Dapatan Kedua : Cadangan Penyelesaian Isu oleh Agensi

Beberapa isu telah dipilih untuk dibincangkan hasil daripada aktiviti pemetaan isu yang telah dijalankan. Memandangkan isu yang dibangkitkan adalah isu semasa yang sedang dalam tindakan, pihak agensi telah mencadangkan cadangan penyelesaian sedia ada serta cadangan baru yang perlu di beri perhatian. Isu yang telah dibincangkan adalah seperti berikut:

BIL.	ISU	KOMUNITI SASARAN
	SRI GADING	
1.	**Fenomena Banjir** ● Pengaliran air dalam saliran parit amat perlahan. Aliran mudah tersekat akibat bentuk muka bumi yang tidak sekata serta banyaknya tumbuhan yang tumbuh di dalam parit seperti bunga teratai.	● Komuniti Ibu Tunggal ● Parit Yaani, Parit Raja
2.	**Pengurusan Kompleks Niaga Parit Raja yang tidak teratur** ● Kemudahan yang tidak lengkap dan terbaru menyebabkan pelanggan tidak selesa dan tidak tertarik untuk datang. ● Penyewa asal menyewakan premis kepada orang luar. Ini berlaku tanpa kebenaran pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat. ● Terdapat keadaan di mana MPBP telah beri kelulusan kepada individu untuk menyewa premis dan kedai. Tetapi premis dibiarkan tutup dan digunakan untuk tujuan lain contohnya menjadi gudang.	● Komuniti Peniaga ● Parit Raja
	BATU PAHAT	
1.	**Cabaran dan penambahbaikan dalam proses pendidikan di sekolah** ● Terdapat laporan bahawa wujud kes ponteng sekolah dalam kalangan remaja sekolah. Bagi pelajar-pelajar yang bermasalah, perhatian yang lebih perlu diberikan dan sokongan diperlukan daripada guru-guru sekolah. ● Anak-anak yang bersekolah memerlukan motivasi yang kerap dan lebih daripada ibu	● Komuniti Orang Asli, Kg Desa Sri Banang, Minyak Beku ● Komuniti Ibu tunggal ● Komuniti Cina, Jalan Silat, Taman Maju, Jaya, Rengit

BIL.	ISU	KOMUNITI SASARAN
	bapa. Ini untuk membuatkan anak-anak mempunyai minat dan fokus. ● Terdapat laporan bahawa anak-anak Orang Asli tidak hadir ke sekolah. Ini berpunca daripada faktor-faktor seperti tiada minat mungkin disebabkan ketidaksesuaian silibus, tiada dorongan yang baik, dan juga pengaruh daripada pihak-pihak luar seperti ahli keluarga dan rakan lain. ● Aktiviti-aktiviti anti-sosial yang lain seperti *vaping*, menggunakan bahan terlarang seperti dadah dan ketum juga mempengaruhi minat dan kehadiran pelajar-pelajar ke sekolah.	● Persatuan/kelab Belia Parit Tengah
2.	**Peningkatan kos pertanian dan penternakan** ● Kos sara hidup tinggi menyebabkan kos penternakan dan pertanian yang semakin meningkat. ● Kenaikan harga bahan mentah yang mendadak telah membebankan penternak seperti jagung, soya, dan dedak. ● Menjejaskan/mengurangkan sumber pendapatan komuniti setempat ● Kesukaran untuk mendapatkan baka lembu yang baik. ● Promosi dan pemasaran ternakan yang terhad ● Kesukaran untuk memasarkan hasil tanaman kerana hasil pertanian mereka adalah secara kecil-kecilan bukan komersial tiada kemahiran dalam keusahawanan walaupun mempunyai produk pertanian yang berkualiti baik.	● Persatuan/Kelab Belia Parit Tengah ● Penternak & Petani TL 50, Jalan Kampung Sungai Jambi (Rengit)





Dr Teo Lee Ken dan Dr Wan Suzita masing-masing membentangkan isu yang telah diutamakan untuk dibincangkan bagi Parlimen Sri Gading dan Batu Pahat




- **PARLIMEN BATU PAHAT**

- **PARLIMEN SRI GADING**



Perbincangan penyelesaian isi ini telah dijalankan berdasarkan kerangka dibawah:



Kumpulan 1 (Sri Gading)
Isu: Fenomena Banjir

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
1	**Mengawal Pembangunan di Sri Gading** Dengan mengawal dan menilai semula pembangunan perumahan dan komersial baru, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dapat mencegah penambahan beban air larian permukaan yang sudah pun kritikal di kawasan yang mempunyai bentuk muka bumi rendah dan sistem saliran semula jadi yang lemah.	**Konflik Kepentingan dan Tekanan Pembangunan** menghadapi cabaran untuk mengawal pembangunan baru akibat tekanan daripada pelbagai pihak berkepentingan seperti pemaju, ahli politik dan penduduk serta tekanan untuk memajukan dan meningkatkan ekonomi setempat. Daripada pihak pemaju, proses kawalan alam sekitar yang ketat mungkin dilihat sebagai halangan birokrasi yang meningkatkan kos dan masa. Hal ini dipengaruhi oleh sasaran untuk melaksanakan projek dengan cepat dan efisien.	**Memperkukuh dan Menguatkuasakan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) serta Keperluan Simulasi** Penyelesaian kepada cabaran konflik kepentingan adalah dengan menjadikan penilaian impak alam sekitar dan simulasi kawalan air sebagai **prasyarat wajib dan tidak boleh dikecualikan** bagi semua permohonan pembangunan. Proses EIA yang telus berfungsi sebagai alat pengimbang yang mana menukar perbincangan daripada bersifat	• Jabatan Kerja Raya • Pihak Berkuasa Tempatan • Jabatan Pengairan dan Saliran • Pejabat Daerah dan Tanah Batu Pahat

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
		Selain itu, terdapat tekanan daripada **ahli politik** yang perlu menyeimbangkan antara memenuhi aspirasi pembangunan serta pertumbuhan ekonomi setempat (seperti yang termaktub dalam rancangan tempatan) dengan tanggungjawab menjaga keselamatan dan kesejahteraan jangka panjang pengundi. Tidak dilupakan, terdapat tuntutan daripada **penduduk** yang menginginkan kawasan kediaman yang selamat daripada bencana banjir, namun pada masa yang sama mungkin juga mahukan kemudahan dan peluang ekonomi yang dibawa oleh pembangunan baru.	subjektif dan berasaskan tekanan, kepada perbincangan berasaskan data saintifik tentang risiko dan mitigasi. Dengan menganalisis dokumen dan laporan EIA yang komprehensif, PBT dan semua pihak berkepentingan dapat mengenal pasti dengan jelas sama ada sesuatu projek akan membawa lebih banyak kesan positif atau negatif kepada sistem hidrologi kawasan seperti masalah sedimentasi, hakisan tanah atau beban kepada sistem perparitan sedia ada.	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
2	**Menambah Jumlah Pam Air Keluar di Kawasan Berpotensi Banjir** Penyelesaian ini adalah bersifat jangka pendek bagi menyegerakan proses pengeluaran air dari kawasan yang terkena banjir.	**Kos yang Tinggi** Pemasangan dan operasi pam air melibatkan kos yang besar. Ini termasuk kos sewa pam, minyak untuk penyelenggaraan dan kos pekerja (gaji dan kerja lebih masa).	**Menambah peruntukkan tetap untuk pam dan penyelenggaraan** Dana tahunan yang khusus dan mencukupi adalah penting untuk penyelenggaraan berkala dan penggantian komponen. Malah, penyediaan dua unit pam di setiap lokasi untuk penggunaan secara bergilir dapat memanjangkan jangka hayat peralatan dan memastikan sentiasa ada pam sandaran yang beroperasi dengan baik.	• Angkatan Pertahanan Awam Malaysia • Jabatan Pengairan dan Saliran • Jabatan Kerja Raya • Pihak Berkuasa Tempatan • Pejabat Daerah dan Tanah Batu Pahat • Pegawai Tadbir dan Diplomatik
		Kerosakan Peralatan Pam banjir bersaiz besar dan mudah rosak terutamanya jika terpaksa beroperasi berterusan (contohnya selama 30 jam). Masa	**Memasang pam hidraulik kekal di lokasi berisiko** Dengan memasang pam hidraulik kekal di lokasi berisiko, kos	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
		yang diambil untuk membaiki atau menggantikan pam yang telah rosak adalah lama dan ini akan menyebabkan kawasan yang dinaiki air akan mengalami banjir.	pengangkutan dan risiko kerosakan semasa pemindahan dapat dikurangkan.	
		Air yang Dipam Mengalir Semula ke Kawasan yang Sama Hal ini disebabkan oleh permukaan muka bumi Batu Pahat yang rendah (diibaratkan seperti kuali) menyebabkan air yang dipam berisiko untuk mengalir semula (berpatah balik) ke kawasan asal. Tambahan itu, sambungan pam yang pendek turut menyumbang kepada permasalahan ini. Hal ini menyebabkan keberkesanan operasi semakin berkurang. Oleh itu, pam air memerlukan sambungan pam yang panjang terus ke laut.	**Rancangan Tebatan Banjir (RTB)** Untuk penyelesaian jangka panjang, RTB yang sedang dilaksanakan oleh JPS perlu disokong. Ini termasuk projek kejuruteraan sungai (seperti penstabilan tebing), peningkatan kapasiti saliran dan pembangunan infrastruktur pengaliran terus ke laut seperti konsep *Smart Tunnel.* Terowong pengurusan air hujan (*stormwater*	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
			tunnel) yang membawa air banjir terus ke laut merupakan penyelesaian muktamad yang dapat mengatasi masalah topografi rendah secara kekal, mengurangkan pergantungan kepada pam dan menyediakan sistem saliran bandar yang lebih pintar dan berdaya tahan.	

Kumpulan 2 (Sri Gading)
Isu: Pengurusan Kompleks Niaga Parit Raja yang tidak teratur

BIl	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
PENINGKATAN TARAF & PEMULIHAN KOMPLEKS NIAGA PARIT RAJA				
1	**Naik Taraf Infrastruktur** Menaik taraf Kompleks Niaga Parit Raja untuk menjadikannya lebih	**Peruntukan Kewangan Kekurangan** peruntukan kewangan adalah cabaran utama	**Memohon Peruntukan Khas** Memohon peruntukan kewangan daripada Kementerian	• Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan • Tabung Ekonomi

BIl	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	menarik, dan terjaga tanpa perlu membina kompleks baharu.	untuk melaksanakan kerja-kerja naik taraf dan penyelenggaraan.	Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) atau agensi berkaitan.	Kumpulan Usaha Niaga • Pejabat Daerah dan Tanah Batu Pahat • Majlis Perbandaran Batu Pahat • Pejabat Ahli Parlimen (Kawasan Batu Pahat/Sri Gading)
2	**Pemutihan Premis dan Perniagaan** Mengambil tindakan terhadap premis-premis kedai yang kosong atau tidak berdaftar membersihkan dan mengaktifkan semula ruang perniagaan.	**Penguatkuasaan Pemutihan Premis** Kesukaran daripada segi penguatkuasaan untuk mengosongkan atau mengambil tindakan terhadap premis yang diduduki tanpa kebenaran atau pemilik yang tidak diketahui.	**Kerjasama Penguatkuasaan Pihak Berkuasa** Meningkatkan kerjasama dengan pihak berkuasa seperti Majlis Perbandaran dan Pejabat Daerah untuk menguatkuasakan pemutihan premis secara lebih berkesan.	
3	**Penyelenggaraan Berkala** Melaksanakan penyelenggaraan dan penjagaan yang berterusan untuk mengekalkan keadaan dan kebersihan kompleks.	**Promosi dan Daya Tarikan** Cabaran untuk mempromosi dan menarik pengunjung serta peniaga kembali ke kompleks tersebut untuk menghidupkan semula suasana seperti zaman kegemilangannya dahulu.	**Program Promosi dan *Rebranding*** Mengadakan kempen atau program promosi di peringkat daerah atau parlimen dan menjalankan aktiviti *rebranding* untuk mencipta imej baharu yang lebih menarik.	

BIl	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
			Melibatkan institusi seperti UTHM (dari segi latihan keusahawanan) dan TEKUN (dari segi pembiayaan) untuk menyokong para peniaga.	
PENSTRUKTURAN SEMULA KOMPLEKS NIAGA PARIT RAJA DAN PASAR LAMBAK				
1	**Perbincangan Pengurusan Parkir** Berbincang dengan Majlis Perbandaran untuk menambah baik dan memperluas ruang meletak kenderaan di sekitar Dewan Serbaguna Pekan Raja bagi mengatasi masalah parkir haram di tepi jalan dan depan kedai	**Masalah Budaya dan Pematuhan** Cabaran untuk mengubah budaya masyarakat dan peniaga yang selesa meletak kenderaan di tempat terlarang serta mematuhi peraturan susun atur baharu.	***Rebranding* dan Penjenamaan Semula** Melaksanakan *rebranding* atau penjenamaan semula Pasar Lambak dengan identiti yang lebih tersusun, rapi dan menarik bagi membezakannya dengan pasar lain dan mencipta nilai baharu. Apabila nilai baru mula diperkenalkan, masyarakat akan bermula balik dengan undang-undang baru.	• Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga • Pejabat Daerah dan Tanah Batu Pahat • Majlis Perbandaran Batu Pahat • Pejabat Ahli Parlimen (Kawasan Batu Pahat/Sri Gading) • Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

BIl	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
2	**Penyusunan Susun Atur yang Sistematik** Menyusun semula susun atur gerai dan laluan pejalan kaki di Pasar Lambak untuk menjadikannya lebih teratur, selesa dan mudah dilalui.	**Kos Penyelenggaraan dan Penguatkuasaan** Keperluan kos yang berterusan untuk penyelenggaraan kemudahan (seperti khemah/kanopi) serta pengurusan pasar.	**Kerjasama Pelbagai Agensi** Bekerjasama dengan agensi seperti Majlis Perbandaran (daripada segi penguatkuasaan dan kebenaran), Pejabat Daerah (penyelarasan), TEKUN (pembiayaan) dan UTHM (bimbingan keusahawanan & teknopreneur) untuk pendekatan yang holistik.	
3	**Pemilihan Jenis Perniagaan yang Pelbagai** Mengawal dan mempelbagai-kan jenis perniagaan yang dibenarkan beroperasi untuk mengelakkan pertindihan yang melampau (contoh: terlalu banyak penjual yang menjual barang sama) dan meningkatkan daya tarikan pelbagai produk.	**Sambutan Masyarakat terhadap Perubahan** Ketidakpastian sambutan orang ramai terhadap perubahan yang dilakukan serta risiko jika perubahan tidak menarik minat orang ramai untuk datang.	**Promosi Melalui Media Sosial** Mempergiatkan promosi di platform media sosial (TikTok, Instagram, Facebook) untuk mempromosi Pasar Lambak kepada khalayak yang lebih luas.	

Kumpulan 2 (Sri Gading)
Isu: Pengurusan Kompleks Niaga Parit Raja yang tidak teratur

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
1	**Mewujudkan Pondok Polis di Desa Sri Banang**	**Kekangan Peruntukan** Kekurangan peruntukan kewangan untuk membina infrastruktur pondok polis yang lengkap serta menyediakan kemudahan asas. **Kekangan Sumber Manusia dan Logistik** Kekangan sumber manusia dan logistik melibatkan keperluan menambah anggota polis yang ditempatkan secara tetap atau berkala di pondok berkenaan, serta logistik seperti kenderaan peronda dan peralatan komunikasi.	**Permohonan rasmi** Langkah proaktif perlu diambil melalui permohonan rasmi yang menyeluruh dan berdata. Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) boleh memainkan peranan utama dengan mengemukakan permohonan bertulis kepada pihak berkuasa seperti Jabatan Kerja Raya, PDRM dan Pejabat Daerah, disertai dengan data sokongan yang kukuh. Data tersebut harus merangkumi statistik kes jenayah tempatan, laporan masalah sosial (seperti ponteng sekolah, aktiviti lepak malam dan	• Kementerian Dalam Negeri (KDN) • Kementerian Kewangan (MOF) • Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) • Pejabat Daerah dan Tanah Batu Pahat • Polis Diraja Malaysia • Jabatan Kemajuan Orang Asli

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
			penyalahgunaan dadah) serta justifikasi keperluan penambahan anggota polis untuk pemantauan berkala. Permohonan ini juga perlu menekankan aspek pencegahan dan pembangunan komuniti, bukannya sekadar penguatkuasaan.	
			Menjalinkan Kerjasama bersama Komuniti MPKK dan pihak polis boleh menjalin kerjasama awal dengan komuniti melalui program kesedaran, dialog bersama ibu bapa dan penubuhan 'Rakan Cop' sukarela dalam kalangan penduduk. Pendekatan ini dapat membina asas kerjasama komuniti yang diperlukan untuk memastikan kejayaan jangka panjang dalam	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
			membendung gejala ponteng sekolah dan penglibatan belia dalam aktiviti dadah di Desa Sri Banang.	
2	**Pemantauan ke rumah pelajar oleh Cikgu dan Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS).**	**Kekangan Bidang Kuasa** Guru dan pihak pentadbiran sekolah secara tradisinya mempunyai autoriti dan tanggungjawab yang terbatas di dalam lingkungan kawasan sekolah. Untuk melibatkan diri secara langsung di luar pagar sekolah, terutamanya ke dalam urusan kekeluargaan murid memerlukan kerangka peraturan dan mandat yang jelas serta kerjasama erat dengan pihak lain terutamanya Pejabat Pendidikan Daerah (PPD).	**Penglibatan bersama MPKK** MPKK, sebagai badan perwakilan tempatan, boleh bertindak sebagai perantara yang diterima komuniti untuk membuka pintu dan mewujudkan suasana percaya-mempercayai antara pihak PPS atau PPD dengan keluarga. Mereka juga boleh membantu dalam pemantaua susulan.	• Ahli Parlimen • Ahli Dewa Undangan Negeri • Pejabat Daerah da Tanah Bat Pahat • Polis Diraj Malaysia • Pejabat Pendidikan Daerah • Jabatan Kemajuan Orang Asli • Jabatan Kebajikan Masyarakat • Jabatan Kemajuan Masyarakat
		Kapasiti Sumber Manusia Pegawai PPS sedia ada mungkin menghadapi beban	**Motivasi dari ikon Orang Asli yang berjaya** Mengenal pasti dan melibatkan belia	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
		tugas yang tinggi dengan jumlah pelajar yang banyak dan kawasan geografi yang luas, menyebabkan lawatan ke rumah sukar dilaksanakan secara kerap dan menyeluruh.	Orang Asli yang berasal dari komuniti setempat atau yang mempunyai latar belakang yang sama untuk menjadi mentor atau penceramah motivasi. Pendekatan ini boleh mencipta kesan yang mendalam. Kehadiran '*role model*' ini dapat membina aspirasi dalam diri pelajar.	
3	**Mewujudkan Asrama Desa** Bertujuan untuk mengasingkan pelajar daripada persekitaran rumah yang mungkin kurang menyokong pembelajaran, sekaligus memberikan struktur hidup	**Kekangan Kewangan** Peruntukan kewangan yang besar dan berterusan diperlukan untuk membina infrastruktur asrama desa yang selesa dan selamat serta menyediakan peralatan dan bahan pengajaran yang mencukupi.	**Memanfaatkan infrastruktur sedia ada** Bagi isu asrama, penyelesaian segera boleh dilaksanakan dengan memanfaatkan infrastruktur sedia ada seperti Asrama Orang Asli di SK Benut, Pontian sebagai contoh asrama sementara.	• Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) • Pejabat Pendidikan Daerah • Pejabat Daerah dan Tanah Batu Pahat • Jabatan Kemajuan Orang Asli

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	yang lebih teratur, pemantauan rapi, dan akses kepada kemudahan pembelajaran yang lebih baik di bawah pengawasan pihak sekolah atau asrama.	**Lokasi yang Kurang Strategik** Cabaran pemilihan lokasi yang strategik, mudah diakses, diterima komuniti dan tidak terlalu jauh daripada penempatan asal untuk mengelakkan rasa terasing. Kebiasaannya, penempatan Orang Asli terletak di kawasan pedalaman yang jauh dari pekan membuatkan cadangan lokasi baru untuk pembinaan asrama mungkin berdepan isu kebolehcapaian.	Ini dapat menjimatkan kos dan masa pembinaan sambil mengkaji keberkesanan pendekatan tersebut.	• Jabatan Kebajikan Masyarakat • Jabatan Kemajuan Masyarakat • Institut Latihan Perindustrian (ADTEC) • Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga • Majlis Amanah Rakyat • Ahli Parlimen • Ahli Dewan Undangan Negeri
		Kerjasama daripada Ibu Bapa dan Penjaga Segelintir ibu bapa dan penjaga mungkin merasa keberatan untuk melepaskan anak-anak mereka ke asrama kerana meragui tahap keselamatan di asrama, tambah-		

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
		tambah lagi dengan pelbagai isu buli yang berlaku kebelakangan ini.		

Kumpulan 2 (Batu Pahat)
Isu: Peningkatan Kos Pertanian dan Penternakan

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
PENINGKATAN KOS				
1	**Menambah Pembekal** Menggalakkan lebih banyak pengeluar dan usahawan baharu untuk menyertai rantaian bekalan makanan ternakan. Ini bertujuan untuk mempelbagaikan sumber, meningkatkan daya saing dan mengurangkan harga melalui	**Keperluan Modal Yang Besar** Usaha menambah pembekal baharu dan melaksanakan penternakan mandiri memerlukan modal permulaan yang besar. Ini termasuk kos untuk tanah, peralatan (mekanisasi), benih, dan infrastruktur.	**Menyediakan Bantuan Kewangan dan Latihan** Menyediakan geran khas melalui agensi seperti Jabatan Pertanian untuk pengusaha yang terlibat dalam penyediaan sumber makanan ternakan. Kaedah geran termasuk geran terus (contoh: RM20,000/hektar) atau geran *reimbursement* dan perkongsian kos (contoh: skim 50:50	• Jabatan Pertanian • Jabatan Perkhidmatan Veterinar

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	bekalan yang lebih banyak.		untuk peralatan (mekanisasi) sehingga RM500,000).	
		Pembentukan Pasaran Yang Stabil Wujudnya ketidakpastian pasaran bagi produk makanan ternakan yang dihasilkan oleh pembekal baharu. Bagi penternak mandiri, cabaran terletak pada jaminan kualiti dan kuantiti hasil tanaman yang konsisten untuk keperluan ternakan mereka sendiri.	**Kerjasama Pelbagai Agensi** Pelaksanaan memerlukan kerjasama erat antara pelbagai pihak termasuk FAMA (pemasaran), Jabatan Pertanian & Veterinar (latihan & geran), Jabatan Tenaga Kerja & Imigresen (tenaga kerja), PBT, Pejabat Daerah, dan juga kerajaan negeri melalui program jualan khas (contoh: Jualan Kasih/Jualan Ekonomi).	
2	**Penternak mandiri** Menggalakkan penternak untuk menyediakan sendiri sumber makanan ternakan mereka. Ini melibatkan penternak	**Kekangan Kawasan dan Geografi di Peringkat Parlimen atau Kawasan Tempatan** Kebanyakan operasi penternakan, terutamanya yang berdekatan	**Program Latihan** Menawarkan latihan praktikal dan khidmat nasihat kepada pengusaha. Contoh latihan termasuk cara menanam rumput Napier, penghasilan silaj dan pemilihan jenis tanaman makanan ternakan yang sesuai.	● Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) ● Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	memperluas kawasan mereka bagi tujuan penanaman makanan ternakan seperti rumput Napier atau jagung untuk silaj, sekaligus mengurangkan pergantungan kepada pembekal luar dan mengawal kos input.	dengan kawasan bandar atau di kawasan tanah terhad, tidak mempunyai keluasan tanah yang mencukupi untuk menjalankan aktiviti penanaman makanan ternakan secara besar-besaran. Tanah yang sesuai untuk pertanian mungkin terhad, bersaing dengan keperluan pembangunan lain.	Latihan ditawarkan oleh institusi seperti Institut Pertanian Air Hitam (IPAH) dan Institut Haiwan, dalam bentuk kursus jangka pendek (3 hari) atau program sijil (2 tahun).	● Pejabat Daerah dan Tanah ● Persatuan Peladang Kawasan (PPK) ● Institut Pertanian Ayer Hitam (IPAH) ● Pusat Pertanian Ayer Hitam (PPAH)
		Peralatan (kos) Cabaran dari segi kos dan peralatan yang diperlukan untuk menyediakan makanan ternakan	**Pemantauan & khidmat nasihat (agensi berkaitan)** Agensi-agensi yang memberi bantuan (seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Haiwan) perlu melakukan pemantauan dan memberikan khidmat nasihat yang berterusan kepada	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
			penerima geran atau insentif. Ini bagi memastikan peralatan digunakan dengan betul, tanaman berjaya, dan sebarang masalah teknikal dapat diselesaikan. IPAH (Institut Pertanian Ayer Hitam) ● Menyediakan latihan berstruktur di Institut Pertanian Ayer Hitam. ● Menawarkan Sijil Pertanian (2 tahun) dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 bagi latihan berkaitan pertanian. ● Di Institut Veterinar Kluang, turut disediakan latihan dan kursus selama 2 tahun khusus untuk bidang penternakan.	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
			PPAH (Pusat Pertanian Ayer Hitam) ● Menawarkan latihan serta kursus jangka pendek berkaitan pertanian. ● Kursus merangkumi aspek penanaman secara kendiri serta industri, termasuk pemprosesan bahan mentah seperti buah-buahan kepada produk hiliran.	
KESUKARAN PASARAN HASIL TERNAKAN				
1	**Mewujudkan dan memperkukuhkan Pusat Pengumpulan Ladang (PPL)** Mewujudkan atau memperkasa-kan Pusat Pengumpulan Ladang, seperti PKP di Bukit Batu, Senggarang.	**Keperluan Modal yang Besar** Untuk berfungsi sebagai hab yang cekap, sebuah PPL atau PKP moden memerlukan infrastruktur seperti sistem penyimpanan bersuhu terkawal (*cold storage*), peralatan untuk	**Menyediakan Geran Berstruktur** Memperuntukkan geran khusus untuk pembangunan PKP (Pusat Pengumpulan & Pengedaran) yang berstruktur, meliputi kos teknologi dan pembinaan. Dalam masa yang sama, agensi-agensi yang memberi bantuan (seperti	● Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	Pusat ini dioperasikan oleh petani (operator) yang berperanan mengumpulkan hasil pertanian berskala kecil dan bukan komersial daripada pelbagai pengusaha. Hasil yang dikumpul kemudian dipasarkan secara kolektif, contohnya ke Pasar Tani atau kepada usahawan pemproses (cth., pembuat kerepek) untuk pengeluaran pukal.	pemprosesan asas (seperti pembersihan, penggredan dan pembungkusan), sistem pengurusan inventori digital dan kemudahan logistik. Pelaburan awal untuk teknologi ini adalah sangat tinggi. Selain itu, kos penyelenggaraan dan operasi harian yang melibatkan penggunaan tenaga dan kepakaran teknikal turut perlu diambil kira. Tanpa teknologi ini, kemampuan pusat pengumpulan untuk mengekalkan kualiti produk, mengurangkan pembaziran, memproses dalam jumlah	Jabatan Pertanian, Jabatan Veterinar) perlu melakukan pemantauan dan memberikan khidmat nasihat yang berterusan kepada penerima geran atau insentif. Ini bagi memastikan peralatan yang diberikan digunakan dengan betul, tanaman berjaya dituai dan sebarang masalah teknikal dapat diselesaikan dengan berkesan.	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
		besar dan memenuhi piawaian pasaran komersial adalah terhad.		
2	**Memperkasa Pasar Tani Sedia Ada** Mempergiatkan platform Pasar Tani yang sedia ada (7 lokasi di Batu Pahat) sebagai saluran jualan langsung "dari ladang ke pasar". Pasar Tani berfungsi sebagai medium utama untuk petani kecil menjual hasil mereka secara terus kepada pengguna tanpa orang tengah.	**Kekurangan Tenaga Kerja Tempatan** Majoriti penyertaan dan operasi harian Pasar Tani kini banyak bergantung kepada warga asing atau ahli keluarga terdekat petani dan penternak. Minat generasi muda dan usahawan tempatan untuk menceburi perniagaan di Pasar Tani semakin berkurang. Hal ini mungkin disebabkan oleh persepsi bahawa berniaga di Pasar Tani kurang glamor, memerlukan komitmen masa	**Pengambilan tenaga kerja warga asing (mahir)** Membenarkan dan menguruskan pengambilan tenaga kerja warga asing yang mahir untuk mengisi kekurangan tenaga kerja tempatan di Pasar Tani.	• Kementerian Sumber Manusia • Jabatan Imigresen Malaysia • Jabatan Tenaga Kerja (JTK)

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
		yang tinggi pada awal pagi, serta dilihat mempunyai pulangan pendapatan yang tidak menentu berbanding kerjaya atau perniagaan lain.		
		Penerimaan Petani Petani kecil sering kurang berminat atau menghadapi kekangan untuk terlibat secara langsung dalam pemasaran, sebagai contoh, berniaga di Pasar Tani, atau mengembangkan operasi mereka. Hal ini mungkin disebabkan oleh kekurangan kemahiran, masa atau keyakinan.	**Menyediakan Subsidi** Menyediakan subsidi secara tetap kepada peniaga di Pasar Tani untuk mengurangkan kos penyertaan dan menggalakkan lebih ramai pengusaha.	

Fakta Tambahan

Pusat Pengumpulan Ladang (PPL)

- Di Batu Pahat terdapat dua jenis Pusat Pengumpulan Ladang (PPL). Pertama ialah PPL Konvensional yang menumpukan perkhidmatan pengumpulan hasil pertanian dan penternakan. Kedua ialah PKP (Pusat Pengumpulan & Pengedaran) FAMA di Bukit Batu, Senggarang, yang merupakan projek terbaharu yang diwujudkan untuk memperkukuhkan pemasaran hasil tani. Pusat ini mempunyai operator daripada kalangan petani yang berperanan mengumpul hasil pertanian daripada pengusaha kecil bukan komersial. Hasil yang dikumpul itu kemudiannya akan disalurkan ke Pasar Tani untuk tujuan jualan runcit. Manakala bagi pengusaha berskala komersial, hasil mereka akan dipasarkan terus ke kilang-kilang pemprosesan atau melalui usahawan Ikhtiar yang terlibat dalam pemprosesan produk secara pukal, seperti pembuatan kerepek.

Pasar Tani

- Terdapat tujuh Pasar Tani yang beroperasi di daerah Batu Pahat. Fungsi utamanya adalah sebagai saluran jualan langsung hasil pertanian, hampir sama dengan konsep pasar pagi atau pasar malam. Bezanya, Pasar Tani mengutamakan penjualan produk tani secara khusus dengan mengamalkan pendekatan "dari ladang terus ke pasar". Pendekatan ini menghapuskan penglibatan orang tengah, sekali gus memastikan kesegaran produk dan memberikan harga yang lebih baik kepada kedua-dua petani dan pengguna.

BAHAGIAN 4 Penutup

Penutup

Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan bagi Parlimen Sri Gading dan Parlimen Batu Pahat yang berlangsung pada 21 Ogos 2025 telah berjaya mencapai objektifnya dalam memupuk kesedaran, memperkukuh kerjasama antara agensi-agensi kerajaan dan akademik serta merangka tindakan ke arah pembangunan mampan di peringkat akar umbi.

Melalui gabungan sesi kesedaran mengenai SDG, perbincangan interaktif mengenai isu-isu tempatan dan perkongsian pengalaman, bengkel ini telah berjaya:

- Meningkatkan kefahaman peserta daripada pelbagai agensi kerajaan mengenai 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan kepentingan penyetempatannya
- Mengukuhkan jaringan kerjasama antara agensi kerajaan, pihak akademik dan pemimpin komuniti dalam menangani isu-isu tempatan.
- Mengenal pasti dan merangka penyelesaian terhadap empat isu utama iaitu:
    1) Fenomena banjir dan pengurusan saliran di Parlimen Sri Gading
    2) Pengurusan Kompleks Niaga Parit Raja yang tidak teratur
    3) Cabaran pendidikan melibatkan komuniti belia Orang Asli di Parlimen Batu Pahat
    4) Peningkatan kos pertanian dan penternakan

Setiap wakil agensi telah membentangkan inisiatif semasa serta beberapa cadangan baru yang dilihat mampu menyelesaikan isu-isu yang telah dibincangkan. Penyelesaian yang diutarakan ini juga telah diselaraskan dengan matlamat SDG, sekaligus menunjukkan komitmen wakil-wakil agensi kearah perancangan pembangunan mampan.

Diharapkan hasil dapatan dan cadangan yang dikemukakan dalam laporan ini dapat dijadikan panduan kepada semua pihak berkepentingan untuk mengambil langkah sepatutnya dalam menyelesaikan isu setempat, seterusnya mengukuhkan tadbir urus dan akhirnya merealisasikan matlamat pembangunan mampan di kawasan Parlimen Sri Gading dan Batu Pahat.

Kerjasama berterusan antara agensi-agensi berkepentingan, komuniti setempat dan institusi pendidikan adalah kunci kepada kejayaan ke arah masa depan yang lebih mampan dan berdaya tahan.

Laporan Bengkel Pembangunan Kapasiti

P.161 Pulai

BAHAGIAN 1 Pengenalan

Latar Belakang 165

Objektif 167

Kaedah Pelaksanaan 168

Ringkasan Aktiviti yang telah Dijalankan 168

BAHAGIAN 2 Aktiviti Bengkel

Aktiviti I: Sesi Pengenalan (*Ice Breaking*) 169

Aktiviti II: Pendedahan Mengenai SDG 171

Aktiviti III: Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Pulai 172

Aktiviti IV: Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan 174

BAHAGIAN 3 Hasil Dapatan

Hasil Dapatan: Cadangan Penyelesaian Isu oleh Agensi 175

BAHAGIAN 4 Penutup

Penutup 192



BAHAGIAN 1 Pengenalan

Latar Belakang

Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan bagi Parlimen Pulai (P.161) telah berjaya dilaksanakan pada 29 Januari 2026 (Khamis) bertempat di Hotel Grand Paragon, Johor Bharu. Seramai 32 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan peringkat daerah telah hadir. Tuan Pegawai Daerah, YBrs. Tuan Mohd Masni bin Wakiman turut hadir menyampaikan ucapan amanat dan merasmikan sesi bengkel.

Jadual di bawah merupakan senarai agensi kerajaan peringkat daerah yang telah hadir ke bengkel ini;

BIL	SENARAI AGENSI
1.	Pejabat Daerah Johor Bharu (PDJB)
2.	Polis DiRaja Malaysia (PDRM)
3.	Majlis Bandaraya Johor Bharu (MBJB)
4.	Iskandar Regional Development Authority (IRDA)
5.	Jabatan Pertanian Daerah Johor Bharu
6.	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
7.	Southern Waste Management (SWM)
8.	Pejabat Kadi Daerah Johor Bharu
9.	Pertubuhan Keselamatan Sosial Negeri Johor
10.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Negeri Johor
11.	MARA Negeri Johor
12.	Indah Water Konsortium (IWK)
13.	Jabatan Pengairan dan Saliran Johor Bharu
14.	Jabatan Tenaga Kerja Johor Bharu
15.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Johor Bharu
16.	Jabatan Perikanan Johor Bharu
17.	SWCorp

Bengkel ini telah dikendalikan oleh 6 orang fasilitator daripada APPGM-SDG iaitu:



Dr. Teo Lee Ken
Pengarah
Jabatan Penyelarasan
Parlimen, APPGM-SDG



Siti Shafina Sanusi
Penolong Pengarah
& Ketua Fasilitator, Latihan dan
Pendidikan, APPGM-SDG



Siti Noraisyah Rohim
Pemangku
Ketua Zon Selatan,
APPGM-SDG



Mohd Hazwan Ahyah
Penolong Pengarah
Jabatan Sumber Manusia dan
Pentadbiran, APPGM-SDG



Muhamad Noor Aiman Bani
Penyelaras Tempatan
Parlimen Tanjung Piai



Khairiah Mohd Yatim
Penyelaras Tempatan
Parlimen Pontian

Objektif

Objektif utama bengkel ini adalah:

- **Meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG):** Bengkel ini bertujuan untuk memberikan pendidikan kepada peserta mengenai 17 SDG, kepentingannya di peringkat tempatan, serta kesannya terhadap kelestarian sosial, ekonomi, dan alam sekitar.

- **Menggalakkan kerjasama antara agensi dalam menangani cabaran pembangunan dan isu komuniti di peringkat tempatan:** Pengukuhan kerjasama antara-agensi dapat memanfaatkan sumber secara lebih cekap, meningkatkan keupayaan menyelesaikan masalah, serta mewujudkan penyelesaian holistik yang sesuai dengan keperluan masyarakat setempat.

- **Mengenal pasti dan menggalakkan penglibatan agensi berautoriti serta pemimpin tempatan untuk menerajui pelaksanaan SDG di peringkat akar umbi:** Mengenal pasti dan memperkasakan pemimpin tempatan, pegawai kerajaan daerah, dan wakil komuniti yang berpotensi menjadi penggerak utama SDG, memberi inspirasi kepada orang lain, serta mendorong kesan jangka panjang dalam komuniti mereka.

- **Mengintegrasikan prinsip SDG dalam proses kerja harian, tadbir urus, dan rangka dasar** : Selain meningkatkan kesedaran dan perancangan, mengamalkan prinsip SDG dalam pembuatan keputusan harian dapat memastikan kelestarian kekal sebagai keutamaan dalam pentadbiran dan pembangunan. Ini melibatkan penyelarasan dasar, prosedur kerja, dan perancangan strategik dengan sasaran SDG, sekaligus membawa kepada perubahan institusi yang dapat meningkatkan kecekapan tadbir urus, pembangunan komuniti, dan pengurusan alam sekitar secara berterusan.

Kesemua objektif ini secara kolektif menyumbang kepada membangunkan budaya kelestarian, memastikan bahawa SDG bukan sahaja difahami tetapi dilaksanakan secara aktif pada semua peringkat tadbir urus dan penglibatan komuniti.

Kaedah Pelaksanaan

Berikut merupakan kaedah penyampaian yang telah digunakan sepanjang program berlangsung:

- Syarahan interaktif
- Perkongsian pengalaman
- Aktiviti dan permainan interaktif
- Perbincangan dalam kumpulan
- Pembentangan kumpulan

Ringkasan Aktiviti yang Telah Dijalankan

Bengkel yang telah dijalankan ini merangkumi empat (4) aktiviti utama yang berikut;

- **Aktiviti I** : Sesi pengenalan *'ice-breaking'*
- **Aktiviti II** : Pendedahan Mengenai SDG
- **Aktiviti III** : Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Pulai
- **Aktiviti IV** : Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan



Peserta Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan bagi Parlimen Pulai

BAHAGIAN 2 Aktiviti Bengkel

Aktiviti I : Sesi Pengenalan *(Ice-Breaking)*

Bengkel telah dimulakan dengan sesi pengenalan (*ice breaking*) melalui permainan BINGO. Sesi ini bertujuan untuk memberi peluang kepada peserta untuk berinteraksi antara satu sama lain bagi mendapatkan suasana harmoni sebelum bengkel dimulakan. Sebagai galakan semangat, peserta terawal yang berjaya menyelesaikan aktiviti turut menerima hadiah saguhati.









Antara peserta terawal yang berjaya menyelesaikan aktiviti permainan BINGO semasa sesi Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan Parlimen Pulai.

Aktiviti II : Pendedahan Mengenai SDG

Selepas sesi *ice-breaking,* bengkel diteruskan dengan pengenalan Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (APPGM-SDG) dan penjelasan yang lebih terperinci mengenai 17 Matlamat Pembangunan Mampan.

Sesi ini menghuraikan dengan lebih mendalam peranan penting SDG dalam pembangunan mampan serta bagaimana agensi-agensi boleh memainkan peranan aktif dalam mencapai sasaran tersebut. Para peserta turut didedahkan dengan langkah-langkah praktikal yang boleh diambil oleh agensi untuk menyelaraskan operasi dan program mereka dengan prinsip-prinsip SDG.

Permainan *kahoot* turut dimainkan sebagai medium untuk menguji tahap kefahaman peserta terhadap SDG itu sendiri. Seramai tiga orang peserta yang mendapat markah tertinggi turut diberikan hadiah sebagai galakan kepada mereka.



Aktiviti permainan Kahoot di Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan Parlimen Pulai.

Aktiviti III : Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Pulai

Pengisian aktiviti bagi sesi seterusnya adalah perbincangan antara-agensi dalam mencari penyelesaian isu setempat. Pembentangan isu-isu yang diperolehi hasil daripada lawatan pemetaan isu telah disampaikan oleh ketua penyelidik, Siti Noraiysah Rohim.
Isu yang telah dipilih untuk diberi perhatian dan dibincangkan adalah seperti berikut;

- Kumpulan 1: Dinamika sosioekonomi dan kesepaduan sosial.
- Kumpulan 2: Perubahan corak dalam pembangunan ekonomi belia dan pekerjaan.





Sesi Perbincangan dan Pembentangan di Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan Parlimen Pulai

Aktiviti IV : Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan

Kumpulan Sokongan Penyampaian dan Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan merupakan satu inisiatif kolaboratif yang melibatkan kakitangan agensi kerajaan di peringkat negeri dan daerah di dalam sesebuah kawasan Parlimen bersama kumpulan pemimpin setempat dan ahli komuniti.

Kumpulan ini ditubuhkan dengan tujuan untuk memastikan pelaksanaan SDG dilaksanakan secara menyeluruh dan inklusif sehingga ke peringkat akar umbi. Ini bagi memastikan tiada individu atau kelompok masyarakat yang terpinggir atau ketinggalan dalam proses pembangunan yang dilaksanakan.

Sebagai simbolik komitmen dan sokongan terhadap penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan, bacaan ikrar telah diadakan oleh wakil-wakil agensi kerajaan yang hadir.



BAHAGIAN 3 Hasil Dapatan

Hasil Dapatan : Cadangan Penyelesaian Isu oleh Agensi

Beberapa isu telah dipilih untuk dibincangkan hasil daripada aktiviti pemetaan isu yang telah dijalankan. Penerangan isu adalah seperti berikut;


BIL.	ISU
1.	**Dinamika sosio ekonomi dan kesepaduan sosial.** ● Kehadiran warga asing atau pelarian (terutamanya komuniti Rohingya dan Bangladesh) di Kampung Teluk Serdang dilaporkan meningkat hingga dianggarkan 200–300 orang, sehingga dilihat "memonopoli" kawasan kampung. Situasi ini menimbulkan kebimbangan penduduk asal sehingga mendapat perhatian YB susulan aduan komuniti. ● Tuan tanah atau pemilik rumah telah menyewakan hartanah mereka kepada warga asing. ● Terdapat warga asing yang terlibat dalam aktiviti ekonomi seperti menggutip besi buruk didapati menggunakan motosikal roda tiga secara bebas hingga mengganggu lalu lintas dan membahayakan pengguna jalan raya lain. Penggunaan kenderaan ini juga menimbulkan persoalan tentang kelayakan lesen memandu yang dimiliki oleh mereka. ● Warga asing yang mengutip dan melonggok bahan kitar semula/besi buruk mencemarkan kebersihan kawasan, termasuk di sepanjang aliran sungai. Mereka membuang dan menyimpan plastik, botol, tayar serta peralatan terpakai selama berminggu-minggu, lalu mewujudkan takungan air yang membiakkan nyamuk dan menyumbang kepada kes denggi berulang (contohnya di Kempas). ● Komuniti tempatan turut menyatakan terdapat kejadian pergaduhan yang melibatkan senjata seperti parang dan besi. ● Kebimbangan terhadap status perkahwinan dan perkahwinan antara wanita tempatan dengan warga asing untuk mendapatkan perlindungan. ● Warga asing menubuhkan madrasah khusus untuk komuniti mereka di Teluk Serdang yang menampung kira-kira 80 anak dan pada masa yang sama mengendalikan pelbagai perniagaan seperti kedai runcit. Komuniti tempatan turut mempersoalkan ketiadaan permit/tauliah serta lesen perniagaan dan mendakwa isu ini telah berlarutan.

BIL.	ISU
2.	**Perubahan corak dalam pembangunan ekonomi belia dan pekerjaan.** • Belia memilih untuk bekerja berbanding menyambung pengajian kerana mahu segera menjana pendapatan sendiri. Mereka beranggapan tempoh tiga tahun bekerja boleh membolehkan mereka memiliki aset seperti rumah dan kereta, sedangkan belajar mengambil masa yang sama tanpa pendapatan.



Imbas kod QR ini bagi mendapatkan laporan penuh

Perbincangan penyelesaian isu ini telah dijalankan berdasarkan kerangka dibawah:



Isu: Dinamika Sosioekonomi dan Kesepaduan Sosial

Cabaran Semasa

- Penyalahgunaan subsidi oleh warga asing termasuk warga Rohingya seperti pembelian barangan kawalan (contohnya minyak paket, ketiadaan kawalan harga runcit serta berlakunya ketirisan dan manipulasi barang keperluan rakyat.
- Ketiadaan perundangan dan dasar yang jelas berkaitan pengurusan serta kawal selia warga asing.
- Persaingan ekonomi setempat khususnya dalam peluang pekerjaan dan peluang perniagaan yang memberi kesan kepada penduduk tempatan.
- Ketiadaan sistem pengesahan identiti yang berkesan, terutamanya bagi warga Rohingya yang boleh menyebabkan pemalsuan identiti untuk tujuan pendaftaran sijil kelahiran dan sijil perkahwinan.
- Impak sosial yang ketara termasuk peningkatan beban kewangan kerajaan terutamanya kos kesihatan, kewujudan perkahwinan sindiket, penularan pendidikan dan ajaran sesat, serta peningkatan kadar jenayah yang mengancam ketenteraman dan keselamatan komuniti setempat.
- Impak terhadap alam sekitar, khususnya apabila tiada mekanisme penguatkuasaan undang-undang atau peraturan sekiranya warga asing tersebut melarikan diri ke negara asal. Keadaan ini menyumbang kepada peningkatan kes pencemaran alam sekitar akibat ketiadaan sistem kumbahan yang terancang di kawasan penempatan mereka.

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI
1	**Mewujudkan punca kuasa, dasar atau undang-undang serta garis panduan yang jelas ke atas warga asing berkenaan.** Mewujudkan punca kuasa atau perundangan bagi menghalang	**Ketiadaan dasar dan perundangan yang khusus berkaitan warga Rohingya.** Pelaksanaan masih berada di peringkat awal dan belum dilaksana sepenuhnya.	Memastikan kelulusan dan pelaksanaan segera punca kuasa perundangan bagi menghalang warga asing membeli barangan kawalan seperti minyak paket. Penguatkuasaan bersepadu melibatkan agensi bekaitan perlu diperkasa termasuk pemantauan berterusan terhadap penyalahgunaan barangan

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI
	pembelian dan penjualan barangan subsidi daripada dan kepada warga asing serta pembatalan lesen perniagaan serta-merta terhadap perniagaan 'Ali Baba' yang melibatkan warga asing. Mewujudkan garis panduan perkahwinan yang hanya membenarkan perkahwinan sesama pelarian, manakala perkahwinan antara pelarian dan warganegara Malaysia tidak dibenarkan.		subsidi serta aktiviti perniagaan 'Ali Baba'. Penubuhan jawatankuasa khas yang melibatkan kementerian, agensi penguatkuasa, PBT serta pihak berkepentingan lain bagi menyelaras penggubalan dasar, garis panduan dan pelaksanaan penguatkuasaan secara menyeluruh. Mempercepatkan proses pembentukan dan pelaksanaan garis panduan perkahwinan yang hanya dibenarkan sesama pelarian. Penyediaan SOP yang seragam dan terperinci dapat membantu pegawai pelaksana memahami peranan serta kuasa masing-masing, sekaligus mengurangkan kekeliruan dalam pelaksanaan dasar baharu. Dasar dan garis panduan yang digubal dicadangkan dilaksanakan secara berfasa bermula dengan projek perintis di kawasan berisiko tinggi sebelum diperluaskan bagi memastikan keberkesanan dan pematuhan.
2	**Dokumentasi identiti warga asing terutama warga Rohingya.**	**Ketiadaan pangkalan data berpusat** yang boleh dirujuk oleh semua agensi kerajaan bagi	Pembentukan pangkalan data berpusat di peringkat persekutuan. ● Kerajaan Persekutuan disarankan mewujudkan satu pangkalan data bersepadu

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI
	Pelaksanaan sistem dokumentasi dan pengesahan identiti warga asing, khususnya warga Rohingya.	tujuan pengesahan identiti warga Rohingya.	kursus bagi warga Rohingya, yang boleh diakses secara terkawal oleh agensi berkaitan seperti imigresen, PDRM, PBT dan agensi kebajikan. Penyelarasan dan perkongsian data antara agensi. ● Mekanisme perkongsian data yang jelas perlu dibangunkan bagi memastikan maklumat identiti dapat diselaraskan dan dikemaskini secara berterusan, sekaligus mengelakkan pertindihan rekod dan isu pengesahan. Penggunaan sistem pendaftaran standard dan biometrik. ● Pelaksanaan pendaftaran berasaskan standard seragam, termasuk penggunaan data biometrik (cap jari, atau pengenalan wajah), dapat meningkatkan ketepatan pengesahan identiti serta mengurangkan risiko penyalahgunaan identiti.
			Kerjasama strategik dengan agensi antarabangsa dan NGO. ● Kerjasama bersama *United Nations High Commisioner for Refugees (UNCHR)* dan NGO berkaitan boleh membantu proses pengesahan awal

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI
			serta penyelarasan maklumat sedia ada, khususnya bagi warga Rohingya yang telah didaftarkan sebelum ini.
3	**Mewujudkan penempatan sementara yang terkawal.** Penyediaan penempatan sementara yang lebih terkawal dan berpusat.	**Kesukaran mengenal pasti tapak, kawasan dan sumber** yang sesuai bagi tujuan penempatan semula.	Pelaksanaan pemetaan dan audit tapak berpotensi. ● Kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh menjalankan audit serta pemetaan tanah milik kerajaan dan agensi berkaitan yang tidak digunakan atau kurang dimanfaatkan bagi mengenal pasti lokasi yang sesuai untuk penempatan sementara. Kerjasama antara agensi kerajaan dan NGO. ● Penglibatan agensi persekutuan, kerajaan negeri, PBT serta NGO kemanusiaan dapat membantu dari segi kepakaran, data populasi, logistik dan sumber kewangan bagi menentukan lokasi penempatan yang sesuai dan mampan.

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI
4	**Kesedaran dan pendidikan pengurusan sisa pepejal dan domestik.** Peningkatan kesedaran dan pendidikan berkaitan pengurusan sisa pepejal dan sisa domestik dalam kalangan warga asing.	**Wujudnya jurang komunikasi serta kekurangan penglibatan aktif dalam kalangan komuniti Rohingya.**	Penyampaian maklumat secara pelbagai bahasa dan visual. ● Bahan kesedaran seperti poster, risalah dan video perlu disediakan dalam bahasa yang mudah difahami beserta menggunakan elemen visual bagi mengatasi halangan bahasa dan tahap literasi. Penglibatan pemimpin komuniti dan wakil warga Rohingya. ● Pelantikan ketua komuniti atau *community liaison* dalam kalangan warga Rohingya dapat membantu menyampaikan mesej, meningkatkan kefahaman serta menggalakkan penglibatan aktif komuniti. Kerjasama dengan NGO dan agensi berkaitan. ● Kerjasama bersama NGO, PBT, dan agensi kesihatan dapat memperkukuh pelaksanaan program melalui sokongan kepakaran, bahan pendidikan dan pemantauan berterusan.

Senarai Agensi yang Terlibat

- Kementerian Perdagangan Dalam negeri dan Kos sara Hidup (KPDN)
- Kementerian Dalam Negeri (KDN)
- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
- Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ)
- Pejabat Daerah Johor Bharu (PDJB)
- Pejabat Tanah dan Galian Johor (PTG)
- Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)

Isu : Perubahan corak dalam pembangunan ekonomi belia dan pekerjaan

Cabaran Semasa

Berdasarkan kenyataan isu yang dinyatakan, wakil agensi yang hadir bersetuju berlakunya gelombang perubahan pembangunan ekonomi belia dan peluang pekerjaan tidak hanya di kawasan Parlimen Pulai tetapi merangkumi keseluruhan Bandar Johor Bharu secara amnya. Perkara Ini selari dengan perubahan corak yang ketara sejajar dengan perubahan landskap ekonomi, perkembangan teknologi dan keperluan industri semasa. Beberapa cabaran utama dikenalpasti yang memberi kesan langsung terhadap kebolehpasaran belia serta keberkesanan pelaksanaan inisiatif pembangunan ekonomi tempatan.

1. **Isu Persepsi (*Mindset*) Kerjaya**
   - Sebahagian besar belia masih melihat pekerjaan profesional dan berasaskan akademik sebagai satu-satunya laluan kerjaya yang berjaya.
   - Kerjaya berkemahiran, teknikal dan TVET sering dianggap pilihan kedua atau terakhir sekiranya tidak mencapai keputusan cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
   - Selain itu, masih wujud persepsi dalam kalangan ibu bapa dan masyarakat bahawa laluan TVET tidak menjamin masa depan, walaupun sektor ini sebenarnya menawarkan peluang pekerjaan, gaji permulaan yang kompetitif serta laluan kerjaya yang jelas dalam industri seperti elektrikal, automasi, pembuatan dan industri berat.

2. **Isu *Skill-Gap* dan Ketidakpadanan Kerjaya *(Mismatch).***
   - Berlaku ketidakpadanan antara kelulusan akademik, kemahiran yang dimiliki dan minat sebenar belia dengan keperluan industri semasa.

- Sebagai contohnya, terdapat belia lepasan kejuruteraan yang tidak berminat dalam bidang teknikal tetapi cenderung kepada kerjaya digital, kreatif atau perkhidmatan, menyebabkan mereka kerap bertukar pekerjaan (*job hopping*) dan sukar membina laluan kerjaya yang stabil.
- Kekurangan kemahiran praktikal, pendedahan industri dan kemahiran insaniah (*soft skills*) turut menjejaskan kebolehpasaran belia.

3. Pengangkutan Awam dan Mobiliti Pekerja.

- Ramai belia di Negeri Johor, termasuk kawasan Parlimen Pulai, memilih untuk bekerja di Singapura disebabkan kadar tukaran mata wang yang lebih tinggi.
- Walau bagaimanapun, mereka berhadapan dengan kesesakan trafik yang serius, kos perjalanan yang tinggi serta masa perjalanan yang panjang dan seterusnya akan menjejaskan kualiti hidup, hasil produktiviti dan kesejahteraan pekerja.
- Keterbatasan sistem pengangkutan awam tempatan turut mengehadkan akses belia kepada peluang pekerjaan di kawasan industri dan pusat pertumbuhan ekonomi.

4. Trend Fleksibiliti Kerja dan *Job Hopping*.

- Belia masa kini cenderung menukar pekerjaan dalam tempoh singkat (1-2 tahun) bagi mendapatkan tawaran gaji, faedah dan persekitaran kerja yang lebih baik.
- Faktor utama termasuk keutamaan terhadap keseimbangan kerja-hidup (*work life-balance*), fleksibiliti waktu bekerja, budaya organisasi yang positif serta kemudahan kerja jarak jauh dan ekonomi gig contohnya *e-hailing* dan platform digital.

5. Kekurangan Tanah Pertanian dan Peluang Kerjaya Belia.

- Di Johor Bharu, kekurangan tanah pertanian menyukarkan pembangunan pertanian konvensional berskala besar serta menjejaskan keterjaminan makanan dan peluang belia dalam sektor agromakanan.
- Peningkatan harga dan kos sewaan tanah turut menghadkan penyertaan belia dan usahawan kecil dalam aktiviti pertanian.

6. Teknologi Pertanian yang Mahal.

- Peralihan daripada pertanian konvensional kepada kaedah moden seperti *urban farming*, rumah hijau berteknologi tinggi dan teknologi *Veggie Factory* memerlukan kos permulaan yang sangat tinggi.
- Contohnya, kos permulaan boleh mencecah sehingga RM1-3 juta bagi sistem berteknologi tinggi, berbanding sekitar RM50,000 bagi kaedah konvensional, menjadikannya tidak mampu milik bagi kebanyakan belia.

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI
1	**Perubahan Mentaliti dan kesedaran Awal.** Melaksanakan kempen kesedaran berterusan di peringkat sekolah menengah, kolej dan komuniti bagi memperbetulkan persepsi terhadap kerjaya TVET dan teknikal. Mengadakan sesi libat urus bersama ibu bapa dan komuniti setempat untuk meningkatkan kefahaman tentang potensi kerjaya, pendapatan dan kebolehpasaran graduan TVET. Memperluaskan pendedahan kerjaya sebenar melalui program Tanggungjawab Sosial Korporat *(CSR)* industri, lawatan industri, perkongsian alumni TVET yang berjaya serta pameran kerjaya teknikal. Menyepadukan elemen kesedaran kerjaya dan kemahiran praktikal dalam silibus	**Penerimaan Masyarakat dan Ibu Bapa** Masih terdapat penolakan atau keraguan dalam kalangan ibu bapa dan masyarakat untuk menerima perubahan persepsi terhadap kemahiran dan pendidikan TVET, khususnya apabila melibatkan perubahan aspirasi pendidikan tradisional berasaskan akademik.	Menggunakan pendekatan berasaskan data dan bukti (testimoni industri, kadar kebolehpasaran graduan, struktur gaji) untuk meyakinkan ibu bapa dan masyarakat. Melibatkan tokoh komuniti, pemimpin tempatan dan alumni berjaya sebagai ejen perubahan *mindset*. Memperluaskan program projek perintis (*pilot project*) yang menunjukkan kejayaan sebenar belia dalam kerjaya teknikal TVET. Majlis Pembangunan Bakat Johor (*Johor Talent Development Council*/ JTDC) sebagai organisasi bakat utama di Johor boleh menjadi penggerak utama kepada pelaksanaan projek perintis ini.

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI
	pendidikan awal, termasuk di peringkat sekolah menengah dan rendah.		
2	**Ujian Kecenderungan dan Laluan Kerjaya Fleksibel.** Melaksanakan ujian kecenderungan, minat dan bakat di peringkat sekolah menengah dan pasca sekolah bagi membantu pelajar membuat pilihan kerjaya yang lebih tepat. Memperkukuh sistem kaunseling kerjaya berasaskan data pasaran buruh dan keperluan industri setempat. Menyediakan laluan kerjaya yang fleksibel merangkumi akademik, TVET dan pembelajaran sepanjang hayat. Melaksanakan program *up-skilling* dan *re-skilling* yang diketuai industri bagi membolehkan peralihan kerjaya secara terancang dan mampan.	**Ketidakselarasan antara Sistem Pendidikan dan Keperluan Industri (*Mismatch*).** Kandungan silibus pendidikan yang tidak selari dengan perubahan teknologi dan keperluan industri menyebabkan graduan kurang bersedia untuk memasuki pasaran kerja. Selain itu, perubahan teknologi yang pantas menyukarkan penyedia latihan untuk sentiasa mengemas kini kurikulum dan kemudahan latihan serta bersedia dengan peralatan latihan yang terkini. Sebagai contoh, bagi bidang automotif, penyediaan bahan dan keperluan latihan yang disediakan oleh penyedia latihan	Memperkukuh kerjasama strategik antara penyedia latihan dan industri dalam pembangunan kurikulum. Menggalakkan penglibatan industri secara langsung dalam penyampaian latihan, pensijilan dan penilaian kemahiran. Mengadaptasi model modular, *micro-credentials* dan pensijilan jangka pendek yang responsif kepada keperluan industri. Menyediakan insentif kepada industri yang menawarkan program perantisan, latihan berbayar dan penempatan kerja. Menubuhkan platform pemadanan pekerjaan berasaskan kemahiran (*skills-based job matching*) di peringkat persekutuan, negeri atau daerah. Menarik pelaburan industri berteknologi tinggi dan ekonomi tinggi dan ekonomi

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI
	Menggalakkan program latihan industri, perantisan (*apprenticeship*) dan pembelajaran berasaskan kerja (*on-job training*).	mestilah bertepatan dengan keperluan industri terkini.	digital yang menawarkan gaji kompetitif. Menjalankan pemantauan berterusan terhadap corak mobiliti pekerja bagi menyokong perancangan dasar berasaskan data. Membangunkan model perkongsian kos latihan antara majikan, kerajaan dan penyedia latihan. Menggalakkan 'perjanjian latihan dan ikatan perkhidmatan' (*training bond*) yang adil dan telus. Mengukuhkan budaya tempat kerja yang inklusif, menyokong dan berorientasikan pembelajaran.
3	**Penambahbaikan Infrastruktur dan Mobiliti.** Meningkatkan liputan dan kecekapan sistem pengangkutan awam rentas daerah, khususnya laluan dari kawasan perumahan belia ke kawasan industri dan pusat pekerjaan.	**Kebergantungan Ekonomi kepada Negara Jiran dan Kelemahan Sistem Pengangkutan Tempatan.** Kebergantungan berterusan kepada peluang pekerjaan di negara jiran berisiko melemahkan pasaran buruh tempatan serta meningkatkan	Mengintegrasikan perancangan guna tanah, perumahan dan pengangkutan. Meningkatkan pelaburan berperingkat dalam pengangkutan awam tempatan termasuk bas perantara, rel dan sistem mobiliti hijau.

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI
	Menyelaraskan perkhidmatan pengangkutan awam dengan waktu operasi industri dan syif pekerjaan. Menggalakkan penyediaan pengangkutan pekerja (*shuttle*) oleh majikan, khususnya di kawasan perindustrian. Memperluaskan penggunaan konsep mobiliti pintar (*smart mobility*) seperti aplikasi pemadanan perjalanan, *park-and-ride* dan perkongsian kenderaan.	tekanan terhadap sistem pengangkutan awam dan infrastruktur sedia ada. **Kekangan Ruang dan Kos Tanah yang Tinggi.** Harga tanah yang terus meningkat serta kekangan ruang di kawasan bandar menyukarkan peluasan aktiviti pertanian.	
4	**Amalan Kerja Mesra Belia.** Menggalakkan majikan menyediakan waktu kerja fleksibiliti, pilihan kerja hibrid atau jarak jauh serta persekitaran kerja yang kondusif. Menyokong pelaksanaan laluan kerjaya yang jelas, termasuk pelan pembangunan kerjaya dan kemajuan pangkat berasaskan prestasi.	**Kesukaran Majikan Mengekalkan Tenaga Kerja** Majikan berdepan kesukaran mengekalkan pekerja muda, peningkatan kos latihan dan penurunan produktiviti akibat kadar keluar masuk pekerja yang tinggi.	Menyediakan insentif kepada majikan yang berjaya mengekalkan pekerja belia melebihi tempoh tertentu.

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI
	Menggalakkan kontrak pekerjaan yang lebih stabil dengan faedah perlindungan sosial yang mencukupi, khususnya bagi pekerja muda. Memperluaskan literasi kerjaya belia agar mereka memahami implikasi jangka panjang *job-hopping* terhadap pembangunan kerjaya. Menyokong pembangunan pekerjaan berhampiran komuniti (*decentralised jobs*) dan model kerja fleksibel termasuk kerja jarak jauh (*remote work*).		
5	**Pertanian Moden, Inovatif dan Berimpak Tinggi.** Menggalakkan pembangunan pertanian moden seperti *urban farming, vertical farming* dan hidroponik di kawasan bandar dan pinggir bandar. Mengoptimumkan penggunaan tanah terhad melalui	**Kesukaran Akses Teknologi oleh Belia dan Usahawan Kecil.** Belia dan usahawan kecil berdepan kesukaran untuk memulakan perniagaan berasaskan teknologi akibak kos, kekurangan kepakaran dan risiko kewangan yang tinggi.	Mengintegrasikan perancangan guna tanah bandar dengan agenda keterjaminan makan dan pekerjaan belia. Memperkenalkan zon khas atau hab pertanian bandar di peringkat PBT dan negeri. Mewujudkan model perkongsian fasiliti (*shared facilities*) dan pusat demonstrasi teknologi pertanian.

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI
	pertanian berintensif tinggi dan teknologi pintar (*smart farming*). Menggalakkan penggunaan tanah terbiar atau bangunan kosong melalui kerjasama dengan PBT dan pemilik tanah. **Geran dan Pembiayaan Teknologi** Menyediakan skim pembiayaan khas, geran permulaan dan sokongan CSR industri bagi mengurangkan kos kemasukan belia ke sektor pertanian moden. Menawarkan skim pajakan peralatan dan teknologi pertanian bagi mengurangkan kos modal awal. Memperluaskan latihan teknikal dan bimbingan perniagaan (*mentorship*) kepada belia *agropreneur.*		Menggalakkan perkongsian awam-swasta (PPP) dalam pembangunan agro-teknologi. Menyediakan insurans dan skim perlindungan risiko untuk *agropreneur* belia.

Senarai Agensi yang Terlibat

- JTDC (*Johor Talent Development Council*)
- PERKESO (Pertubuhan Keselamatan Sosial)
- IRDA (*Iskandar Regional Development Authority)*
- Jabatan Pertanian
- Jabatan Perikanan
- Jabatan Perkhidmatan Veterinar
- MARA (Majlis Amanah Rakyat)
- PUJB (Pembangunan Usahawan Johor Bahru)
- TEKUN Nasional (TEKUN)
- Agrobank
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)
- Kementerian Sumber Manusia (KESUMA)
- Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- Penyedia Latihan TVET
- Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS)

BAHAGIAN 4 Penutup

Penutup

Secara keseluruhannya, bengkel ini telah dilaksanakan dengan jayanya dan mencapai objektif yang ditetapkan. Para peserta daripada pelbagai agensi berpandangan bahawa platform libat urus rentas agensi seperti ini amat berkesan dalam membuka ruang perbincangan yang lebih menyeluruh, bersepadu dan berfokus kepada penyelesaian isu setempat secara praktikal dan berimpak.

Bagi isu dinamika kesepaduan sosial yang melibatkan komuniti warga asing Rohingya, cadangan yang dikemukakan jelas memerlukan penglibatan dan sokongan sehingga ke peringkat Kerajaan Persekutuan. Keperluan untuk mewujudkan punca kuasa, dasar atau kerangka undang-undang yang jelas, termasuk proses mendokumenkan pemegang kad UNCHR, memerlukan penyelarasan dasar di peringkat Parlimen serta komitmen berterusan daripada kementerian dan agensi berkaitan di peringkat persekutuan dan negeri.

Manakala bagi isu perubahan corak dalam pembangunan ekonomi belia dan peluang pekerjaan, agensi mencadangkan agar JTDC (*Johor Talent Development Council*) dijadikan sebagai perintis (*pilot project*) bagi menyelaras inisiatif pembangunan bakat, pemadanan pekerjaan, latihan kemahiran dan libat urus industri secara lebih tersusun dan berfasa di peringkat Parlimen Pulai.

Sehubungan itu, sokongan menyeluruh daripada semua pihak termasuk agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, sektor swasta, institusi pendidikan, pertubuhan masyarakat sivil serta wakil rakyat amat diperlukan bagi memastikan pelaksanaan cadangan yang dicapai dapat dilaksanakan secara berkesan dan mampan. Kerjasama strategik ini penting dalam menangani isu komuniti setempat secara holistik agar tidak terus memberi kesan negatif kepada kesejahteraan masyarakat dan kepentingan negara secara keseluruhan.





Penghargaan kepada YBrs. Tuan Mohd Masni bin Wakiman, Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Johor Bharu yang turut hadir ke Bengkel Pembangunan Kapasiti Parlimen Pulai.

Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan anjuran Unit Pembangunan Kapasiti, Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen, APPGM-SDG merupakan satu inisiatif untuk memperkukuh penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) melalui penglibatan pemegang taruh di peringkat kawasan parlimen. Bengkel ini berasaskan pendekatan setempat yang menekankan pemahaman terhadap realiti, keperluan, cabaran dan potensi komuniti sebagai asas kepada pembangunan penyelesaian yang lebih responsif dan mampan.

Sepanjang tahun 2025, bengkel ini telah melibatkan 32 kawasan Parlimen, dengan 4 kawasan digabungkan berdasarkan pertimbangan pentadbiran di bawah pihak berkuasa tempatan yang sama. Hasilnya, sebanyak 28 siri bengkel telah dilaksanakan, menghimpunkan Ahli-ahli Parlimen, agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, komuniti dan pelbagai pemegang taruh dalam usaha mengenal pasti isu, memahami cabaran serta meneroka penyelesaian yang bersesuaian dengan konteks setempat. Bengkel ini telah menyediakan ruang dialog dan pembelajaran bersama bagi mengenalpasti isu pembangunan setempat, memahami cabaran semasa, meneliti intervensi sedia ada serta meneroka cadangan penyelesaian dan peluang kerjasama.

Kompilasi Laporan Bengkel Pembangunan Kapasiti Kawasan Parlimen 2025 ini menghimpunkan dapatan utama daripada proses tersebut dan disusun mengikut zon bagi mengenalpasti isu, cabaran dan tema yang merentasi kawasan parlimen, di samping mengekalkan keunikan konteks setiap lokaliti. Dapatan yang dikemukakan mencerminkan pengalaman dan perspektif pemegang taruh di lapangan serta memberikan gambaran tentang keutamaan pembangunan yang dikenal pasti di peringkat setempat.

Selain menjadi terbitan rujukan pelaksanaan program, *Kompilasi* ini berfungsi sebagai sumber pengetahuan dan bukti setempat yang dapat menyokong perbincangan berkaitan perancangan, penyelarasan antara agensi, pembangunan intervensi dan tindakan susulan. Ia turut mengetengahkan kepentingan pendekatan merentas sektor dalam menangani isu pembangunan yang saling berkait serta keperluan untuk memperkukuh hubungan antara pemegang taruh, dan membuka ruang kepada tindakan yang lebih berasaskan bukti.

Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

A-1-10, Blok A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1, Seksyen 8,
46050 Petaling Jaya, Selangor.

secretariat@appgm-sdg.com

https://www.facebook.com/APPGMSDGMY

ISBN 978-629-7752-48-8